



**DEWAN NEGARA
PARLIMEN KELIMA BELAS
PENGKAL KEEMPAT
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 12

Isnin

24 Mac 2025

K A N D U N G A N

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

(Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2024) 2025

(Halaman 33)

Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 2025

(Halaman 84)

AHLI HADIR

1. Yang Berhormat Dato Awang Bemee bin Awang Ali Basah [Yang di-Pertua]
2. “ Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed [Timbalan Yang di-Pertua]
3. “ Datuk Seri Amir Hamzah Azizan [Menteri Kewangan II]
4. “ Puan Dr. Hajah Fuziah bint Salleh [Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup]
5. “ Puan Saraswathy a/p Kandasami [Timbalan Menteri Perpaduan Negara]
6. “ Dr. Zulkifli bin Hasan [Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)]
7. “ Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol
8. “ Tuan Manolan bin Mohamad
9. “ Puan Susan Chemeraï Anding
10. “ Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu
11. “ Tuan Robert Lau Hui Yew
12. “ Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh
13. “ Datin Hajah Ros Suryati binti Alang
14. “ Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli
15. “ Tan Sri Dato' Low Kian Chuan
16. “ Prof. Tan Sri Datuk Dr. Haji Mohamed Haniffa bin Abdullah
17. “ Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan
18. “ Dato' Sivaraj a/l Chandran
19. “ Tuan Mohd Hasbie bin Muda
20. “ Tuan Abun Sui Anyit
21. “ Tuan Roderick Wong Siew Lead
22. “ Datuk Nelson W Angang
23. “ Puan Noorita binti Sual
24. “ Puan Anna Bell @ Suzieana binti Perian
25. “ Tuan Pele Peter Tinggom
26. “ Dato' Setia Salehuddin bin Saidin
27. “ Datuk Rosni binti Sohar
28. “ Dato' Haji Hussin bin Ismail (Terengganu)
29. “ Tuan Che Alias bin Hamid (Terengganu)
30. “ Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad (Perlis)
31. “ Tuan Azahar bin Hassan (Perlis)
32. “ Prof. Emeritus Dato' Dr. Mohammad Redzuan bin Othman. (Selangor)
33. “ Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair (Negeri Sembilan)

AHLI HADIR (samb/-)

- | | | |
|-----|----------------|--|
| 34. | Yang Berhormat | Puan Tiew Way Keng. (Selangor) |
| 35. | " | Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah (Negeri Sembilan) |
| 36. | " | Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff (Kelantan) |
| 37. | " | Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz (Kelantan) |
| 38. | " | Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar (Perak) |
| 39. | " | Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof (Perak) |
| 40. | " | Dato' Abdul Halim bin Suleiman (Johor) |
| 41. | " | Datuk Lim Pay Hen (Johor) |
| 42. | " | Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris (Kedah) |
| 43. | " | Tuan Musoddak bin Ahmad (Kedah) |
| 44. | " | Datuk Wira Koh Nai Kwong (Melaka) |
| 45. | " | Datuk Haji Mustafa bin Musa (Melaka) |
| 46. | " | Dr. Lingeswaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam (Pulau Pinang) |
| 47. | " | Tuan Amir bin Md Ghazali (Pulau Pinang) |
| 48. | " | Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim (Sarawak) |
| 49. | " | Tuan Michael Mujah Lihan (Sarawak) |
| 50. | " | Datuk Bobbey Ah Fang bin Suan (Sabah) |
| 51. | " | Datuk Edward Linggu Bukut (Sabah) |
| 52. | " | Tuan Isaiah a/l D Jacob (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) |
| 53. | " | Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman (Wilayah Persekutuan Labuan) |

AHLI TIDAK HADIR

- | | | |
|----|----------------|---|
| 1. | Yang Berhormat | Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar [Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)] |
|----|----------------|---|

AHLI TIDAK HADIR (DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 83)

- | | | |
|----|----------------|--|
| 1. | Yang Berhormat | Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Menteri Dalam Negeri] |
| 2. | " | Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz [Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri] |
| 3. | " | Datuk Seri Diraja Dr. Zambry bin Abdul Kadir [Menteri Pengajian Tinggi] |

Hadir Bersama

- | | | |
|-----|----------------|--|
| 1. | Yang Berhormat | Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan
[Menteri Luar Negeri] (Rembau) |
| 2. | " | Dato' Seri Haji Mohamed Khaled bin Nordin [Menteri
Pertahanan] (Kota Tinggi) |
| 3. | " | Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri [Menteri
Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat]
(Santubong) |
| 4. | " | Puan Hannah Yeoh [Menteri Belia Dan Sukan.
(Segambut)] |
| 5. | " | Puan Lim Hui Ying [Timbalan Menteri Kewangan]
(Tanjong)] |
| 6. | " | Dato Lukanisman bin Awang Sauni [Timbalan Menteri
Kesihatan] (Sibuti)] |
| 7. | " | Tuan Wong Kah Woh [Timbalan Menteri Pendidikan]
(Taiping)] |
| 8. | " | Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Timbalan
Menteri Kerja Raya] (Pontian)] |
| 9. | " | Tuan Chan Foong Hin [Timbalan Menteri Perladangan
dan Komoditi] (Kota Kinabalu)] |
| 10. | " | Datuk Hajah Rubiah binti Wang [Timbalan Menteri
Kemajuan Desa dan Wilayah] (Kota Samarahan)] |
| 11. | " | Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Timbalan
Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air] (Johor
Bahru)] |
| 12. | " | Tuan Liew Chin Tong [Timbalan Menteri Pelaburan,
Perdagangan dan Industri] (Iskandar Puteri)] |

DEWAN NEGARA**Ketua Pentadbir Parlimen**

Dato' Ahmad Husaini bin Abdul Rahman

Setiausaha Dewan Negara

Muhd Sujairi bin Abdullah

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Adlina Aisyah binti Ahmad Rusli

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN PENYATA RASMI
(HANSARD TEAM)**

Monarita binti Mohd Hassan

Azhari bin Hamzah

Rosna binti Bujairomi @Bijirani

Alzian binti Baharudin

Rosmawati binti Mat Nor

Noraidah binti Manaf

Siti Norlina binti Ahmad

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Nor Faraliza binti Murad @Nordin Alli

Herdawati binti Mohd Amir Abbu

Noor Sheila binti Razali

Hasnah Sakinah binti Mohd Hashim

Nur Hazwanie binti Mohd Rozali

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Aizafasya binti Zainal

Nur Aliya binti Mustaz

Adele Beatrice anak Rabeng

Syaqira binti Abd. Razak

Noor Azimah binti Ahmad @Abu Bakar

Mohamad Saidi bin Daud

Nik Muhammad Ismail bin Karim

Azmir bin Mohd Salleh

Mohd. Izwan bin Mohd. Esa

Nor Kamsiah binti Asmad

Aifarina binti Azaman

Noorfazilah binti Talib

Farah Asyraf binti Khairul Anuar

Julia binti Mohd. Johari

Syahila binti Ab Mohd Khalid

Ismalinda binti Ismail

Amir Arshad bin Ab Samad

Hizamihatim Maggisa bin Juara

Muhammad Firdaus bin Ahmad

Izzul Syazwan bin Abdul Halim

Maryam binti Azinuddin

Mohd Aizuddin bin Pahrol Laili

Nurul Syakirah binti Ibharim

Suhaila binti Sariffuddin

Nor Afina binti Mohamed Rashid

Muhamad Shafiq bin Ahamad

Muhammad Akmal bin Md Yusoff

Wan Nur Faliqha binti Wan Hazani

Anisah Sahirah binti Hamzah

Syaza Waheeda binti Mohd Dzarif

Siti Nor Aisyah binti Mohd Jaid

Shazryn bin Mohd Faizal

Sharon Eugena Jack Aman

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KELIMA BELAS
PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT PERTAMA
Isnin, 24 Mac 2025

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

Tuan Yang di-Pertua: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum, salam sejahtera.*
Dipersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman.

Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Dato Speaker, soalan saya nombor 1.

1. Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman minta Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah menyatakan, apa langkah-langkah yang diambil oleh KEMAS untuk meningkatkan kualiti pendidikan awal kanak-kanak di luar bandar terutamanya dalam memberikan akses yang lebih baik kepada pendidikan prasekolah bagi keluarga berpendapatan rendah.

Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah [Datuk Hajah Rubiah binti Haji Wang]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih, Dato Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman atas soalan.

Dato Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian KKDW melalui Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) sentiasa komited dalam meningkatkan kualiti pendidikan awal kanak-kanak khususnya di luar bandar. Sehingga akhir tahun 2025, pelbagai kerjasama strategik telah dijalankan bagi memperkukuhkan pembangunan profesional pendidik masyarakat dan meningkatkan keupayaan pendidikan di tabika dan juga di taska KEMAS. Antara kerjasama yang telah dilaksanakan termasuklah:

- (i) kerjasama bersama dengan institusi pengajian tinggi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Kuala Lumpur dalam khusus pembangunan laman sesawang interaktif belajar;

- (ii) kerjasama dengan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dalam pelaksanaan kolokium pendidikan awal kanak-kanak peringkat antarabangsa;
- (iii) kerjasama dengan UniKL, Universiti Teknologi Mara, UKM dan juga MDEC bagi mewujudkan Tabika KEMAS *Smart Room* dan juga Program STREAM KEMAS; dan
- (iv) kerjasama dengan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kolej Poly-Tech MARA dan juga UKM dalam pelaksanaan Program Hadis 40 di Tabika KEMAS.

Manakala kerjasama bersama dengan agensi dengan yayasan termasuk:

- (i) kerjasama bersama dengan Yayasan Pahang dan juga Yayasan Pintar dalam pelaksanaan Modul Hafazan Pra Tahfiz Tabika KEMAS;
- (ii) kerjasama bersama dengan PERMATA Kurnia dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam latihan kepada guru bagi bidang keperluan khas selaras dengan perancangan penubuhan tiga buah tabika keperluan khas autisme di Melaka sebagai projek perintis tahun ini;
- (iii) kerjasama dengan KPM, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Jabatan Pertanian, MARDI, MDEC dan lain-lain bagi memperkasakan latihan dan pembangunan profesional pendidik KEMAS.

Bagi memastikan pendidikan awal kanak-kanak terus berkembang dan kondusif seiring dengan keperluan semasa, KEMAS turut melaksanakan pelbagai inisiatif.

Yang pertama, peningkatan infrastruktur dan juga kemudahan pembelajaran. Tahun ini, kita mendapat peruntukan khas RM40 juta untuk menaik taraf premis dan pembelian peralatan untuk tabika dan Taska KEMAS.

Yang kedua, kita juga ada peruntukan RM1.25 juta di bawah OS35 bagi pembelian perabot dan juga peralatan elektrik.

Yang seterusnya, pemerkasaan teknologi pendidikan iaitu penyediaan 500 unit *smartboard* bernilai RM5.15 juta bagi memperkasakan lagi pembelajaran berasaskan teknologi pada tahun 2024, peruntukan sebanyak RM9.896 juta di bawah transformasi digital yang merangkumi pembelian 1,100 unit komputer riba untuk Tabika KEMAS, pembangunan sistem dan juga perisian Tabika KEMAS.

Akhir sekali, program bantuan makanan tambahan yang mana peruntukan RM140 juta bagi penyediaan makanan tambahan untuk kanak-kanak di tabika dan taska KEMAS yang mana program ini bertujuan untuk meningkatkan lagi kualiti pemakanan, tahap kesihatan dan keselamatan fizikal kanak-kanak sekali gus menyokong perkembangan fizikal dan mental mereka.

Langkah-langkah ini selaras dengan komitmen kerajaan dalam memastikan pendidikan awal kanak-kanak yang berkualiti, inklusif dan juga memenuhi keperluan semasa. Terima kasih, Dato Yang di-Pertua.

Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman: Dato Speaker, soalan tambahan. Kita dimaklumkan bahawa KEMAS telah menerima ataupun telah dianugerahkan *Trusted Brand Award* dan sebagaimana yang telah dimaklumkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi mengenai dengan peruntukan yang telah diberikan sebanyak RM40 juta untuk bangunan dan sebagainya.

Adakah dia dibuat berdasarkan kepada *on demand basis* atau ada rosak baharu hendak *repair*? Kerana keadaan KEMAS-KEMAS di luar bandar- dan bagaimanakah mengenal pasti kawasan luar bandar yang memerlukan perhatian khusus dalam penyediaan pendidikan awal mereka? Kerana ia *related* kepada anugerah *Trusted Brand Award* tersebut. Terima kasih, Dato Speaker.

Datuk Hajah Rubiah binti Haji Wang: Dato Speaker, jawapan ini agak panjang sikitlah sebab ada tiga- sub soalan. Yang pertama, berkaitan dengan *Reader's Digest 2025, Trusted Brand Award*.

■1010

KEMAS pada tahun ini sekali telah berjaya mendapat pengiktirafan antarabangsa *Gold Award Reader's Digest Trust Brand* sebagai jenama yang paling dipercayai, pilihan pengguna buat kali keenam bagi tahun 2025. Pengiktirafan ini telah diterima pada tahun 2017, 2020, 2022, 2024 dan 2025 yang mana KEMAS merupakan satu-satunya penyedia perkhidmatan pendidikan awal kanak-kanak milik kerajaan di Malaysia yang mendapat pengiktirafan ini. Sorotan kejayaan tabika KEMAS mengikut tahun pengiktirafan seperti berikut:

- (i) 2017: Transformasi Tabika KEMAS;
- (ii) 2020: Pendidikan STREAM;
- (iii) 2022: Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran di rumah;
- (iv) 2023: Transformasi Digital Pendidikan Awal Kanak-kanak;
- (v) 2024: Program pra tahfiz Tabika KEMAS; dan
- (vi) 2025: Bakat Digital Kanak-kanak.

Jadi anugerah ini, sebenarnya berdasarkan kajian yang telah dilaksanakan oleh *Reader's Digest* di lima buah negara Asia yang diberi penilaian berdasarkan kebolehpercayaan dan kredibiliti, kualiti, nilai memahami keperluan pengguna, inovasi dan juga tanggungjawab sosial. Ini antara yang mana KEMAS telah berjaya mendapat *award* berkenaan dan tahun ini, *insya-Allah* kita akan terima lagi pengiktirafan...

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Mencilah sikit boleh Datuk?

Datuk Hajah Rubiah binti Wang: ...Kita diberi pengiktirafan.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Boleh celah sikit?

Datuk Hajah Rubiah binti Wang: Saya tengah jawab, mana boleh celah... [Ketawa] Jadi, itu berkaitan dengan *Reader's Digest Trust Brand*. Berkaitan dengan perkara kedua, berkaitan dengan naik taraf dan juga penyelenggaraan bangunan tabika dan KEMAS- tabika dan taska KEMAS seluruh Malaysia. Untuk makluman, RM40 juta itu merupakan sebahagian sahaja. Sebenarnya, KEMAS telah mempunyai perancangan, telah buat kajian, telah buat penyelidikan berkaitan dengan kedudukan infrastruktur bangunan-bangunan di bawah KEMAS yang mana memerlukan penambahbaikan yang lebih baik lagi pada masa akan datang.

Untuk RM40 juta ini, kita telah pun mengenal pasti tadika-tadika yang perlu kita beri prioriti pada tahun ini, pada awal tahun ini termasuk di negeri Johor. Kita telah agihkan peruntukan-peruntukan, saya mohon maaf peruntukan itu tidak ada di sini. Kita agihkan mengikut negeri dan tadika-tadika tersebut pun telah dikenal pasti dan *insya-Allah* akan dilaksanakan seterusnya selepas ini.

Sebenarnya untuk selain RM40 juta ini, kita memerlukan RM58 juta lagi sebagai dana tambahan. Maksudnya RM40 juta itu tidak cukup untuk kita menaik taraf keseluruhan bangunan KEMAS, bangunan milik KEMAS, tidak termasuk bangunan sewaan ataupun tumpangan sebab KEMAS ini tadika dia ada tiga kategori- menumpang, sewa dan juga bangunan milik sendiri.

Jadi, kita berhasrat pada tahun depan kita memohon peruntukan tambahan lagi untuk bangunan-bangunan tadika yang belum dapat dilaksanakan pada tahun ini. Kita mengharap Kementerian Kewangan khasnya dapat melihat kedudukan infrastruktur tabika-tabika KEMAS khasnya di luar bandar. Manakala yang ke-tiga tadi berkaitan bagaimana kita nak *improve*-kan sistem pendidikan luar bandar. KEMAS mengambil pendekatan- kita nak memastikan modul pendidikan khasnya STREAM dilaksanakan sepenuhnya.

Untuk makluman, memang STREAM telah pun diwujudkan sejak 2018. Modul STREAM itu lebih kepada STEM- sains dan matematik yang ditekankan pada masa ini dan *alhamdulillah*, mendapat komitmen ataupun respons yang baik daripada pelajar-pelajar tabika yang boleh menguasai STREAM di peringkat kawasan luar bandar. Satu lagi kita cuba *upgrade*-kan pendidik-pendidik KEMAS lah, pendidik-pendidik KEMAS. Maksudnya supaya dengan kolaborasi dengan agensi-agensi sains tersebut bagi memastikan pengetahuan mereka memenuhi keperluan pendidik-pendidik selaras dengan Kementerian Pendidikan Malaysia. Terima kasih Dato Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah, Yang Berhormat Tuan Haji Hussin. Soalan yang terakhir.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Terima kasih Dato Yang di-Pertua. Pertama, saya nak ucap tahniah atas kehebatan KEMAS dalam memenuhi ranking terbaik Nusantara mahupun *regional* ini. Cuma pendidikan memang tugas utama kepada kerajaan. Tentu banyak kan tadika-tadika yang bukan kerajaan yang mempunyai peranan yang besar dalam membangunkan anak-anak ini di prasekolah.

Ada tak yang mungkin dalam maklumat Yang Berhormat, tadika-tadika swasta yang juga mempunyai sumbangan besar dan apakah peranan kerajaan dalam membantu tadika-tadika yang lain yang bukan kerajaan ini untuk turut memperkasa dan membantu peranan kerja yang juga merupakan kerja kerajaan yang dibantu oleh swasta. Terima kasih.

Datuk Hajah Rubiah binti Wang: Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan.

Memang kita sedia maklum, memang banyak wujud tabika-tabika dan taska di dalam negara kita khasnya milik kerajaan dan juga pihak swasta yang banyak memberi sumbangan sebenarnya dalam pendidikan prasekolah di seluruh negara kita. Namun begitu, saya tak ada rekod sebab hanya KEMAS di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah. *Award* yang kita dapat pun, maksudnya *Reader's Digest* ini pun sebenarnya mengambil kira semua baik di peringkat *private sector* ataupun milik kerajaan di lima buah negara utama di Asia.

Saya dimaklumkan semua sebab saya sendiri dah bercakap dengan pihak pengurusan sebab tahun lepas saya diberi mandat untuk menerima hadiah *on behalf* KEMAS di KLCC. So, menurut pengurusnya dimaklumkan memang dia dah *search* semua, maksudnya tabika-tabika yang ada *provider* maksudnya penyedia tabika di Malaysia dan juga di lima buah negeri. Kebanyakannya, kebanyakan *responden*, lebih 8,000 responden menyebut tentang kebolehpercayaan terhadap model dan Tabika KEMAS.

Yang lain saya tak pasti sebab saya tak ada rekod lah, maksudnya saya tak ada rekod. Yang kita pasti, yang di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah dan kita juga sedia maklum bahawa prasekolah di peringkat Kementerian Pendidikan lebih baik lagi dengan *facilities* kemudahan dan cikgu yang diatur dengan begitu baiklah memandangkan KEMAS kita berdasarkan permohonan dan juga *upgrading* guru-guru yang sedia ada.

Yang mana KKW sentiasa melalui KEMAS, sentiasa membuat latihan-latihan yang berterusan kepada pendidik-pendidik ataupun pemaju masyarakat kita yang mengendalikan taska dan juga tabika KEMAS. Terima kasih Dato Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Roderick Wong.

Tuan Roderick Wong Siew Lead: Terima kasih Dato Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 2.

2. Tuan Roderick Wong Siew Lead minta Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air menyatakan, perincian terkini berkenaan dengan pelan tindakan, strategi atau usaha konkrit kerajaan untuk menyokong pembangunan tenaga solar, angin dan hidro dalam negara beralih kepada tenaga boleh diperbaharui.

Timbalan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air [Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir]: Terima kasih Dato Yang di-Pertua. YB Senator yang bertanyakan mengenai pelan tindakan ataupun strategi ke arah peralihan kepada tenaga boleh diperbaharui.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berpandukan kepada *National Energy Transition Roadmap* ataupun NETR, langkah strategik yang akan ataupun sedang dilaksanakan Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air ataupun PETRA dalam menyokong pembangunan sumber tenaga boleh baharu dan juga untuk kita tingkatkan kapasiti penjanaan TBB ini termasuk tenaga solar, angin dan hidro adalah menerusi pelaksanaan inisiatif seperti berikut:

- (i) melaksanakan pembangunan loji jana kuasa solar berskala besar melalui Program Solar Berskala Besar ataupun singkatannya LSS;
- (ii) menggalakkan pemasangan sistem solar di bumbung bangunan melalui program yang kita panggil *Net Energy Metering* ataupun NEM dan juga tenaga solar *for self-consumption* ataupun SELCO;
- (iii) melaksanakan pembangunan loji jana kuasa TBB yang dibiayai secara langsung oleh pengguna elektrik hijau melalui skim yang kita panggil *Corporate Renewable Energy Supply Scheme* ataupun CRESS; dan
- (iv) pembangunan projek penjanaan sumber bukan solar iaitu biogas, biojisim, hidro kuasa kecil dan angin melalui program *Feed-in Tariff* ataupun FiT dan juga *Low Carbon Energy Generation Programme*.

■1020

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pelaksanaan kesemua inisiatif tersebut akan menyumbang kepada aspirasi peralihan tenaga negara, yang mana kita menasaskan untuk mencapai 31 peratus tenaga boleh baharu dalam pembekalan elektrik untuk tahun ini tahun 2025, 40 peratus pada tahun 2035 dan juga 70 peratus menjelang tahun 2050. Sekian, terima kasih Dato Yang di-Pertua.

Tuan Roderick Wong Siew Lead: Terima kasih jawapan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Soalan tambahan saya ialah bagaimanakah kementerian merancang untuk menggalakkan lebih banyak pelaburan dalam teknologi tenaga hijau dan inovasi dalam sektor tenaga dan air di Malaysia? Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir: Boleh ulang?

Tuan Roderick Wong Siew Lead: Bagaimanakah kerajaan menggalakkan lebih banyak pelaburan?

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir: Pelaburan. Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Pelaburan.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir: Okey.

Tuan Roderick Wong Siew Lead: Dalam teknologi tenaga hijau.

Tuan Yang di-Pertua: Menggalakkan pelaburan.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir: Terima kasih Dato Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat.

Sekiranya kita rujuk kembali daripada segi perancangan ataupun untuk menggalakkan lagi pelaburan dalam sektor tenaga hijau sebagai contoh, kerajaan cuba sebaik mungkin untuk mempelbagaikan kaedah ataupun inisiatif untuk memasuki tenaga boleh baharu ini.

Jadi contoh, kalau sebelum ini kelaziman bila kita melaksanakan tenaga boleh baharu, kerajaan akan membuka ruang melalui permohonan untuk melaksanakan *Large Scale Solar* (LSS) dan perkara ini perlu melalui proses bidaan yang kita kawal melalui kuota yang kita tetapkan mengikut tahun ataupun perancangan yang kita ada, tetapi sebagai contoh tahun lepas, kerajaan telah mengambil satu tindakan berdasarkan rancangan bawah NETR iaitu untuk melaksanakan pembinaan ladang solar ini, tidak hanya bergantung pada permintaan daripada kerajaan, tetapi juga boleh mendapat permintaan itu secara langsung dengan pengguna tenaga hijau.

Jadi CRESS itu sebagai contoh permintaan ataupun pengguna itu membeli secara langsung dengan pembekal tenaga boleh baharu ini, dengan hanya perlu melalui laluan ataupun grid kita yang mana inilah yang kita panggil *third party access*.

Jadi sebab itu daripada segi untuk kita menggalakkan lebih banyak pelaburan dalam tenaga boleh baharu, kerajaan perlu lebih peka dan juga memahami permintaan daripada pasaran dan juga daripada pelabur. Ini kerana dalam usaha untuk kita mencapai sebagai contoh 70 peratus menjelang tahun 2050, penglibatan itu tidak cukup sekadar perancangan di peringkat kerajaan, tetapi juga galakan itu datang secara langsung daripada pihak industri itu sendiri. Terima kasih Dato Yang di-Pertua.

Datuk Edward Linggu Bukut: Soalan tambahan Dato Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

So, dalam konteks pembangunan tenaga ini saya ingin bertanya, sejauh mana peranan daripada GLC ataupun swasta untuk membantu perkembangan pembangunan tenaga solar, angin dan hidro ini? Jika ada, apakah insentif-insentif atau manfaat yang kerajaan akan berikan kepada GLC ataupun swasta ini? Terima kasih.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir: Terima kasih kepada Dato Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator.

Ketika ini, pasaran daripada segi industri tenaga ini memang lebih berteraskan kepada pasaran itu sendiri. Yang bermaksud, kita sebenarnya bila- saya cuba mengambil contoh CRESS sebentar tadi. Apabila kerajaan telah melancarkan program ini tahun lepas, antara dua pihak yang telah pun menandatangani ataupun telah pun memasuki sistem ini adalah di pihak TNB dan juga UEM Lestra.

Jadi, di situ sebenarnya pihak GLC sememangnya mungkin ada kelebihan daripada segi perancangan sebab tenaga boleh baharu ini komitmennya, pelaburannya yang kita dapati dia bersifat jangka sederhana ataupun panjang kerana ada kontraknya untuk melaksanakan ladang solar tersebut. Maka di situ sebenarnya *advantage* itu ada kelebihan di pihak-pihak seperti GLC dan sebagainya.

Cuma perkara yang kedua, kalau kita lihat daripada segi kelebihan, perkara ini sebenarnya boleh digarapkan oleh syarikat sama ada di peringkat Persekutuan ataupun negeri. Ini kerana dalam pelaksanaan pembangunan sebagai contoh ladang solar, kerjasama dengan peringkat kerajaan negeri sebagai contoh untuk mendapatkan tanah-tanah dan sebagainya, itu akan memberi kelebihan kepada syarikat-syarikat milik kerajaan. Ini kerana mungkin ada kesefahaman ataupun usaha sama antara kerajaan negeri, pemilik tanah dan seterusnya untuk memasuki inisiatif ataupun ruang pelaksanaan tenaga boleh baharu ini.

Cuma daripada segi untuk insentif secara langsung itu, bagi saya industri tenaga elektrik ini ataupun bekalan tenaga ini bersifat *market centric*. Kita cuba menggalakkan persaingan yang sihat. Maka di situ kita mengharapkanlah lebih ramai pelaburan yang masuk itu bukan hanya di kalangan GLC tapi juga syarikat-syarikat swasta. Terima kasih Yang Berhormat.

Datin Hajah Ros Suryati binti Alang: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Terpulang kepada Menteri. Boleh?

Datin Hajah Ros Suryati binti Alang: Saya ingin menyentuh mengenai tenaga solar iaitu kemudahan pembiayaan daripada institusi kewangan bagi pemasangan Solar Rakyat. Adakah kerajaan bersedia memastikan pemasangan solar ini turut dapat dinikmati golongan B40 juga serta diperluaskan di sekolah, universiti, premis-premis kedai dan bangunan dalam usaha memastikan penggunaan tenaga solar dapat merealisasikan tenaga bebas karbon menjelang tahun 2050? Terima kasih.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir: Terima kasih Dato Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator.

Untuk di bawah skim *Net Energy Metering* (NEM), memang kita ada dua kaedah pelaksanaan. Satu untuk rakyat, satu lagi untuk bangunan dan premis selainnya. Di bawah

NEM Rakyat ini, kerajaan tahun lepas telah perkenalkan yang kita panggil SolaRIS- Solar untuk Rakyat ini yang mana kita memberi rebat sehingga RM4,000 bagi pemasangan solar panel mengikut berapa banyak kilowatt yang dipasang. *Insyaa-Allah*, program ini setakat ini kita sedang melaksanakan dan diteruskan sehingga 30 April 2025 sebelum, sekiranya ada hala tuju yang baharu.

Cuma bagi pertanyaan mengenai B40 sama ada, ada insentif khusus untuk kita bantu, sebenarnya yang SolaRIS itu kita tak terhad. Mana-mana pihak boleh memohon. Cuma, cabaran untuk memasang solar ini adalah kerana kita perlu memastikan kadar penggunaan ataupun *demand* itu seperti mana penjanaan ataupun *supply* itu untuk membolehkan penjimatan berlaku.

Jadi rata-ratanya sebagai contoh, kalau B40 penggunaannya mungkin tidak begitu besar dan kebanyakan B40 ini bila kalau contohnya kumpulan miskin tegar, kerajaan sememangnya bagi rebat RM40 kepada mereka. Ini untuk mereka yang miskin tegar, memang dapat rebat untuk pembayaran bil elektrik, tetapi sebagai contoh bila untuk memasang solar ini, anggaran di pasaran menyatakan bahawa ia sesuai dipasang sekiranya bil kita ini lebih daripada RM250 sebulan. Ini anggaran sayalah. Maksudnya sekiranya penggunaan itu di bawah, bila berlaku penjimatan, penjimatan itu mungkin tidak dapat dinikmati sepenuhnya pemasangan tersebut kerana kos awalan *capex* yang kita laburkan untuk memasang panel tersebut mungkin tidak setimpal dengan penjimatan yang kita buat setiap bulan.

Jadi sebab itu kerajaan menggalakkan pemasangan solar ini secara keseluruhan, tidak hanya menyasarkan kepada kumpulan B40 kerana B40 kita ada kaedah membantu melalui rebat ataupun penjimatan bil elektrik RM40. Sementara pemasangan solar itu, nasihatnya adalah bila penggunaan melebihi RM250, RM300 sebulan, *convert*-lah ataupun beralihlah ke penggunaan solar kerana itu akan lebih menjimatkan kita dalam jangka masa sederhana ataupun jangka masa panjang. Terima kasih Dato Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen.

Datuk Lim Pay Hen: Terima kasih Dato Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 3.

3. Datuk Lim Pay Hen minta Menteri Luar Negeri menyatakan, apa peranan yang akan dimainkan oleh Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN 2025 dan juga sebagai rakan negara BRICS dalam mendepani cabaran ekonomi global dengan mengambil kira ancaman ekonomi yang dilaksanakan oleh Amerika Syarikat di bawah kepimpinan Presiden Donald Trump.

Menteri Luar Negeri [Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan]: Dato' Yang di-Pertua, terima kasih. Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Lim yang bertanya berkenaan dengan Kepengerusian ASEAN 2025 dan juga sebagai rakan negara BRICS

dalam mendepani cabaran ekonomi global, mengambil kira tentang isu-isu berkenaan dengan pentadbiran baharu di Amerika Syarikat.

■1030

Yang Berhormat Dato Yang di-Pertua, ASEAN merupakan ekonomi kelima terbesar dunia dan akan terus berpegang kepada prinsip perdagangan bebas dan adil. ASEAN akan terus mengambil pendekatan kolektif yang bersifat strategik termasuk usaha-usaha untuk memperluaskan akses pasaran. Penting bagi menangani ketidaktentuan ekonomi global termasuk risiko-risiko yang timbul dari dasar perlindungan dan tekanan ekonomi dari luar.

Malaysia akan menentukan Dato Yang di-Pertua, bahawa ASEAN akan terus mengamalkan dasar berkecuali yang mana perhatian akan diberikan di platform-platform utama ASEAN termasuk di Sidang Kemuncak ASEAN dan juga dalam Mesyuarat Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN.

Malaysia akan memanfaatkan Kepengerusian kita sebagai Pengerusi ASEAN, Dato Yang di-Pertua untuk kita memacu agenda ekonomi ASEAN 2025 dengan kita melalui Keberhasilan Ekonomi Berkeutamaan atau *Priority Economic Deliverables* (PEDs) dengan izin, ke arah pembangunan ekonomi serantau yang lebih mampan dan juga inklusif.

Pada masa yang sama Dato Yang di-Pertua, ASEAN juga akan terus mengukuhkan hubungan kita dengan pihak Amerika Syarikat iaitu rakan dialog strategik yang telah terjalin sejak tahun 1977. Diperkukuhkan lagi dengan melalui kita menaik taraf kita punya hubungan pelbagai hala ASEAN dengan Amerika Syarikat ini dengan kita menaik taraf kepada perkongsian strategik komprehensif- *comprehensive strategic partnership* pada tahun 2022. Amerika Syarikat merupakan rakan dagang kedua terbesar ASEAN dengan nilai perdagangan sebanyak USD395 bilion pada tahun 2023. Dia merupakan dagangan yang positif kepada ASEAN termasuk juga Malaysia.

Malaysia akan memandu ASEAN mengekalkan dialog yang berterusan dengan Amerika Syarikat melalui pelbagai mekanisme sedia ada termasuklah Dato Yang di-Pertua, dialog ASEAN-Amerika Syarikat dalam kita punya *summit* yang kedua ataupun *Summit* ke-47. Kita akan ada *special summit* dengan rakan dialog termasuk *one-to-one dialogue* dengan rakan-rakan dialog termasuk juga Amerika Syarikat dan yang lain-lain.

Dato Yang di-Pertua, keahlian Malaysia sebagai negara rakan BRICS pula akan membuka ruang untuk memperluaskan kerjasama ekonomi dengan negara-negara seperti Afrika Selatan, Brazil, China, India, Rusia, UAE dan yang lain-lain Dato Yang di-Pertua, yang juga merupakan rakan dialog ASEAN atau pun rakan luar ASEAN.

BRICS merupakan- dianggotai oleh 10 buah negara dengan saiz pasaran kumulatif sebanyak hampir penduduknya 3.88 bilion, penduduknya, Dato Yang di-Pertua. Mampu memperluaskan akses pasaran produk dan perkhidmatan Malaysia ke negara-negara

anggota BRICS serta meningkatkan perdagangan dan pelaburan langsung asing. Ini sekali gus dapat mengimbangi kebergantungan negara kepada satu pasaran tradisional sahaja.

Keutamaan Malaysia Dato Yang di-Pertua, ialah untuk kita secara kumulatifnya keluaran negara kasar negara-negara anggota BRICS adalah berjumlah 28.75 trilion iaitu 27 peratus daripada KDNK dunia besar, Dato Yang di-Pertua. Jadi, keutamaan Malaysia dan ASEAN adalah prinsip berkecuali dan menggalakkan pengukuhan sistem perdagangan pelbagai hala yang terbuka dan berasaskan peraturan.

Amerika Syarikat pula Dato Yang di-Pertua, adalah merupakan salah satu rakan strategik utama bagi Malaysia dan rakan dagang ketiga terbesar serta penyumbang terbesar secara kumulatif pelaburan langsung asing dalam pelbagai sektor di Malaysia. Pada tahun 2024, perdagangan dua hala antara Malaysia dan Amerika Syarikat mencapai sebanyak RM324 bilion ataupun USD71 bilion.

Langkah-langkah strategik juga akan terus diambil untuk mengimbangi kepentingan negara dengan pendekatan pentadbiran baharu Amerika Syarikat bagi memastikan kepentingan ekonomi dan perdagangan negara kekal utuh. Terima kasih Dato Yang di-Pertua.

Datuk Lim Pay Hen: Soalan tambahan saya. Terima kasih atas jawapan yang telah dibalas oleh Yang Berhormat Menteri. Susulan daripada penyertaan Malaysia dalam BRICS pada hujung yang lalu, apakah bentuk komitmen yang perlu dilaksanakan oleh Malaysia kepada blok tersebut khususnya daripada segi sumbangan kepada dana pembangunan atau penyelarasan dasar? Bagaimanakah Malaysia akan memastikan manfaat yang diterima dengan menyertai blok tersebut akan melebihi kos dan komitmen yang diperlukan? Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan: *Alhamdulillah*, Dato Yang di-Pertua. Kita telah pun diterima sebagai rakan negara BRICS. Dia bukan jadi sebagai ahli penuh kerana BRICS telah pun mengatakan dia ada moratorium kerana mereka baharu menerima 10 buah negara baharu termasuk UAE, Mesir, Utopia dan yang lain-lain.

Maka, mereka perlu menghadamkan terlebih dahulu bagaimana cara untuk mereka mengambil keahlian baharu kerana BRICS ini merupakan satu kelab yang longgar. Dia bukan merupakan suatu blok. Dia bukan blok, Dato Yang di-Pertua. Dia tidak ada triti-triti, tidak ada komitmen daripada negara ahli yang perlu mereka patuhi. Tidak ada triti yang Malaysia perlu tandatangani. Tidak ada perjanjian-perjanjian yang perlu Malaysia patuhi untuk menjadi rakan negara BRICS. Dia satu kesatuan yang longgar iaitu untuk kita lebih kepada agenda perdagangan.

Maka Malaysia beruntung kerana banyak negara, berpuluh-puluh negara yang mahu menjadi sebagai anggota BRICS atau pun rakan negara BRICS, tetapi kita dipilih termasuk Thailand. Ada orang tanya mengapa Indonesia mendapat sebagai anggota penuh BRICS?

Indonesia telah pun dapat menjadi anggota penuh pada tahun 2022 iaitu semasa Afrika Selatan menjadi tuan rumah BRICS pada ketika itu, tetapi Indonesia meminta supaya dia dikecualikan dahulu untuk menjadi anggota penuh kerana mereka menghadapi pilihan raya pemilihan presiden pada tahun 2023 ataupun tahun 2024, Dato Yang di-Pertua.

Jadi mereka memilih untuk mereka KIV dahulu, tetapi selepas pemilihan presiden dan pilihan raya Indonesia, mereka telah mengatakan mereka bersedia dan mereka telah menjadi anggota penuh BRICS.

Di ASEAN, Malaysia, Thailand, Dato Yang di-Pertua menjadi rakan negara BRICS dan ini akan memudahkan kita sebagai rakan dalam ASEAN untuk kita berurusan dengan BRICS. BRICS besar. BRICS tadi saya katakan KDNK dunia 27 peratus dan hampir 4 bilion penduduknya, Dato Yang di-Pertua. Besar, satu pasaran yang besar. Kita melihat BRICS ini-Malaysia melihat BRICS ini sebagai suatu kita punya peluang untuk membuka lebih luas lagi pasaran kita kerana kita tidak perlu terlampau bergantung kepada satu pasaran tradisi. Kita kalau bergantung satu pasaran tradisi, jika ada apa-apa berlaku dengan pasaran tersebut kita akan jatuh terduduk. Maka perlu kita pelbagaikan.

Perlu kita perluas. Sebarluaskan pasaran kita kerana kita negara berdagang dan kita mengamalkan dasar berkecuali dan berbaik-baik dengan semua negara kecuali negara yang jelas melanggar peraturan atau pun undang-undang antarabangsa. Itu kita tidak akan bersama.

Dato Yang di-Pertua, jelas sekali bahawa Malaysia mempunyai banyak keuntungan dengan kita menyertai sebagai rakan negara BRICS. Pada hujung bulan April ini, mesyuarat pertama Menteri Luar BRICS, saya akan hadir sendiri di Brazil. Bagaimanakah cara untuk kita dapat menyesuaikan keadaan ASEAN? Sebagai Pengerusi ASEAN, Malaysia nak membawa juga suara ASEAN. Bagaimanakah ASEAN boleh kita menyelesaikan keadaan ASEAN dengan BRICS? Kerana ini merupakan suatu persamaan di peringkat *Global South*, Dato Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Che Alias bin Hamid: Tuan...

Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair: Soalan tambahan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator...

Tuan Che Alias bin Hamid: Terima kasih...

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Che Alias dahulu.

Tuan Che Alias bin Hamid: Terima kasih Dato Yang di-Pertua. Dalam konteks ketegangan geopolitik yang semakin meningkat sekarang ini, apakah dasar dan strategi kerajaan dalam memperkukuhkan hubungan perdagangan serta pelaburan dengan Amerika Syarikat? Selain itu, apakah langkah-langkah mitigasi yang diambil bagi memastikan Malaysia tidak dikenakan tarif 100 peratus berikutan keanggotaannya dalam BRICS? Terima kasih.

■1040

Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan: Dato Yang di-Pertua, hubungan kita dengan Amerika Syarikat seperti yang saya sebut tadi adalah baik. Amerika merupakan rakan dagang terbesar selepas negara China dan *Singapore*. Amerika, kita berdagang dengan mereka, kita beruntung Dato Yang di-Pertua. Kita untung berdagang dengan mereka kerana kita mempunyai *trade surplus* USD15 bilion lebih dengan Amerika.

Jadi, ia merupakan satu kebaikan dan seperti yang saya sebutkan Dato Yang di-Pertua, Malaysia mengamalkan dasar berkecuali, kita berbaik-baik dengan semua. Kita merupakan negara yang berdagang, *we are a trading nation* dengan izin. Jadi, kita berbaik dengan semua orang kerana kita menjual dan membeli barangan setiap hari dengan orang. Ekonomi kita merupakan ekonomi perdagangan. Jadi, kita mesti mengamalkan dasar terbuka, dasar berbaik-baik dan dasar berhubung sama ada dua hala ataupun pelbagai hala dengan negara-negara luar.

Kita tidak mempunyai masalah dengan Amerika Syarikat dan kita walaupun lantang mengatakan tentang kita menyokong perjuangan rakyat Palestin, tetapi kita tidak pula mengatakan kita nak memutuskan hubungan baik kita dengan Amerika. Secara kumulatifnya seperti yang saya sebutkan awal tadi, Amerika merupakan negara terbesar pelaburan langsungnya di Malaysia. *Cumulatively America is the biggest foreign direct investor in Malaysia*, syarikat-syarikatnya dalam berbagai-bagai bidang.

Jadi, hubungan kita dengan Amerika ini merupakan hubungan yang baik, hubungan yang penting. Kita, Kementerian Luar Negara akan sentiasa menjaga hubungan baik ini di peringkat berbagai-bagai hala, di peringkat dua hala. Jadi, ini merupakan suatu perkara yang perlu kita urus. *We must navigate our foreign policy in a way that* dengan izin Dato Yang di-Pertua, kita tidak mahu dilihat condong ke mana-mana kerana kita mesti berkecuali kerana kita mempunyai kepentingan ekonomi dan yang lain-lain. Ini kerana kita berdagang dan ekonomi kita banyak bergantung kepada perdagangan. Terima kasih, Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Datuk Haji Mustafa.

Datuk Haji Mustafa bin Musa: Baik, terima kasih Dato Yang di-Pertua. Tahniah Menteri kerana kepimpinannya yang bersahaja dalam dapat mengeratkan hubungan diplomatik dan perdagangan antarabangsa.

Cumanya Dato Yang di-Pertua, sebagai langkah berjaga-jaga bolehkah saya mendapatkan maklumat awal, apa persediaan Malaysia dalam menghadapi kemungkinan tekanan takrif yang akan dikenakan oleh Trump terhadap ASEAN, khususnya Malaysia berdasarkan kepada dasar-dasar kita? Terima kasih, Dato Yang di-Pertua.

Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan: Kemungkinan itu ada. Jadi, kita tidak menolak kemungkinan kerana dalam hidup, Dato Yang di-Pertua, Senator Datuk Haji

Mustafa, kemungkinan itu mesti diambil kira, tetapi kemungkinan itu perlu kita urus dengan baik.

Itu sebabnya saya sebutkan tadi, kita, walaupun kita lantang bersuara, menyokong perjuangan rakyat Palestin kerana kita mahu melihat rakyat Palestin mendapat negara yang merdeka, tetapi tidak pula sampai kita memutuskan hubungan ataupun memburukkan hubungan kita dengan Amerika Syarikat kerana kita mempunyai hubungan dengan Amerika Syarikat ini amat baik. Kita mempunyai hubungan dua hala yang begitu rapat dengan Amerika Syarikat. Amerika merupakan pelabur terbesar *cumulatively*, secara terkumpul yang merupakan pelabur terbesar di negara kita.

Jadi, kita mesti urus dengan baik. Itu sebabnya secara kelompok ASEAN, Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN sedang menguruskan untuk kita mengadakan satu Sidang Kemuncak Khas ASEAN dan juga Amerika Syarikat. Kita dah pernah buat dulu Sidang Kemuncak Khas ASEAN Amerika Syarikat, tetapi kita nak buat lagi satu sidang kemuncak, kita nak buat di sana. Kita nak supaya kita punya *Chamber of Commerce* kita mengadakan hubungan yang rapat dengan Amerika Syarikat. Kita punya *ASEAN Business Advisory Council* mempunyai hubungan rapat dengan *America Business Advisory Council* mereka. Jadi, kita adakan *people to people* dulu, Dato Yang di-Pertua.

Untuk sekarang ini Dato Yang di-Pertua, ASEAN ataupun Malaysia masih belum ada lagi dalam radar Amerika kerana mereka menguruskan hal-hal dalaman mereka. Jadi, biarlah Amerika dan kita jangan- kalau nak bercakap pun saya mintalah Dato Yang di-Pertua dalam Dewan Rakyat ataupun Dewan Negara ini, bila kita bercakap tentang Amerika kita mesti berhati-hati sedikit kerana kita tak mahu nanti kita akan rugi daripada segi ekonomi antara kita dengan Amerika Syarikat. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan, Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad.

Tuan Manolan bin Mohamad: Terima kasih Dato Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 4.

4. Tuan Manolan bin Mohamad minta Menteri Pendidikan menyatakan, adakah kementerian bercadang untuk mewujudkan prasekolah di kawasan pedalaman perkampungan Orang Asli?

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Wong Kah Woh]: Terima kasih Dato Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan yang diajukan kepada KPM.

KPM sentiasa komited menyediakan program prasekolah di sekolah kerajaan dan juga di sekolah bantuan kerajaan di seluruh negara bagi memastikan lebih ramai kanak-kanak mendapat akses pendidikan prasekolah. Bagi tujuan ini, perluasan kelas prasekolah menjadi

agenda utama reformasi pendidikan KPM. Ia dilaksanakan di institusi pendidikan KPM yang mempunyai kemudahan dan peralatan bersesuaian.

Selain itu, KPM turut berusaha memastikan akses pendidikan prasekolah diperluaskan ke kawasan pedalaman atau luar bandar bagi memberi peluang kepada lebih ramai kanak-kanak untuk mengikuti pendidikan prasekolah.

Untuk makluman, prasekolah KPM terbuka kepada semua kanak-kanak warga negara Malaysia yang berumur dari 4 hingga 6 tahun. Secara keseluruhannya, sepanjang tahun 2024, KPM telah pun berjaya membuat perluasan 134 buah kelas prasekolah baharu. Manakala, bagi tahun 2025, suatu peruntukan sebanyak RM105 juta telah diluluskan bagi perluasan kelas prasekolah. Sasaran perluasan kelas prasekolah bagi tahun 2025 sebanyak 150 buah kelas. Sehingga 17 Februari 2025, KPM telah berjaya membuat perluasan sebanyak 130 buah kelas prasekolah di seluruh negara.

Berkenaan dengan soalan Yang Berhormat Senator, berkenaan dengan cadangan mewujudkan prasekolah di kawasan pedalaman perkampungan Orang Asli. Sememangnya, prasekolah telah wujud di sekolah-sekolah di kawasan pedalaman perkampungan. Pada masa kini, daripada pengklasifikasian pihak KPM, terdapat 98 buah sekolah yang diklasifikasikan sebagai sekolah Orang Asli. Daripada 98 buah sekolah itu, 71 buah sekolah mempunyai 80 buah kelas prasekolah. Sehingga 17 Februari 2025, seramai 1,482 orang kanak-kanak telah mendaftar prasekolah di 71 buah sekolah Orang Asli yang telah pun saya sebut sebentar tadi. Sekian, terima kasih Dato Yang di-Pertua.

Tuan Manolan bin Mohamad: Soalan tambahan, Dato Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya adalah berkenaan dengan buta huruf. Terima kasih kerana turut menyediakan prasekolah di luar bandar khususnya kepada pelajar-pelajar Orang Asli.

Cuma soalan saya, ramai di kalangan pelajar-pelajar Orang Asli ini yang buta huruf dan menyebabkan mereka tidak boleh melanjutkan pelajaran dan berhenti sekolah akhirnya kerana mereka tidak dapat mengikuti pelajaran dalam kelas. Jadi, apa langkah-langkah kementerian untuk *reach out* ke kampung-kampung Orang Asli ini supaya pendidikan itu lebih bersifat *in situ*, daripada mereka menghantar ke prasekolah dan prasekolah ini berada agak jauh daripada perkampungan mereka? Seperti yang kita sedia maklum bahawa ramai-pelajar-pelajar Orang Asli yang tinggal di asrama. Jadi, sekiranya mereka berumur 4 hingga 6 tahun itu, tidak mungkin untuk mereka tinggal di asrama. Sekian, terima kasih.

Tuan Wong Kah Woh: Terima kasih soalan tambahan daripada Yang Berhormat Senator berkenaan dengan bagaimana kita hendak menggalakkan anak-anak daripada kalangan Orang Asli untuk menyertai prasekolah kita.

Nombor satu, apa yang diberikan fokus oleh KPM adalah berkenaan dengan akses pendidikan prasekolah ini. Seperti yang saya sebut tadi, kami memastikan daripada 98 buah sekolah Orang Asli yang kita ada di seluruh negara khususnya di Semenanjung, 71 telah pun dilengkapi ataupun mempunyai akses pendidikan bagi prasekolah. Ini merupakan fokus yang amat penting untuk kita sediakan akses terlebih dahulu.

Apabila kita menilai ataupun mengendalikan isu-isu seperti buta huruf dan juga mungkin kanak-kanak yang tidak dapat mengikuti pembelajaran, biarpun kanak-kanak Orang Asli ataupun kanak-kanak lain di sekolah harian, maka pihak KPM ada melaksanakan banyak program. Antaranya yang paling baharu, yang paling kini, pada tahun lepas pihak KPM berkolaborasi bersama-sama dengan MOF telah pun melancarkan Program Anak Kita yang mana salah satu fokus yang diberikan adalah untuk memperkuat anak-anak kita daripada segi penguasaan 3M.

■1050

Berkenaan dengan akses pendidikan kepada rakan-rakan ataupun anak-anak Orang Asli kita di pedalaman, pihak KPM dalam beberapa tahun ini juga telah giat membuat perluasan bagi sekolah K9 dan juga K11. K9 pada tahun lepas, setakat tahun lepas, kita mempunyai 28 buah, K11 ada dua buah sekolah.

Pada tahun ini, K9 sekali lagi telah pun diperluaskan untuk lima buah kelas lagi. Ini kita hendak memastikan anak-anak kita setelah mereka melengkapinya ataupun menghadiri program ataupun pembelajaran di peringkat prasekolah maka dapat melanjutkan pembelajaran di sekolah rendah dan juga di sekolah menengah, sama ada sekolah menengah rendah ataupun sekolah menengah tinggi. Terima kasih Dato Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hussin.

Tuan Haji Hussin bin Ismail:

*Sunat berbuka makan kurma;
Soalan saya nombor lima.*

5. Tuan Haji Hussin bin Ismail minta Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air menyatakan, kajian terperinci mengenai impak jangka panjang terhadap industri susulan pengumuman kenaikan kadar tarif elektrik dan jaminan bahawa harga perkhidmatan barangan yang dikeluarkan tidak akan membebankan 85 peratus isi rumah.

Timbalan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air [Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir]: Terima kasih Dato Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat. Bermula pada tahun 2014, kerajaan telah pun memperkenalkan atau menggunakan pakai mekanisme yang dipanggil *Incentive-Based Regulation* (IBR) bagi penetapan purata tarif asas elektrik di Semenanjung. Melalui mekanisme IBR ini, purata tarif asas di Semenanjung akan dikaji tiga tahun sekali berserta dengan penetapan parameter-parameter asas seperti unjuran, harga bahan api, kos operasi ataupun OpEX, kos modal (CapEX) dan

juga kadar keuntungan Tenaga Nasional Berhad ataupun TNB yang dikawal selia oleh kerajaan melalui Suruhanjaya Tenaga ataupun ST.

Dalam hal ini, kerajaan pada 13 Disember 2024 telah bersetuju dengan penetapan kadar purata tarif asas elektrik di Semenanjung bagi TNB untuk tempoh Regulatori Keempat ataupun RP4 bermula pada 1 Januari 2025 sehingga 31 Disember 2027.

Untuk makluman, komponen terbesar dalam pengiraan tarif asas adalah unjuran harga bahan api iaitu arang batu dan juga gas untuk penjanaan elektrik. Kenaikan harga bahan api di peringkat global yang telah meningkat dalam tempoh tiga tahun kebelakangan ini menjadikan unjuran bahan api bagi tempoh RP4 ini adalah lebih tinggi supaya ia nya mencerminkan harga bahan api sebenar pada masa kini.

Kerajaan telah memutuskan untuk mengekalkan tarif elektrik walaupun sepatutnya bermula pada 1 Januari, kita kekalkan untuk di Semenanjung ini bagi tempoh 1 Januari hingga 30 Jun dengan tampungan subsidi berjumlah RM5.96 bilion. Pada masa ini, kementerian bersama-sama dengan ST sedang memuktamadkan cadangan jadual tarif baharu yang mencerminkan kos pembekalan elektrik sebenar serta lebih kompetitif untuk dilaksanakan bermula pada 1 Julai 2025.

Kerajaan sejak 2023 Julai, kita juga memperluaskan subsidi elektrik secara bersasar kepada pengguna elektrik untuk penggunaan yang tidak melebihi sehingga 1,500 kilowatt per jam. Jadi, keputusan ini telah memastikan supaya 85 peratus atau kira-kira 7.1 juta orang pengguna domestik di Semenanjung di bawah 600 kilowatt per jam tidak terjejas dan kekal dilindungi. Kementerian memberi jaminan bahawa penetapan tarif elektrik di Semenanjung termasuk pelaksanaan jadual tarif baharu di bawah RP4 akan mengambil kira semua aspek termasuk kebajikan dan kesejahteraan rakyat.

Di samping itu, kementerian melalui ST dengan kerjasama Kementerian Ekonomi juga akan meneliti impak perubahan tarif elektrik terhadap harga barangan dan perkhidmatan untuk mengimbangi kebajikan sosial dengan pembangunan ekonomi negara. Dalam masa yang sama, yang saya nyatakan awal tadi, soalan kedua tadi, kerajaan masih meneruskan program rebat bil elektrik RM40 pada tahun 2025 dengan pemberian rebat bil elektrik bulanan kepada ketua isi rumah berstatus miskin tegar yang berdaftar dan disahkan dalam sistem eKasih. Untuk tahun 2024, program ini telah memanfaatkan seramai 65,515 ketua isi rumah miskin tegar.

Dengan pengekalan program ini, kerajaan berharap dapat membantu mengurangkan kos sara hidup golongan ini terutamanya dalam menghadapi perubahan jadual tarif elektrik kelak. Sekian, terima kasih Dato Yang di-Pertua.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Terima kasih. Soalan tambahan Dato Yang di-Pertua. Saya merujuk kepada ucapan perbahasan sahabat saya Senator Low Kian Chuan hari

pertama dahulu. Dia Presiden Persatuan Dewan Perniagaan Cina Malaysia. Industri merasa resah dengan kenaikan tarif elektrik yang baharu. Saya *direct* saya punya soalan iaitu satu sahaja. Apakah jaminan kerajaan bahawa kemungkinan untuk pihak industri beralih dari Malaysia ke tempat lain disebabkan oleh- oleh sebab kenaikan tarif dan jaminan kerajaan untuk tidak berlakunya kenaikan harga barang akibat daripada tindakan ini? Dan- satu sahaja soalan itu.

Tuan Yang di-Pertua: Tiga dah.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Satu sahaja, dan sahaja, dan sahaja sampai. Satu lagi.

Tuan Yang di-Pertua: [Ketawa]

Tuan Haji Hussin bin Ismail: [Ketawa] Dan yang ketiga, apakah *possibility* atau tidak kerajaan untuk mengkaji semula andainya berlaku perlakuan negatif ataupun kesan negatif kepada rakyat, kemungkinan naik harga barang dan kesejahteraan rakyat akan terganggu? Terima kasih Yang Berhormat Dato.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir: Terima kasih Dato Yang di-Pertua. Saya cuba jawab bagi memahamkan situasi ini. Kalau perhalusi bila kita nyatakan berlakunya rombakan ataupun komponen terbesar ini adalah disebabkan perubahan kos harga bahan api. Cara kita menguruskan tarif kita ini, satu melalui jadual tarif, yang kedua ada elemen ICPT.

Jadi, untuk tempoh tiga tahun, RP3 antara 2022 hingga 2024, kalau Yang Berhormat perasan nilai ICPT kepada industri itu sebenarnya agak tinggi. Ada yang 16 sen, 18 sen surcay yang ditanggung oleh pihak industri, sementara domestik itu kita tidak memberi pelepasan surcay di situ. Jadi, kita jaga bil elektrik untuk pihak domestik, tetapi bila kita nyatakan bahawa kita teliti balik tarif asas ini, maksudnya elemen ICPT tadi juga akan berlaku pengurangan di situ kerana perkara yang melibatkan untuk kita menguruskan kos harga bahan api melalui pelepasan ICPT.

Kali ini kita akan bawa diselaraskan dalam komponen tarif asas tadi kerana dalam tempoh tiga tahun kebelakangan ini, berlaku peningkatan harga bahan api berbanding dengan unjuran tahun 2022 tempoh lalu. Jadi, sebab itu bila dikatakan kerajaan boleh menilai kembali tarif asas ini berdasarkan konsep IBR setiap tiga tahun. Jadi, kita selaraskan balik elemen ICPT dengan jadual tarif baharu.

Perkara kedua Yang Berhormat, kalau dilihat daripada segi cara kita menguruskan perkara tersebut juga, jaminan daripada kerajaan ini kerana bila kita nilai perkara ini seperti mana kita mampu menguruskan pengguna domestik 85 peratus walaupun berlaku peningkatan kos harga bahan api, kita mampu kawal ICPT itu untuk tidak dikenakan kepada pengguna domestik terutamanya yang bawah RM600. Kemudian, RM600 sehingga RM1,500 pun kita bantu juga.

Perkara ketiga, di sini juga kalau kita lihat untuk bagaimana kita membantu pihak industri. Kita kena ingat, kalau Yang Berhormat *remember* ataupun ingat, tahun lepas kita dah meluluskan RUU yang disebut EECA ataupun Rang Undang-undang Akta Kecekapan dan Konservasi Tenaga yang mana peranan ini kita kena mainkan bersama untuk kita tingkatkan kecekapan penggunaan tenaga terutamanya mereka yang menggunakan tenaga pada skala yang besar.

Contoh kerajaan untuk membantu pula kumpulan ini, kerajaan sebenarnya juga memberi geran audit iaitu kita ada *matching grant*. Sekiranya pihak industri bersetuju untuk kita laksanakan audit, kita bagi geran tersebut, pihak industri kena melakukan perubahan ataupun meningkatkan keupayaan kecekapan tenaga daripada segi *machinery*, *cooling system* mereka dan sebagainya.

Kalau sebagai contoh kalau sebelum ini, tahun 2024, kita bandingkanlah tahun 2021 kita bagi RM5 juta untuk geran ini kita bantu. Tahun 2023 RM14 juta; tahun 2024 RM18 juta, tahun 2025 kita tingkatkan lagi kepada RM24 juta. Jadi, sebab itu sebenarnya untuk membantu menguruskan industri tenaga ini, kerajaan memainkan peranan adalah untuk kita teliti daripada segi dasarnya, tapi kita juga buka ruang kepada pihak industri untuk meningkatkan keupayaan supaya daripada segi mereka menghasilkan produk, daripada segi mereka menguruskan kilang-kilang dan sebagainya. Ada juga elemen untuk meningkatkan penggunaan yang lebih cekap, yang lebih jimat di situ.

■1100

Malah, kerajaan sanggup mengeluarkan geran untuk melakukan audit. Jadi, sebab itu Yang Berhormat, kerajaan juga yang disebut tadi, walaupun sepatutnya bila melakukan pelarasan tarif, patut bermula pada 1 Januari. Kerajaan memutuskan kita hanya mula pada bulan Julai dan kita subsidi RM5.9 bilion.

Itu sebenarnya yang kita cuba tampung untuk menguruskan industri tenaga ini sementara walaupun- sepatutnya semua kita dah tahu, pihak industri dah tahu *every three years* akan berlaku *revision* ataupun pelarasan tarif. Kita bagi tempoh enam bulan lagi untuk menguruskan perkara tersebut dan jaminan daripada kerajaan- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun dah nyatakan, kita kena cari jalan supaya di pihak pengguna terutamanya di peringkat domestik ini tidak berlaku kejutan daripada segi peningkatan yang mendadak dan sebagainya.

Ini kerana yang saya boleh bagi gambaran kepada Yang Berhormat, tarif elektrik ini ada dua komponen. Satu, jadual tarif. Yang kedua, ICPT. Untuk sebelum ini tiga tahun, kalau Yang Berhormat perasaan setiap enam bulan kita terpaksa menguruskan ICPT kerana berlaku peningkatan kos harga bahan api. Sekarang kita selaraskan kos harga bahan api itu untuk dimasukkan dalam tarif asas dalam jadual tarif kita supaya lebih *reflective* dan supaya

pihak industri selepas ini tidak perlu mencongak ataupun tertanya-tanya selepas enam bulan berapa lagi naik sebab harga bahan api ketika itu, unjuran 2022 itu tidak lagi sama dengan kos bahan api pada tahun lepas dan sebagainya.

Jadi, saya harap Yang Berhormat boleh bantu kerajaan untuk memastikan pihak industri kekal yakin dengan kekuatan yang kita ada di Malaysia ini sebab memang niat kita adalah untuk memastikan kemampanan ekonomi, kemajuan pelaburan yang masuk ini kita dapat pertahankan dan tingkatkan keupayaan negara. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator.

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Amir bin Md Ghazali.

Tuan Amir bin Md Ghazali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 6.

6. Tuan Amir bin Md Ghazali minta Menteri Pertahanan menyatakan, adakah kerajaan mempertimbangkan untuk meningkatkan bajet pertahanan atau mempercepatkan pemodenan ketenteraan dalam menghadapi ancaman yang tidak dijangka.

Menteri Pertahanan [Dato' Seri Haji Mohamed Khaled bin Nordin]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Amir bin Md Ghazali yang bertanyakan sama ada kerajaan mempertimbangkan untuk meningkatkan bajet pertahanan atau mempercepatkan pemodenan ketenteraan dalam menghadapi ancaman yang tidak dijangka.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa prihatin terhadap keselamatan dan kedaulatan negara terutamanya dalam menghadapi ancaman yang semakin kompleks dan dinamik. Dalam hal ini, sememangnya kerajaan sentiasa menimbangkan untuk meningkatkan perbelanjaan pertahanan negara. Bagi pelaksanaan penggal kedua Kertas Putih Pertahanan khususnya dalam konteks bajet dan perbelanjaan pertahanan, Kementerian Pertahanan akan mencadangkan agar peruntukan perbelanjaan pertahanan negara diunjurkan sebanyak 1.5 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar menjelang tahun 2030 bagi memastikan kejayaan pelaksanaan Kertas Putih Pertahanan.

Untuk makluman, kita kini memperuntukkan kira-kira 1.1 peratus daripada KDNK negara untuk tujuan pertahanan. Cadangan meningkatkan perbelanjaan pertahanan ini adalah seiring dengan pendekatan negara-negara jiran yang memberi keutamaan tinggi kepada sektor pertahanan bagi melindungi kepentingan negara yang berdepan cabaran yang semakin kompleks pada masa kini dan masa hadapan.

Dalam aspek mempercepat pemodenan ATM bagi menghadapi ancaman tidak dijangka pula, terdapat beberapa langkah dan strategi yang telah dan sedang diusahakan oleh kerajaan.

Pertama, Kementerian Pertahanan melalui Kertas Putih Pertahanan telah menetapkan hala tuju yang jelas bagi menjadikan ATM sebagai angkatan masa hadapan yang lebih bersepadu, tangkas dan berfokus menjelang 2030 termasuklah dalam menghadapi ancaman yang tidak dijangka. Ancaman yang tidak dijangka merujuk kepada ancaman keselamatan yang berlaku secara tiba-tiba dan sukar diramal. Ini termasuk serangan siber, peperangan hibrid, serangan pengganas, penggunaan dron dalam peperangan, bencana alam dan konflik serantau.

Kedua, selain memastikan perolehan aset-aset strategik dilakukan dengan cara yang memenuhi keperluan ATM, proses pemodenan ATM turut diberikan perhatian dengan meneliti keperluan-keperluan baharu. Ini termasuklah meneliti keperluan mempunyai angkatan siber yang khusus, lengkap dan berkeupayaan menghadapi ancaman siber dan *misinformation campaign* dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Angkatan ini akan dilengkapi dengan kepakaran teknikal yang tinggi merangkumi bidang seperti *cyber threat intelligence*, *incident response*, *digital forensic* serta *active cyber defense*. Keupayaan ini membolehkan ATM bukan sahaja bertindak balas terhadap serangan siber, tetapi juga mampu menghalang dan meneutralkan ancaman sebelum ia memberi kesan terhadap operasi ketenteraan dan keselamatan negara.

Ketiga, Institut Penyelidikan Sains dan Teknologi Pertahanan Negara (STRIDE) telah turut menyenaraikan bidang-bidang fokus yang kritikal untuk diterokai dan diberikan perhatian agar sektor pertahanan negara berupaya berhadapan dengan perkara-perkara seperti *cyber warfare*, *unmanned warfare*, *drone warfare* dan *CBRN warfare*, dengan izin.

Kesemua ini merupakan antara langkah pemodenan yang bukan sahaja akan meningkatkan keupayaan ATM secara umum, tetapi memperkemas persediaan negara menghadapi sebarang ancaman yang tidak dijangka. Terima kasih.

Tuan Amir bin Md Ghazali: Terima kasih Yang di-Pertua dan saya juga ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana jawapan yang menepati maksud yang telah diberikan pada pagi ini.

Soalan tambahan saya ialah tentang selaku Ahli Dewan Negara, saya ingin merakamkan penghormatan dan juga ucapan tahniah atas pelantikan Jeneral Datuk Haji Mohd Nizam bin Haji Jaffar sebagai Panglima Angkatan Tentera Malaysia selaku Ketua Angkatan Tentera Malaysia, kita memberikan pengharapan yang sepenuhnya kepada beliau.

Saya juga menyambut baik dan menyokong penuh saranan beliau mahupun kenyataan beliau itu untuk membatalkan projek dan kontraktor yang melambat-lambatkan kerja yang diluluskan dan paling tersentuh adalah iltizam beliau sebagai PAT akan memberi tumpuan kepada kesejahteraan anggota ATM dan memperkasakan institusi ketenteraan negara.

Soalnya ialah, apakah perancangan kementerian bagi meningkatkan tatakelola tender libat urus pertahanan dan juga kebajikan angkatan tentera yang bertugas mahupun veteran? Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Haji Mohamed Khaled bin Nordin: Terima kasih Yang Berhormat atas ucapan penghargaan dan sokongan kepada Panglima Angkatan Tentera yang baharu, juga mengenai persoalan mengenai perkara-perkara yang melibatkan soal tatakelola dan juga hal-hal kebajikan dan kesejahteraan yang menyentuh anggota dan juga veteran. Memang ini merupakan dua perkara yang memang sangat diberikan perhatian oleh pihak kementerian terutamanya dalam soal tatakelola untuk melakukan dan membuat perolehan bagi angkatan tentera.

Kita sedia maklum bahawa Kementerian Pertahanan antara kementerian yang mendapat peruntukan yang besar dan kita juga tahu bahawa perolehan-perolehan yang dilakukan adalah bertujuan untuk menjaga keselamatan dan juga kedaulatan negara.

Maka, atas sebab itulah soal-soal seperti tatakelola, urus tadbir yang baik dan sebagainya merupakan perkara yang sememangnya kita beri perhatian. Kita tidak kompromi dan kita akan pastikan semuanya sebagaimana yang telah digariskan oleh pihak kerajaan. Satu perkara yang sewajarnya juga perlu diketahui ialah bahawa apa sahaja perolehan, ia tidak hanya tertumpu ataupun terhenti di peringkat kementerian, tetapi ia melibatkan proses pelbagai kementerian, EPU dan juga pihak Kementerian Kewangan.

■1110

Jadi dalam konteks ini semuanya kita ada dengan izin, *check and balance* dalam sistem kita melaksanakan Perolehan. Soal kesejahteraan anggota memang itu menjadi salah satu daripada *focus pillar* dalam kementerian. Semenjak dahulu lagi atau sebab itulah kita dapat lihat hari ini banyak perkara yang dilakukan oleh Kerajaan Madani yang memberi fokus kepada kesejahteraan anggota dan juga veteran. Kita tidak mahu anggota-anggota kita dalam melaksanakan tanggungjawab, tetapi mereka tidak dapat tumpuan kepada pelaksanaan tanggungjawab kerana mungkin memikirkan mengenai keadaan keluarga dan sebagainya daripada segi rumah, daripada segi perkara-perkara lain yang mengganggu ketenteraman mereka.

Jadi, kalau kita lihat terutamanya dalam soal penyelenggaraan rumah semenjak wujudnya terbentuknya Kerajaan Madani ini kita dapati peruntukan untuk penyelenggaraan adalah satu peruntukan yang sangat besar lebih kurang RM400 juta semenjak daripada tahun 2023, 2023, 2024 dan 2025. Itu bagi tujuan untuk memastikan anggota-anggota mempunyai dan mendiami di rumah-rumah yang selesa dan yang selamat untuk mereka.

Begitu juga dalam soal penyediaan kesihatan. Kita akan membina Hospital Kem Terendak yang baharu. Harga RM300 juta lebih kerana hal kesihatan juga merupakan perkara

yang penting. Juga penting kita telah memperkenalkan program *Work-Based Learning* iaitu di mana anggota-anggota kita yang sebahagian besarnya masuk menyertai Angkatan Tentera dengan menggunakan Sijil SPM, tetapi berasaskan kepada pekerjaan dan kemahiran yang mereka lakukan dalam pekerjaan mereka, maka bagi setengah-setengah pekerjaan mereka akan keluar dengan mempunyai Diploma. Ini akan membolehkan mereka mempunyai pasaran kerja ataupun peluang untuk mendapatkan kerja apabila mereka pencen kelak dalam keadaan yang lebih baik.

Maknanya masuk SPM tanpa perlu pergi ke universiti, tetapi berasaskan kepada konsep pendekatan *Work-Based Learning* iaitu pekerjaan mereka diiktiraf sebagai satu kemahiran kompetensi maka mereka akan mendapat Diploma. Jadi dengan Diploma itu mereka pencen umur 40, 41, 42 maka mereka akan mudah untuk mendapat pekerjaan. Itu adalah sebahagian daripada usaha-usaha kementerian dalam soal kita untuk memberi dan melindungi anggota-anggota kita. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Setia Salehuddin.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Terima kasih Dato' Speaker. Soalan saya nombor 7.

7. Dato' Setia Salehuddin bin Saidin minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) apa persiapan dan pelan hala tuju kementerian sebagai tuan rumah Sukan SEA 2027 dan adakah persiapan Sukan SEA ini telah mengambil kira langkah jangka panjang untuk persiapan atlet negara pada Sukan Komanwel, Asia dan Olimpik yang akan datang; dan
- (b) adakah pihak kementerian telah mempertimbangkan persiapan dan perbelanjaan atlet dengan memberi tumpuan hanya kepada mereka yang benar-benar layak dan berprestasi tinggi, bagi memastikan peruntukan digunakan secara optimum serta mengelakkan pembaziran wang rakyat.

Menteri Belia dan Sukan [Puan Hannah Yeoh Tseow Suan]: Tuan Yang di-Pertua, mengenai persiapan pelan hala tuju kementerian sebagai tuan rumah Sukan SEA 2027, kerajaan pada 28 Ogos tahun lepas telah meluluskan cadangan untuk Malaysia menjadi tuan rumah temasya Sukan SEA dan Sukan Para ASEAN 2027. Kementerian sedang dalam proses menubuhkan Jawatankuasa Pengelola dan Sekretariat Sukan SEA 2027 melalui perbincangan dengan Majlis Olimpik Malaysia, Majlis Paralimpik Malaysia dan pelbagai kementerian berkaitan dan juga Kerajaan Negeri.

Bagi edisi kali ke-34 dan kali ke-7 Malaysia sebagai tuan rumah, kementerian telah bersetuju untuk menganjurkan Sukan SEA di Kuala Lumpur, Sarawak, Pulau Pinang dan Johor dengan kos penganjuran ditanggung secara bersama oleh negeri-negeri ini. Pada masa

yang sama juga, penubuhan Sekretariat Sukan SEA dalam masa terdekat ini akan menyelaraskan aspek penganjuran temasya yang berbaki dua tahun lagi.

Kementerian Belia dan Sukan juga akan mengadakan perbincangan lanjut dengan pihak swasta dan korporat untuk mendapatkan penajaan dalam bentuk wang tunai dan barangan. Manakala untuk persiapan dan perbelanjaan atlet ke Sukan SEA tahun 2027, KBS melalui Majlis Sukan Negara telah melaksanakan Program Podium dalam menyediakan atlet ke temasya Sukan SEA seawal tahun 2024 dengan mengenal pasti kelompok atlet berdasarkan kriteria pemilihan yang ditetapkan iaitu yang berada pada kedudukan di antara empat hingga enam di peringkat Asia Tenggara.

Pelaksanaan Program Podium yang sedang dilaksanakan ketika ini oleh MSN dengan kerjasama pemegang taruh utama bukan sahaja merangkumi program penyediaan atlet ke arah temasya Sukan SEA 2025 malah ia turut merangkumi program persediaan ke arah Sukan Komanwel, Sukan Asia dan Olimpik 2028. Kementerian telah menyediakan peruntukan kewangan yang mencukupi bagi menguruskan latihan atlet terbaik di bawah Program Podium supaya prestasi mereka dapat ditingkatkan melalui program latihan yang disediakan oleh jurulatih. Sudah semestinya peruntukan kewangan yang disediakan ini akan digunakan sewajarnya dalam menyediakan atlet ke arah prestasi yang lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, bagi persediaan atlet ke arah Sukan SEA, MSN akan melaksanakan fasa pertama program penyediaan atlet sebaik sahaja Sukan SEA 2025 berakhir. Dijangka sebanyak RM146 juta diperlukan bagi kos penyediaan atlet ke arah Sukan SEA 2027 di mana ia merupakan peningkatan sebanyak 20 peratus daripada RM122 juta yang dibelanjakan khusus untuk program penyediaan atlet sebelum ini iaitu Sukan SEA Kuala Lumpur 2017. Terima kasih.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Soalan tambahan ya Dato' Speaker. Berkaitan dengan Malaysia sebagai hos kepada Sukan SEA 2027 yang melibatkan empat buah negeri ya.

Persoalan saya- saya difahamkan daripada bacaan saya, pihak kerajaan tidak akan membina fasiliti baharu untuk tujuan penganjuran Sukan SEA ini. Ia lebih kepada memperbaiki fasiliti yang sedia ada. Itu lah satu perkara yang bagus sebab kita cuma nak menjimatkan perbelanjaan kerajaan. Cuma persoalannya, adakah pihak kerajaan memantau daripada segi naik taraf fasiliti yang ada di negeri-negeri yang terlibat? Adakah kerajaan mempunyai masalah nanti dalam penganjuran ataupun melibatkan empat buah negeri yang berbeza daripada segi kemudahan prasarana, daripada segi kemudahan bergerak dan sebagainya. Itu soalan saya. Terima kasih.

Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: Okey terima kasih. Kementerian Belia dan Sukan mengambil pendekatan untuk penjimatan wang kerajaan dalam kita menjadi penganjur untuk

sukan besar seperti ini. Jadi untuk SUKMA baru-baru ini, di mana Negeri Sarawak telah menawarkan diri sebagai hos. Negeri Sarawak juga telah menaik taraf fasiliti mereka sedia ada.

Bila kita jadi penganjur untuk Sukan SEA 2027 Yang Berhormat, kita telah menulis surat dan berbincang dengan semua *Exco* Sukan semua negeri. Kita bagi tawaran- kita kata kita nak ambil pendekatan penjimatan, jadi ada tak negeri-negeri lain yang nak jadi *co-host* bersama Putrajaya. Jadi Kerajaan Negeri Sarawak yang pertama menawarkan diri. Mereka kata kita nak *cover cost* 50 peratus daripada kos penganjuran. Kos penganjuran ini kita ambil Bajet 2017 dan kita buat anggaran tambahan. Itu sebab kita boleh anggarkan Sarawak akan membelanjakan lebih kurang RM350 juta untuk jadi *co-host*.

Kemudiannya dua buah negeri lain telah keluar untuk jadi *co-host* untuk sukan yang berbeza. Satu adalah Negeri Pulau Pinang. Negeri Pulau Pinang mempunyai fasiliti *SPICE Convention Centre* yang bagus dan pernah menjadi hos untuk banyak program antarabangsa.

Untuk Johor pula kita- semua maklum bahawa Pemangku Sultan Johor menguruskan semua padang bola, stadium mereka dengan teratur di Johor. Jadi Johor menawarkan diri untuk jadi hos bagi acara bola sepak.

Dengan adanya model baharu- *co-host* seperti ini, Malaysia mampu menunjukkan fasiliti terbaik kita. Kawasan-kawasan negeri bandar yang lain boleh juga menerima manfaat daripada Sukan SEA 2027 dan tidak hanya tertumpu di Bukit Jalil. Saya percaya pendekatan baharu ini akan memanfaatkan semua pihak yang terlibat. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat Senator Dr. Lingeshwaran.

Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 8.

8. Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (i) jangkitan HIV baharu di Malaysia di mana 90 peratus adalah lelaki dan kumpulan umur tertinggi adalah dalam lingkungan 20-an. Apakah pecahan dari segi etnik dan negeri; dan
- (ii) apa strategi terkini Bahagian Kesihatan Awam untuk mengawal penularan kes HIV dalam kalangan lelaki ini.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato Lukanisman bin Awang Sauni]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dr. Lingesh atas soalan yang cukup baik pada pagi ini berkenaan tentang jangkitan HIV.

Dato' Yang di-Pertua, merujuk kepada *data surveillance* daripada *National At Registry* (NAR) pada tahun 2024, 90 peratus kes HIV adalah lelaki dan sebanyak 75 peratus kes HIV

melibatkan golongan belia dari kumpulan umur antara 20 hingga 39 tahun. Bilangan jangkitan HIV baharu di Malaysia secara amnya telah menurun daripada 6,978 kes dengan kadar notifikasi 28.5 daripada 100,000 orang penduduk pada tahun 2022 kepada 3,185 kes dengan kadar notifikasi 9.4 bagi 100,000 orang penduduk pada tahun 2024.

■1120

Sebanyak 52 peratus kes HIV yang dilaporkan pada tahun 2024 adalah berbangsa Melayu diikuti dengan bangsa Cina- 14 peratus. Namun demikian, bumiputera Sabah menunjukkan kadar spesifik etnik yang tertinggi iaitu 14.2 bagi setiap 100,000 orang penduduk bumi Sabah. Diikuti oleh bumiputera Sarawak iaitu 14 bagi setiap 100,000 orang penduduk Sarawak. Bangsa India pula iaitu 12.1 bagi 100,000 orang penduduk berbangsa India.

Manakala negeri yang mencatatkan jumlah kes HIV baharu tertinggi adalah negeri Selangor sebanyak 1,085 kes bersamaan dengan 34.1 peratus diikuti oleh negeri Wilayah Kuala Lumpur dan Putrajaya sebanyak 365 kes iaitu bersamaan dengan 11.4 peratus dan negeri Sabah sebanyak 344 kes bersamaan dengan 10.8 peratus. Saya akan berikan data mengikut setiap negeri.

Apa strategi terkini Bahagian Kesihatan Awam untuk mengawal penularan kes HIV dalam kalangan lelaki. Kementerian Kesihatan telah melaksanakan pelbagai strategi bagi mengekang jangkitan HIV untuk semua lapisan masyarakat tanpa mengira jantina dan golongan tertentu. Antaranya program PROSTAR 2.0 yang merupakan salah satu inisiatif untuk meningkatkan daya tahan dan kesedaran remaja mengenai HIV dan STI serta menekankan aspek *biopsychosocial spirituality*.

Pada tahun 2024, sebanyak 348 aktiviti PROSTAR 2.0 yang melibatkan 42,710 orang pelajar dan institusi pengajian tinggi. Bagi meningkatkan akses kepada perkhidmatan kesihatan seksual terutamanya bagi golongan muda berisiko, KKM telah melancarkan Ujian HIV Kendiri- *self-testing* dengan izin, dan laman web *TestNow* pada Disember 2023. Laman *TestNow* menyediakan maklumat mengenai HIV, penilaian risiko dan akses kepada kit ujian sendiri.

Sehingga 23 Januari 2025, sejumlah 145,041 orang telah melayari *TestNow* dengan purata 349 orang pengunjung sehari. Memperluaskan perkhidmatan *Differentiated HIV Services for Key Populations* Model KK 2.0 di 33 buah klinik kesihatan dengan kerjasama pintar GO-NGO, bukan kerajaan dengan izin, meningkatkan penyampaian perkhidmatan HIV. Meningkatkan liputan rawatan *antiretroviral* (ARV) dalam kalangan orang yang hidup dengan HIV dan AIDS dan memastikan ODHA mengambil ubat ARV mengikut jadual yang ditetapkan bagi membolehkan ODHA hidup seperti individu normal.

Juga yang terakhir adalah menyediakan rawatan pencegahan HIV atau (PrEP) *pre-exposure prophylaxis* untuk pasangan kepada ODHA. Rawatan PrEP berkemampuan untuk mengurangkan risiko mendapat jangkitan HIV melalui seks sebanyak 99 peratus apabila diambil mengikut preskripsi yang telah ditetapkan. Perkhidmatan PrEP telah dilaksanakan di 34 buah klinik dengan seramai 7,053 orang pesakit pada tahun 2024 dan pada tahun 2025, program ini akan diperluaskan lagi ke beberapa buah klinik. Sekian, terima kasih.

Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam: Terima kasih Dato Yang di-Pertua. Apakah faktor yang menjadikan hubungan seks antara lelaki dengan lelaki lebih berisiko tinggi untuk dijangkiti oleh HIV? Adakah terdapat sebarang program kesedaran secara agresif oleh KKM untuk mengurangkan stigma terhadap terutamanya di kalangan lelaki muda? Terima kasih.

Dato Lukanisman bin Awang Sauni: Satu soalan yang cukup menarik Yang Berhormat Lingesh dan juga ini merupakan isu semasa.

Kadar jangkitan HIV di kalangan lelaki dengan lelaki di kalangan umur usia 20 ke-39 tahun adalah sangat membimbangkan. Kita juga telah menjalankan kerjasama dengan Kementerian Pengajian Tinggi dan juga data-data menunjukkan terdapat kadar jangkitan yang sangat aktif.

Ini juga melibatkan penggunaan aplikasi yang sosial media di mana terdapat satu aplikasi yang menghubungkan untuk pasangan lelaki ini untuk mencari pasangan dan juga kita tidak mempunyai satu kaedah kawalan untuk mengawal dan juga menyekat aplikasi tersebut. Juga kita juga terdedah dengan satu gelombang, trend ataupun kempen global yang menggalakkan dan juga memberikan gambaran bahawa *this kind of lifestyle* adalah sesuatu yang normal.

Kita merupakan sebuah negara Islam dan juga kebanyakan masyarakat kita lebih kepada pemikiran yang agak konservatif dan juga gaya hidup ini masih lagi tidak mendapat-tidak merupakan satu aktiviti yang baik lah Dato Yang di-Pertua. Kerana kadar jangkitan-penyebabnya adalah saya merasakan penyebab kepada jangkitan antara lelaki dan lelaki ini adalah *generational issues* yang merasakan YOLO ini, *you only live once*, Dato Yang di-Pertua. Keberanian untuk mencuba sesuatu yang baharu dan juga *grooming* yang dilakukan oleh individu-individu yang ingin melakukan satu kegiatan di luar tabii yang sehinggakan melupakan kesan.

Walaupun demikian, kita mempunyai kaedah iaitu PrEP untuk menghalang jangkitan secara seksual ini sebanyak 99 peratus. Walaupun demikian, penggunaan PrEP ini juga terdapat beberapa tentangan daripada beberapa kelompok walaupun secara teknikalnya, itu adalah *solution* yang terbaik buat masa ini.

Kempen yang kita sedang usahakan adalah kita memerlukan sokongan. Di bawah KKM, saya sebagai pengerusi untuk *coordinating mechanisms* telah pun menghimpun golongan-golongan yang melibatkan- yang terlibat dalam aktiviti ini di bawah umur 30, atas umur 30 dan juga jawatankuasa ini juga melibatkan badan-badan keagamaan untuk melihat dan juga menasihati dan juga mendengar apakah perkembangan-perkembangan semasa gaya hidup yang bertentangan dengan masyarakat masa ini. Terima kasih Dato Yang di-Pertua.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Saya pun tertarik dengan soalan ini. Cuma saya nak tanya daripada segi- ini amalan kaum Nabi Lut yang sangat dikutuk dalam al-Quran oleh Allah dan yang sudah pun berlaku- tunjuk kesan yang sangat ketara dalam sejarah. Cumanya, bila kita sebutkan begini, saya nak tanya sikit daripada segi *stand* rasminya kerajaan terhadap perkara ini. Sebab tadi kesan penyakit ada tindakan yang dibuat oleh kerajaan. Mohon pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri. Ini LGBT lagi, kan.

Dato Lukanisman bin Awang Sauni: Secara teknikalnya, kita memang akan menasihatkan kepada masyarakat untuk mengelakkan aktiviti-aktiviti yang memudaratkan. Juga sekiranya seseorang individu yang telah dijangkiti, sudah pasti ia akan melibatkan satu proses rawatan yang berterusan dan berpanjangan dan juga melibatkan kos. Apabila melibatkan kos ini, ini akan juga membebankan sistem kesihatan awam di mana kita perlukan memberikan penumpuan kepada banyak lagi penyakit-penyakit yang lebih memerlukan peruntukan. Contohnya, penyakit-penyakit yang tidak berjangkit seperti diabetes ataupun darah tinggi, ataupun kolesterol.

Walaupun demikian, secara dasarnya, kita sememangnya menolak sebarang aktiviti. Kita tidak mengiktiraf perkahwinan sejenis. Itu lah satu realiti yang sangat nyata dan juga teknikal dan juga aktiviti-aktiviti ini kita cuba sekat walaupun demikian adalah menjadi tanggungjawab Kementerian Kesihatan sekiranya terdapat jangkitan-jangkitan yang berlaku, kita kena kawal dan juga untuk menurunkan *prevalence* penyakit tersebut.

Disebabkan itulah kita mengambilkan pendekatan untuk menggunakan kaedah PrEP untuk memberikan satu rawatan bagi mengelakkan hubungan seksual itu memberikan kesan jangkitan kepada orang-orang yang tidak bersalah. Walaupun kita melihat 90 peratus adalah jangkitan sesama lelaki, tetapi terdapat juga jangkitan-jangkitan yang terdapat kepada pasangan dan juga anak yang dilahirkan.

Itu *stand* yang kita pegang oleh kerajaan, kita menolak sebarang aktiviti-aktiviti yang memudaratkan dan juga kita tidak mengiktiraf sebarang aktiviti-aktiviti hubungan sejenis ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat Senator Datin Hajah Ros Suryati.

Datin Hajah Ros Suryati binti Alang: Terima kasih Dato Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 9.

9. Datin Hajah Ros Suryati binti Alang minta Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri menyatakan, faktor peningkatan dan usaha yang dilaksanakan kementerian berikutan nilai perdagangan Malaysia meningkat 9.2 peratus kepada rekod tertinggi RM 2.879 trilion pada akhir 2024, melepasi paras RM 2 trilion selama empat tahun berturut-turut.

Timbalan Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri [Tuan Liew Chin Tong]:

Terima kasih Dato Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datin Ros Suryati binti Alang. Pada tahun 2024, rakan-rakan dagang utama Malaysia seperti ASEAN, China, Amerika Syarikat dan Kesatuan Eropah telah merekodkan pertumbuhan ekonomi yang lebih kukuh. Ini sedikit sebanyak menyumbang kepada peningkatan perdagangan luar negara susulan permintaan tinggi kepada barangan berteknologi tinggi seperti barangan elektrik dan elektronik (E&E) serta jentera kelengkapan dan peralatan

■1130

Eksport barangan E&E meningkat sebanyak 4.5 peratus ataupun RM601 bilion, sementara jentera, kelengkapan dan peralatan mengembang 20.5 peratus ataupun RM69 bilion bagi tahun 2024. Peningkatan eksport kedua-dua sektor tersebut didorong oleh permintaan tinggi bagi litar bersepadu elektronik (IC) selaras dengan perkembangan teknologi kecerdasan buatan (AI).

Malaysia menyumbang kepada sebahagian daripada ekosistem rantai bekalan semikonduktor global di mana Malaysia merupakan pengeksport keenam terbesar dunia dengan syer pasaran sebanyak tujuh peratus. Antara usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh MITI melalui agensi iaitu MATRADE untuk memperkukuh eksport produk tempatan adalah seperti berikut:

- (i) meningkatkan usaha promosi eksport ke pasaran-pasaran berkembang- *emerging market*;
- (ii) meningkatkan promosi eksport di bandar-bandar raya baharu- *second tier cities*;
- (iii) meningkatkan promosi eksport di pasaran perjanjian perdagangan bebas (FTA);
- (iv) inisiatif pepadanan pembeli premium luar negara dengan pengeksport tempatan;
- (v) penyertaan di dalam pelbagai pameran perdagangan antarabangsa yang terkemuka; dan

- (vi) peluasan program eTRADE dan eBizLink di bawah agenda eksport dalam talian secara e-dagang rentas sempadan.

Sekian, terima kasih.

Datin Hajah Ros Suryati binti Alang: Soalan tambahan saya. Terima kasih atas jawapan yang diberikan tadi. Saya optimis dengan peningkatan dan usaha yang dilaksanakan oleh kementerian sekarang, apatah lagi pada masa ini risiko luaran seperti tarif dasar baharu terutama dari Presiden Trump dan potensi konflik perdagangan agak membimbangkan.

Daripada jumlah atau nilai perdagangan yang dicatat ini, saya ingin tahu berapa pula jumlah atau nilai perdagangan yang telah direalisasikan? Menerusi perdagangan yang telah direalisasikan itu, berapa pula jumlah pekerjaan yang telah berjaya diwujudkan dan berapa jumlah syarikat tempatan yang berjaya terlibat dalam nilai perdagangan yang dibawa masuk ke negara kita? Terima kasih.

Tuan Liew Chin Tong: Terima kasih, Dato Yang di-Pertua. Terima kasih, Senator Datin Ros. Sebenarnya angka yang saya maklumkan tadi ialah angka perdagangan yang telah berlaku. Yang telah berlaku, yang telah dilaksanakan dan telah wujud. Apa yang mungkin Senator tanya ialah maklumat berkenaan pelaburan. Itu adalah hal lain. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan, Yang Berhormat Senator Dato' Sivaraj.

Dato' Sivaraj a/l Chandran: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya soalan nombor 10.

10. Dato' Sivaraj a/l Chandran minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, langkah yang diambil oleh kerajaan untuk memastikan keselamatan kanak-kanak di taska, termasuk penyediaan akses CCTV secara langsung kepada ibu bapa, pengawalan kos taska yang tinggi, serta peningkatan pemantauan bagi mencegah kes penderaan kanak-kanak.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, penguatkuasaan Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984 [Akta 308] dan Peraturan-peraturan Taman Asuhan Kanak-kanak 2012 telah dipertanggungjawabkan kepada kementerian kami iaitu Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKM).

Sejak tahun 2015, KPWKM telah mewajibkan pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) sebagai salah satu syarat pendaftaran taska agar pengusaha atau pengurus dapat memastikan kanak-kanak berada dalam keadaan selamat sepanjang mereka berada di taska.

Selain itu, tindakan segera juga dapat diambil sekiranya terdapat sebarang keadaan yang mencurigakan atau kecemasan berlaku.

Keperluan serta perincian pemasangan CCTV ini kemudiannya telah dikemas kini oleh JKM menerusi Garis Panduan Keselamatan Kanak-kanak di Taman Asuhan Kanak-kanak Berdaftar yang telah ditambah baik dan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2024.

Bagi mengurangkan risiko berlakunya perkara yang tidak diingini di taska, pelbagai inisiatif telah diambil oleh KPWK dan JKM. Antaranya, termasuk pengemaskinian garis panduan keselamatan yang disebutkan tadi yang turut mewajibkan pengusaha taska membuat pengesahan dengan membuat catatan dalam log harian dan pemantauan berterusan sekurang-kurangnya sekali setiap minggu terhadap taska di bawah kawalannya.

Kedua, mengarahkan pegawai diberi kuasa untuk menjalankan pemeriksaan berkala dan mengejut ke taska dengan lebih kerap bagi memastikan semua standard minimum yang ditetapkan oleh akta dan peraturan dipatuhi. Untuk makluman, lebih 5,500 aktiviti pemeriksaan mengejut telah dilakukan ke atas taska dan pusat jagaan antara tahun 2022 hingga 2024.

Ketiga, kita mengaktifkan peranan komuniti seperti Pasukan Perlindungan Kanak-kanak (PPKK), Pasukan Kebajikan Kanak-kanak (PKKK) dalam membantu JKM melaksanakan pelbagai program pencegahan, perlindungan, perkembangan dan penyertaan kanak-kanak di peringkat masyarakat setempat melaporkan kejadian-kejadian yang disyaki melanggar akta dan peraturan.

Keempat, menyediakan perkhidmatan Talian Kasih 15999 yang membolehkan sebarang aduan penderaan dilaporkan pada bila-bila masa.

Bermula 10 April 2023, JKM telah menguatkuasakan Garis Panduan Khas Tindakan Penguatkuasaan Lak dan Perintah Penutupan ke atas Taman Asuhan Kanak-kanak serta Pusat Jagaan yang Dalam Siasatan Polis. Garis panduan khas ini adalah untuk memastikan tindakan segera dan tegas diambil terutamanya bagi kes penderaan, pengabaian atau mendatangkan bahaya kepada kanak-kanak atau penghuni di premis tersebut. Usaha ini bagi memastikan tindakan yang diambil lebih efektif dan proaktif dalam melindungi kumpulan sasar KPWK terutamanya kanak-kanak.

Selain itu, bermula 10 Januari 2025, semua taska berdaftar diwajibkan mempamerkan plak pendaftaran bagi memudahkan urusan ibu bapa memilih pusat asuhan, seterusnya boleh membantu usaha KPWK menangani isu penderaan dan pengabaian kanak-kanak yang kebiasaannya berlaku di taska tidak berdaftar kerana beroperasi tanpa mengikut SOP.

KPWK terus melaksanakan usaha melindungi kanak-kanak dan menjalankan pelbagai program dan kempen bagi membendung berlakunya kes penderaan terhadap mereka. Sekian, terima kasih.

Dato' Sivaraj a/l Chandran: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Apakah usaha kerajaan dalam memperketat syarat kelayakan latihan profesional dan saringan latar belakang bagi pengasuh serta pekerja taska termasuk penilaian keadaan mental mereka bagi mengurangkan risiko penderaan dan kecuaian? Selain itu, berapa ramai pengasuh dan pekerja taska yang telah menerima latihan CPR dan pertolongan cemas asas seperti yang disyaratkan? Terima kasih.

Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat. Di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui JKM juga diberi tanggungjawab untuk menguat kuasa Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984 iaitu Akta 308 sentiasa memandang serius berkaitan isu-isu melibatkan kes berkaitan kecuaian, pengabaian dan juga penderaan kanak-kanak yang berlaku di taman asuhan kanak-kanak iaitu taska.

Usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh pihak kementerian bagi memastikan taska yang berdaftar sentiasa mematuhi akta dan peraturan-peraturan yang ditetapkan ialah, pertama, pemantauan, pemeriksaan berkala dan mengejut dilaksanakan oleh pegawai diberi kuasa ke premis-premis taska yang berdaftar sekurang-kurangnya dua kali setahun. Memperkasakan tindakan penguatkuasaan ke atas taska yang melanggar akta dan peraturan-peraturan di bawahnya. Program kesedaran masyarakat sentiasa diadakan agar menjadi mata dan telinga jabatan bagi melaporkan kejadian yang disyaki melanggar akta dan peraturan yang ditetapkan.

Manakala bagi taska yang tidak berdaftar, berdasarkan kepada Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984, terdapat peruntukan undang-undang yang telah menetapkan tindakan penguatkuasaan yang boleh diambil seperti berikut- iaitu seksyen 6(1) Akta 308, bahawa tiada seorang pun boleh mengendalikan atau mengambil bahagian dalam pengurusan suatu taman asuhan kanak-kanak yang tidak didaftar di bawah peruntukan akta ini.

■1140

Kedua, mana-mana orang yang melanggar subseksyen 6(1) telah melakukan suatu kesalahan.

Ketiga, mana-mana orang melanggar subseksyen 1 melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan, boleh didenda tidak mematuhi RM10,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya. Dalam hal semua kesalahan berterusan boleh sebagai tambahan dikenakan denda harian tidak melebihi RM1,000 bagi tiap-tiap hari kesalahan itu berterusan.

Statistik pengasuh yang mempunyai kemahiran berkaitan CPR akan diberikan secara bertulis. Namun begitu, untuk tahun lepas, kita sudah mengadakan latihan yang baharu lagi untuk pengasuh kita. Ada dalam itu untuk bukan sahaja untuk kanak-kanak, tetapi menyeluruh ya. Kita sudah mengadakan 385 latihan untuk mereka yang mengendalikannya- 385 untuk

mereka berlatih ya. Statistik mereka yang dilatih, tetapi untuk keseluruhannya, kita akan beri lagi secara bertulis Yang Berhormat. Terima kasih.

[Sesi Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan Tamat]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, selaras dengan peruntukan Peraturan Mesyuarat 11(5), saya hendak menetapkan bahawa Majlis Dewan Negara hari ini tidak akan ditempokkan pada jam 1 tengah hari dan akan bersidang secara terus sehingga selesai diputuskan dan diluluskan D.R.3/2025, Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2024) 2025 dan D.R.8/2025, Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 2025 seperti yang tertera di nombor 1 dan nombor 2 dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* hari ini. Selepas itu, Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Selasa, 25 Mac 2025.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2024) 2025

Bacaan Kali Kedua

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat Menteri.

11.42 pg.

Menteri Kewangan (II) [Datuk Seri Amir Hamzah Azizan]: Dato Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2024 dan bagi peruntukan jumlah wang itu untuk maksud yang tertentu bagi tahun itu dibaca kali yang kedua sekarang.

Dato Yang di-Pertua, peruntukan tambahan Perbelanjaan Mengurus pertama tahun 2024 ini dibentangkan mengikut Perkara 101 Perlembagaan Persekutuan iaitu bagi memperoleh kelulusan terhadap perbelanjaan yang tidak diperuntukkan atau tidak diperuntukkan sepenuhnya dalam Belanjawan 2024 yang telah diluluskan dulu oleh Dewan yang mulia ini.

Anggaran Perbelanjaan Mengurus tambahan pertama 2024 yang dibentangkan adalah berjumlah RM20,191,299,500 untuk membiayai perbelanjaan bekalan yang boleh diringkaskan seperti berikut.

Sebanyak RM3,108,700,800 adalah untuk pindahan lebih daripada Akaun Hasil Disatukan 2024 ke Kumpulan Wang Pembangunan. Pindahan ini dicaj sebahagian daripada perbelanjaan di bawah Maksud B.12, peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pindahan ini adalah selaras dengan peruntukan di bawah subseksyen 10(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 ataupun Akta 61 dan bukan satu perbelanjaan baharu, tetapi merupakan sebahagian daripada keperluan kewangan untuk menampung perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2024 yang berjumlah RM84,011,595,464.

Sebanyak RM50,912,700 adalah untuk merungkup semula jumlah yang didahulukan daripada Kumpulan Wang Luar Jangka untuk menampung perbelanjaan-perbelanjaan yang tidak diperuntukkan bagi tahun 2024 seperti yang terkandung dalam penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 3, Tahun 2025.

Sebanyak RM17,031,686,000 merupakan peruntukan tambahan langsung kepada kementerian/jabatan yang telah diberi kebenaran untuk berbelanja melebihi daripada peruntukan bagi membiayai perkara-perkara yang komited pada tahun 2024, manakala sebanyak RM3,108,700,800 merupakan pindahan hasil kepada Kumpulan Wang Pembangunan.

Datuk Yang di-Pertua, kementerian-kementerian yang terlibat di dalam anggaran perbelanjaan tambahan ini adalah seperti berikut:

- (i) Kementerian Kewangan sebanyak RM15,776,141,130;
- (ii) Kementerian Pendidikan sebanyak RM1,763,672,170;
- (iii) Jabatan Perkhidmatan Awam sebanyak RM1,148,146,080;
- (iv) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup sebanyak RM1,077,146,050;
- (v) Kementerian Pendidikan Tinggi sebanyak RM417,999,870; dan
- (vi) Suruhanjaya Pilihan Raya sebanyak RM8,194,200.

Butiran dan penjelasan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi anggaran Perbelanjaan Mengurus tambahan pertama 2024 adalah seperti dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 1 Tahun 2025 dan Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Perintah Kertas 1A Tahun 2025.

Datuk Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada sesiapa menyokong?

Timbalan Menteri Kewangan [Puan Lim Hui Ying]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis adalah rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2024 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud yang tertentu bagi tahun itu dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, ada 12 orang Ahli yang hendak berbahas. Maka, saya membuat ketetapan bahawa masa yang diberikan adalah 8 minit seorang.

Dipersilakan Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam.

11.49 pg.

Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua atas peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2024 yang memperuntukkan RM20.19 bilion untuk pelbagai sektor. Saya menyokong peruntukan tambahan ini, tetapi saya ingin menekan kepada dua isu penting yang memerlukan perhatian segera kerajaan.

Pertama, keperluan dana tambahan bagi sekolah mubaligh khususnya dalam aspek penyelenggaraan dan juga keselamatan. Datuk Yang di-Pertua, sekolah mubaligh telah memainkan peranan besar dalam sistem pendidikan sejak era kolonial, melahirkan ramai tokoh profesional dan pemimpin negara. Namun, banyak sekolah ini kini menghadapi masalah penyelenggaraan yang serius.

■ **1150**

Saya ingin menarik perhatian pada Sekolah Kebangsaan Convent Butterworth, di mana sistem pendawaian elektriknya berada dalam keadaan yang sangat uzur dan berbahaya. Sekolah ini mempunyai 135 orang pelajar Melayu, 213 orang pelajar India dan 10 orang pelajar Cina, menjadikan institut pendidikan yang inklusif. Disebabkan sistem pendawaian yang tidak boleh digunakan, kelas-kelas terpaksa bergantung kepada sambungan wayar lanjutan, menyebabkan beberapa kejadian litar pintas yang membahayakan nyawa 389 orang murid dan juga tenaga pengajar.

Saya menggesa kerajaan menyediakan satu peruntukan kecemasan sebanyak RM900,000 untuk membaiki pulih pendawaian sekolah ini dengan segera.

Pada waktu yang sama, saya juga ingin menyatakan bahawa Sekolah Kebangsaan St. Mark, Butterworth yang ditubuhkan pada tahun 1885 mengalami masalah kritikal apabila sebuah blok bangunannya terpaksa ditutup akibat kerosakan *structure* yang serius. Ini menyebabkan kekurangan bilik darjah, menjejaskan pembelajaran 211 orang murid dari

pelbagai kaum. Kos pembaikan dianggarkan sebanyak RM800,000. Saya berharap kerajaan dapat menyegerakan peruntukan ini bagi memastikan keselamatan dan keselesaan murid-murid sekali.

Saya ingin menegaskan bahawa kedua-dua sekolah ini telah membuat permohonan peruntukan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia tahun lepas dan juga tahun ini. Namun sehingga kini, tiada sebarang maklum balas. Saya menggesa Kementerian Pendidikan mengambil serius perkara ini kerana ini melibatkan keselamatan serta hak pendidikan anak-anak kita.

Datuk Yang di-Pertua, kedua, saya ingin juga menggesa kerajaan untuk memberi peruntukan dana pada Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang yang berada di penyeliaan Kerajaan Persekutuan untuk menjaga beberapa buah kuil di negeri Pulau Pinang dan juga membantu masyarakat Hindu dalam bidang pendidikan dan juga kebajikan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, semua pendapatan dan juga perbelanjaan oleh Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang akan dibentangkan di Parlimen.

Dalam tempoh dua tahun yang terakhir, lembaga ini telah membelanjakan RM906,000 untuk membantu 1,100 orang individu termasuk pelajar miskin, keluarga berpendapatan rendah dan warga emas yang memerlukan bantuan. Namun, kami hanya bergantung sepenuhnya kepada sumbangan masyarakat dan peruntukan kerajaan negeri yang sangat terhad. Saya ingin meminta kerajaan mempertimbangkan peruntukan sekurang-kurangnya RM5 juta setiap tahun bagi menyokong pendidikan dan kebajikan masyarakat Hindu di negeri Pulau Pinang.

Beberapa pucuk surat telah dihantar pada tahun 2024 untuk mendapat bantuan daripada Perdana Menteri, yang juga merupakan Menteri Kewangan, tetapi setakat ini, kita tidak menerima sebarang maklum balas positif.

Datuk Yang di-Pertua, saya menyeru agar...

Timbalan Yang di-Pertua: YB, tadi YB sebut masyarakat Hindu ya?

Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Bukan India?

Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam: Oh, saya minta maaf. Masyarakat Hindu di Pulau Pinang.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik. Saya nak menjelaskan... *[Ketawa]*

Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam: Datuk Yang di-Pertua, saya menyeru kerajaan agar lebih inklusif dan juga adil.

Sekolah mubaligh dan juga Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang adalah dua entiti yang telah banyak menyumbang kepada pembangunan masyarakat dan juga negara. Oleh itu, kerajaan harus memastikan mereka menerima sokongan yang setimpal agar dapat

meneruskan peranan mereka dalam membangunkan rakyat Malaysia. Saya berharap, usaha ini dapat dipertimbangkan dengan serius demi kepentingan pendidikan, kebajikan dan juga kesejahteraan rakyat Malaysia. Terima kasih, Datuk Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Oh, pendek sahaja YB... *[Ketawa]*

Baik. Sekarang saya jemput Senator Dr. Hajah Wan Martina.

11.54 pg.

Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Datuk Yang di-Pertua atas ruang dan peluang yang diberikan kepada saya untuk membahas Rang Undang-undang Akta Perbekalan Tambahan (2024) 2025 iaitu suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang yang disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2024 dan bagi memperuntukkan jumlah wang ini untuk maksud yang tertentu bagi tahun itu.

Satu peruntukan untuk perbelanjaan tambahan bagi tahun 2024 yang agak besar nilainya iaitu sebanyak RM20,191,299,500.00. Dengan peruntukan tambahan yang besar ini, sudah tentu menjadi pertanyaan, dari manakah sumber kewangan akan diperolehi untuk pembiayaan ini? Tidak dapat tidak, ia akan menambah beban hutang negara.

Jadi, apa pendekatan yang akan diambil oleh kerajaan dalam merangka strategi pengurusan hutang dan pinjaman yang berkesan untuk menampung kedudukan defisit fiskal serta mengoptimumkan perbelanjaan pembangunan untuk manfaat rakyat, mengambil kira kedudukan paras hutang kerajaan pada tahun 2024?

Datuk Yang di-Pertua, setiap tahun, kerajaan terpaksa menyediakan peruntukan tambahan yang agak besar dan menjadi persoalan. Adakah implikasi peruntukan tambahan ini terhadap defisit negara dalam perbekalan-perbekalan tambahan akan datang berbanding unjuran semasa kerajaan terutama dalam mengimbangi pertumbuhan ekonomi dan pada masa yang sama, mencapai sasaran defisit fiskal? Apakah strategi kerajaan untuk meningkatkan daya tahan dan kemampuan fiskal kerajaan di semua peringkat supaya perbelanjaan yang tidak diduga jangka pendek tidak melibatkan risiko besar kepada kedudukan kewangan negara?

Datuk Yang di-Pertua, merujuk kepada Jadual B.4 - Suruhanjaya Pilihan Raya, suatu peruntukan tambahan sebanyak RM8.194 juta diperlukan. Kita memahami kerana pada tahun 2024, beberapa pilihan raya kecil terpaksa dilaksanakan. Ia di luar jangka dan kita memahaminya. Pun begitu, setiap tahun PRK ada sahaja berlaku. Oleh itu, kerajaan perlu menyediakan peruntukan yang munasabah semasa menyediakan belanjawan tahunan.

Dalam mengurangkan perbelanjaan pilihan raya, adakah kerajaan sudah membuat kajian untuk menambah baik proses pengundian pilihan raya termasuk sama ada wujudkan

kajian mengenai pelaksanaan proses mengundi secara elektronik- *e-votting*, dengan izin, dengan mengambil kira sudut keselamatan, kos penyelidikan serta mesra pengguna atau mesra pengundi?

Datuk Yang di-Pertua, perbelanjaan luar jangka sering berlaku. Oleh itu, saya ingin bertanya, apakah langkah-langkah mitigasi yang diambil oleh kerajaan dalam menyediakan anggaran perbelanjaan luar jangka yang berlaku dan juga komitmen pembiayaan oleh kerajaan?

Contohnya, dunia sedang mengalami perubahan iklim yang tidak menentu. Tidak ketinggalan, negara kita. Cuaca yang tidak menentu mengakibatkan bencana alam, banjir yang akan melibatkan kerugian yang sangat besar dan membawa implikasi kepada perbelanjaan tambahan yang signifikan. Oleh itu, satu perancangan dan kajian lebih awal diperlukan. Contohnya, subsidi yang boleh dianggarkan jumlahnya kerana data sudah sedia ada dapat membantu penyediaan belanjawan supaya tiada keperluan untuk peruntukan tambahan.

Persoalan saya, sejauh mana kesan penyelarasan subsidi agar ia tidak menjejaskan kehidupan rakyat di sebalik tekanan kos sara hidup yang meningkat dan tidak ketentuan ekonomi global, kenaikan tarif oleh US dan mengambil kira proses pelarasan rasionalisasi subsidi serta ketidaktentuan harga bahan mentah yang berpotensi meningkatkan semula perbelanjaan bagi menampung keperluan subsidi?

Bagaimanakah kerajaan memastikan keberkesanan penyaluran bantuan langsung dan tidak langsung melalui mekanisme PADU? Sejauh manakah kerajaan melihat bantuan tunai sebagai kaedah penyaluran bantuan jangka pendek ataupun panjang?

Selain itu, kesan cukai berganda SST terhadap perbelanjaan isi rumah akibat faktor cukai yang tetap mempengaruhi kos pengeluaran dan juga harga runcit. Apakah langkah khusus yang diambil untuk meningkatkan perbelanjaan domestik dan kuasa beli pengguna dan kesan inflasi yang diimport terutamanya harga barangan yang diimport termasuk bahan-bahan makanan akibat nilai Ringgit yang masih belum stabil dan kukuh?

■1200

Datuk Yang di-Pertua, saya merujuk kepada peruntukan tambahan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) B.63 berdasarkan peruntukan Belanjawan 2024 sebanyak RM2.5 bilion telah disediakan manakala peruntukan tambahan berjumlah RM1.76 bilion diperlukan. Peruntukan tambahan ini diperlukan antaranya disebabkan oleh komitmen tambahan kerajaan oleh sebab pelarasan kadar kontrak berikutan pelaksanaan Perintah Gaji Minimum dan kenaikan cukai SST. Kerajaan sepatutnya sudah menjangkakan peningkatan perbelanjaan semasa membentangkan Bajet 2024 akibat faktor-faktor tersebut. Oleh itu, sepatutnya terus dimasukkan dalam Bajet Tahun 2024.

Datuk Yang di-Pertua, sebagai penutup sekali lagi saya menegaskan penambahan peruntukan tambahan yang tinggi berbanding peruntukan semasa belanjawan dibentangkan seharusnya tidak berlaku. Kementerian seharusnya membuat kajian lebih awal dan perlu lebih teliti semasa menyediakan belanjawan supaya tiada keperluan untuk menambah peruntukan yang terlalu besar bezanya. Untuk itu saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih YB.

Sekarang saya jemput Yang Berhormat Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin.

12.01 tgh.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Terima kasih Datuk Speaker. Terima kasih juga kerana telah diberi peluang untuk saya membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini. Sebenarnya setiap tahun, kita tahu bahawa pihak kerajaan memohon agar Peruntukan Tambahan dibenarkan, diluluskan oleh pihak Parlimen dan saya percaya tahun ini juga tiada kekecualiannya.

Cuma ada beberapa perkara yang ingin saya ajukan dan minta penjelasan daripada pihak kementerian berkaitan dengan isu-isu terutamanya isu berkaitan dengan cukai. Sepertimana yang kita sedia maklum, perluasan skop cukai jualan dan perkhidmatan (SST) yang bermula pada 1 Mei 2025 ini bertujuan meningkatkan hasil kerajaan bagi menampung perbelanjaan negara termasuk melalui pengenalan semua *high-value goods tax* serta cukai ke atas lebih banyak perkhidmatan dan barangan premium.

Seperti mana yang saya terbaca, pihak Yang Berhormat Menteri Kewangan II pernah mengatakan bahawa perluasan skop ini berdasarkan kepada *progressive manner*. Maknanya bergantung kepada *economic affordability* dengan izin, dan kesan kepada golongan berpendapatan rendah. Namun langkah ini menimbulkan kebimbangan terhadap kesannya ke atas sara hidup rakyat dan daya saing perniagaan.

Kita tahu bahawa sepertimana yang telah dinyatakan bahawa dengan adanya cukai jualan SST bermula 1 Mei ini dijangka akan boleh *generate* sebanyak RM51.7 bilion *revenue* iaitu kenaikan sebanyak RM5 bilion hasil daripada SST yang baharu ini. Walaupun barangan asas tidak terlibat dalam cukai ini, namun kesan rantaian tetap akan berlaku apabila berlakunya peningkatan kos operasi perniagaan terutamanya perusahaan kecil dan sederhana memaksa mereka ini menaikkan harga barangan dan perkhidmatan. Ini boleh mengurangkan kuasa beli pihak pengguna serta memperlahankan pertumbuhan ekonomi.

Now, kalau kita lihat kepada sektor digital dan perkhidmatan berasaskan yuran seperti contohnya guaman. Kalau guaman sendiri pun SST, cukai dinaikkan, ia akan juga terpalit juga kepada klien ataupun pihak yang ingin mendapatkan perkhidmatan guaman. Begitu juga dengan *wealth management company* dengan izin, pengurusan kekayaan juga dijangka akan

terkesan dengan memungkinkan kos tambahan dipindahkan kepada pihak pengguna. Selain itu, kenaikan harga dalam penghantaran dan pembungkusan boleh juga memberikan kesan kepada barangan lain dalam rantai bekalan sekali gus meningkatkan tekanan inflasi.

Now, cabaran utama kerajaan kini adalah memastikan keseimbangan antara meningkatkan hasil negara dan mengelakkan kesan negatif terhadap ekonomi serta kesejahteraan rakyat.

Persoalan utama yang timbul adalah, sejauh mana hasil cukai tambahan ini akan digunakan untuk mengurangkan defisit fiskal atau menyalurkan bantuan kepada golongan yang terjejas? Sekiranya kenaikan SST ini membebankan rakyat secara signifikan, kerajaan mungkin perlu mencari jalan untuk memperkenalkan dengan lebih banyak subsidi atau bantuan tunai yang berpotensi meningkatkan lagi perbelanjaan pihak kerajaan. Oleh itu, kerajaan perlu merangka satu pelan strategi yang lebih berkesan bagi memastikan dasar cukai ini tidak menjejaskan golongan berpendapatan rendah serta kesan inflasi terkawal.

Untuk mengimbangi kesan ini, kerajaan perlu memastikan, cadangan saya untuk sistem cukai lebih progresif dan adil dengan memberikan tumpuan kepada sektor yang mampu menanggung beban fiskal. Penstrukturan semula cukai lain seperti duti import atau cukai jalan serta pengenalan cukai karbon dan cukai mewah boleh menjadi alternatif yang lebih efektif tanpa membebankan rakyat kebanyakan. Selain itu, langkah mitigasi seperti pelepasan cukai, subsidi bersasar, bantuan tunai dan insentif kepada perniagaan tempatan perlu diperkenalkan bagi mengurangkan impak kepada golongan yang berpendapatan rendah dan perniagaan kecil.

Kesimpulannya, dasar fiskal yang lebih seimbang diperlukan bagi memastikan pertumbuhan ekonomi mampan sambil mengekalkan kestabilan kos hidup rakyat. Kerajaan perlu menilai secara menyeluruh kesan perluasan SST ini serta mengambil langkah mitigasi yang bersesuaian bagi memastikan dasar ini mencapai matlamatnya tanpa memberikan tekanan berlebihan kepada rakyat dan ekonomi negara.

Seterusnya kita- saya teruskan kepada isu berkaitan dengan hutang Datuk Speaker. Isu ini sebenarnya banyak yang saya nak bangkitkan...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Dato' Setia Salehuddin, ada banyak jimat masa daripada dua orang pembahas sebelum ini. Jadi, kalau Yang Berhormat Senator Dato' Setia Salehuddin nak lebih sikit, tak apa.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Baik, terima kasih Datuk Speaker. Itu sebab saya sediakan teks. Kalau tak sediakan teks, lagi panjang lagi Datuk Speaker... [Ketawa]

Baik berkaitan dengan isu hutang negara, kita tahu bahawa kita- semua sebagai Ahli-ahli Senator amat *concern* tentang hutang yang sedang dihadapi oleh negara seperti mana

yang pernah saya baca, hutang kerajaan terus meningkat mencecah kepada RM1.172 trilion pada akhir 2023 dan dijangka mencapai RM1.247 trilion pada akhir 2024.

Dengan hasil negara dianggarkan kepada setakat RM324.6 bilion dan bayaran khidmat hutang mencecah RM50.5 bilion, timbul persoalan mengenai keberkesanan strategi fiskal kerajaan dalam mengawal defisit dan memastikan kestabilan jangka panjang. Dalam menghadapi cabaran ini, kerajaan perlu menjelaskan sedikit perancangan untuk mengurangkan kebergantungan kepada pinjaman baharu serta memastikan hasil negara mencukupi tanpa membebankan rakyat. Langkah seperti rasionalisasi subsidi dan perluasan cukai mungkin boleh membantu, tetapi adakah ia memadai untuk menampung peningkatan hutang?

Ketelusan dalam pengurusan kewangan juga penting bagi memastikan setiap pinjaman memberi nilai kepada pembangunan negara. Tanpa strategi yang jelas, peningkatan hutang boleh menjejaskan kestabilan ekonomi dan keyakinan pelabur. Justeru itu, kerajaan perlu tampil dengan pelan yang lebih kukuh untuk mengimbangi keperluan fiskal dan kesejahteraan rakyat.

Untuk maksud itu juga, saya ingin menyentuh sedikit isu berkaitan dengan kelulusan pinjaman RM1.1 bilion kepada Sapura Energy Berhad (SEB) yang menyokong industri minyak dan gas serta melindungi vendor tempatan. Walaupun langkah ini bertujuan untuk menstabilkan sektor strategik negara, risiko fiskal tidak boleh diabaikan memandangkan SEB juga telah mencatatkan kerugian besar berturut-turut sebanyak RM8.9 bilion pada tahun 2022, RM3.2 bilion 2023, RM509 juta tahun 2024. Walaupun telah berkurang, tapi masih dalam jumlah yang agak besar.

Jika pinjaman ini- kita menimbulkan isu bahawa sekiranya pinjaman ini tidak dibayar balik, adakah kerajaan akan mengalami tekanan fiskal yang lebih besar terutama dalam keadaan defisit negara yang masih tinggi? Kita faham sebab ini lah satu isu yang agak rumit untuk diselesaikan sebab dulu sebelum kerajaan yang ada sekarang ini, memang pihak Sapura pun mengalami masalah yang sama.

Dana yang digunakan untuk menyelamatkan SEB ini datang daripada peruntukan awam yang sepatutnya digunakan untuk sektor penting lain seperti pendidikan, kesihatan dan pembangunan infrastruktur. Namun RUU Perbekalan yang menentukan belanjawan tahunan negara juga boleh terjejas kerana kerajaan mungkin terpaksa mengurangkan peruntukan kepada sektor lain bagi menampung kehilangan dana ini. Jika hutang negara meningkat akibat kegagalan pembayaran balik pinjaman ini, ia boleh menjejaskan kestabilan ekonomi serta keyakinan pelabur terhadap pengurusan kewangan negara.

Saya faham bahawa pihak kementerian terutamanya Kementerian Kewangan dan PMX sendiri telah mengambil kira segala faktor di dalam menentukan hala tuju dan bagaimana cara yang sebaik-baiknya untuk kita mengawal hutang negara dan juga membantu GLC dalam menangani masalah ekonomi yang sedang mereka hadapi.

Namun apa yang kita ingin sarankan adalah supaya satu pendekatan yang lebih berhati-hati diambil bagi memastikan bahawa kerajaan atau pihak kerajaan atau pihak kementerian tidak terpaksa menyalurkan satu jumlah yang besar bagi menyelamatkan sesebuah syarikat.

Bagi rakyat, peningkatan defisit fiskal boleh memberi kesan langsung terhadap kos sara hidup rakyat. Ketika kerajaan terpaksa mengurangkan subsidi, menaikkan cukai atau memperkenalkan langkah penjimatan, rakyat mungkin perlu menanggung perbelanjaan yang lebih tinggi untuk keperluan asas seperti kesihatan, pendidikan dan utiliti.

Selain itu, ketidakmampuan kerajaan mengawal defisit fiskal boleh juga menyebabkan nilai mata wang melemah sekali gus mempertingkatkan harga barangan import dan menekan kuasa beli rakyat.

Dalam keadaan fiskal yang mencabar, persoalannya kini apakah rancangan kerajaan untuk memastikan pinjaman ini tidak menjadi beban kepada negara? Bagaimanakah kerajaan merancang untuk mendapatkan pulangan daripada pinjaman ini? Dan apa mekanisme yang akan digunakan bagi memastikan wang rakyat tidak disia-siakan. Jika ACB terus mengalami defisit, apakah langkah seterusnya yang akan diambil oleh kerajaan bagi mengurangkan kesan terhadap ekonomi dan rakyat?.

Datuk Yang di-Pertua,...

Timbalan Yang di-Pertua: Bagi peluang berapa lama lagi?

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Saya ada dua isu lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Dua isu okey lah, saya beri 4 minit.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Terima kasih, Datuk Yang di-Pertua.

Ini berkaitan dengan e-Invois. Kerajaan memperkenalkan e-Invois sebagai satu langkah bagi meningkatkan pemantauan cukai dan mengurangkan ketirisan hasil negara. Namun pelaksanaannya yang tergesa-gesa- saya merasakan ia agak tergesa-gesa. Ini menimbulkan kebimbangan terutama dalam kalangan peniaga-peniaga kecil yang kini berdepan kos tambahan untuk perisian latihan dan penyelenggaraan selain risiko penalti jika gagal mematuhi syarat.

Beban ini lebih dirasai oleh perniagaan luar bandar yang kurang akses kepada teknologi serta peniaga bermusim yang hanya beroperasi dalam tempoh singkat. Jika tidak ditangani dengan baik, kesan sampingannya termasuk kenaikan kos operasi, harga barangan yang lebih tinggi serta tekanan terhadap para pengguna.

Kerajaan perlu menjelaskan impak e-Invois terhadap kutipan hasil cukai dan anggaran sebenar pendapatan tambahan yang boleh diperolehi. Apakah jumlah ini cukup besar untuk mengimbangi potensi kesan negatif terhadap sektor perniagaan kecil dan daya beli rakyat?

Selain itu, adakah kerajaan bersedia mempertimbangkan peningkatan nilai ambang e-Invois daripada RM150,000 kepada RM500,000 setahun kerana had semasa jelas membebankan peniaga kecil? Pengecualian juga wajar diperluaskan dan dipertimbangkan kepada peniaga bermusim dan dalam talian bagi memastikan pelaksanaan lebih adil, mesra perniagaan dan tidak menjejaskan pertumbuhan ekonomi domestik.

Itu sahaja yang sempat saya utarakan Datuk Speaker. Terima kasih kerana telah memberikan sedikit lebih masa kepada saya untuk membahaskan rang undang-undang. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Dato' Salehuddin.

Sekarang saya jemput Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan.

12.13 tgh.

Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan: Terima kasih, Datuk Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim*. Meskipun pada dasarnya kita memahami keperluan untuk mengadakan tambahan ataupun perbelanjaan mengurus tambahan pada setiap tahun, tapi saya kira ada beberapa isu yang perlu sama-sama kita renung dan kita fikirkan.

Saya *insya-Allah*, Datuk Yang di-Pertua- akan menjuruskan perhatian kepada isu-isu tertentu. Sebahagiannya merupakan satu penegasan semula yang saya perhatikan kadangkala masih mendapat kurang perhatian kepada pihak kerajaan khususnya dalam kementerian-kementerian tertentu.

Pertama berkaitan dengan Kementerian Pendidikan. Saya memberikan sokongan dan dukungan padu terhadap tambahan peruntukan kerana ini adalah kementerian yang paling penting dalam konteks membina modal insan, membina generasi muda menjadi warganegara yang berkemahiran tinggi, yang mempunyai ilmu dan mempunyai kewibawaan dalam mentadbir dan mengurus negara pada satu waktu akan datang.

Pertama berkaitan dengan soal keperluan terus ditingkatkan usaha untuk memperkaya khazanah ilmu negara. Ini satu aset penting, apabila ilmu negara tidak diberikan perhatian kita memiliki warganegara yang tidak cukup ilmu. Saya sering memetik keperluan kita memenuhi ketetapan UNESCO iaitu untuk mencapai tahap negara maju perlu ada jumlah terbitan tahunan 0.01 peratus bernisbahkan jumlah penduduk. Jadi andai kata, sekarang penduduk kita sekitar 34,000 begitu.

Maka setiap tahun perlu ada 34,000 judul baharu. Ini memang jumlah yang cukup mencabar tetapi perlu diusahakan kalau kita nak meningkatkan negara kita menjadi negara

maju dalam konteks ilmu dan pendidikan. Ini tampaknya belum tercapai kerana daripada jumlah yang dilaporkan oleh Perpustakaan Negara Malaysia, karya-karya yang telah dikatalogkan itu sekitar 25,000 hingga 30,000, jauh daripada sasaran. Ini adalah agenda negara yang perlu sangat diambil perhatian.

Kita mengimpikan kewujudan model seperti Baitul Hikmah pada Zaman Abbasiyyah yang pada zaman itu telah cukup cemerlang dalam ilmu-ilmu tanzil, ilmu-ilmu yang dicari maknanya ilmu fardu ain dan ilmu kifayah secara seimbang, secara bersepadu, tapi tampaknya kita masih menghadapi krisis bahan ilmu yang kadangkala mungkin tak dapat dilihat oleh masyarakat biasa, tetapi sebagai pemimpin negara, golongan ilmuan kita harus melihat ini sebagai suatu krisis yang perlu diatasi.

Maka itu, gerakan dan perancangan rapi untuk terus meningkatkan jumlah penerbitan bercetak dan elektronik, apatah lagi elektronik dan digital, itu satu keperluan yang sangat mendesak. Ini memerlukan perancangan yang sangat rapi.

Saya berkali-kali mengusulkan diadakan satu program penerbitan berpakej yang berkaitan merentas golongan iaitu semua anggota masyarakat perlu mendapat ilmu. Jangan kita menunggu orang masuk ke pusat pengajian tinggi baharu mendapat ilmu. Sebagai contoh, Al-Ghazali tak perlu difahami atau dikenal hanya sudah menjadi mahasiswa. Masih ada karya-karya yang dapat diturunkan darjat penyampaianannya agar generasi muda, sekolah rendah, menengah sudah mengenal tokoh-tokoh, sosok-sosok ilmuan sedunia, baik yang Barat yang Islam mahupun yang lain-lain. Ini saya kira suatu kekurangan dalam tradisi ilmu di negara kita.

Yang terjadi dalam soal itu maka latihan-latihan penulisan sangat perlu ditekankan kerana kita banyak mempunyai ilmuan. Guru-guru di sekolah sendiri, baik yang berijazah, bahkan sudah banyak yang mempunyai sarjana dan PhD., tetapi bagaimanakah tenaga ini dapat dimanfaatkan untuk melaksanakan kerja-kerja mengisi ilmu? Mereka digerakkan menulis dan perlu ada satu skim insentif kepada kementerian untuk membina kumpulan-kumpulan penulis daripada kalangan pendidik yang meliputi seluruh mata pelajaran seluruh subjek yang diajarkan di peringkat sekolah.

Berkaitan dengan itu, Datuk Yang di-Pertua, peranan juga kerajaan melalui Kementerian pendidikan dan Kementerian Kewangan adalah pada hemat saya perlu terus menambah suntikan kepada dana penggerak Industri Buku Negara yang diminta Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai agensi kerajaan yang melaksanakannya.

Dana ini ternyata sangat berkesan kerana dapat membantu penerbit-penerbit kecil termasuk penulis-penulis yang menjadi penerbit yang berdaftar dan ini adalah satu insentif yang sangat penting. Kita tidak perlu menunggu penerbit-penerbit gergasi untuk menerbitkan karya-karya ilmu. Biarlah penerbit-penerbit kecil dibantu untuk menerbitkan karya-karya ilmu

dan juga karya-karya kreatif. Jadi saya menyeru supaya dana untuk penggalak Industri Buku Negara ini ditingkatkan dari waktu ke waktu.

Berkaitan dengan itu juga, bagi menggalakkan penulis berkarya, saya menyarankan agar cukai royalti itu dihapuskan kerana setakat ini negara belum ada penulis yang kaya apatah kaya-raya hanya kerana menjadi penulis. Jadi janganlah dibebani karyawan kita, karyawan ilmu kita dengan cukai pendapatan- maaf, cukai- hanya kerana mereka itu berkarya. Saya kira ini perkara yang baharu yang mungkin perlu diimbangkan oleh kerajaan.

Satu perkara lagi yang saya kira juga perlu diberikan perhatian oleh kementerian adalah soal meningkatkan profesionalisme para pendidik kita dengan bukan sahaja memberikan ruang untuk mereka itu mengikuti pengajian lanjut peringkat Sarjana- *Master* dan kedoktoran atau PhD. tapi juga yang lebih penting ialah kursus-kursus dalam perkhidmatan- *in-service courses* yang ternyata sangat perlu dirancang dengan lebih rapi.

■1220

Saya faham itu telah wujud, tetapi kita perlu memastikan agar pendidik kita tidak berkarat dan tidak jumud ilmunya, kemahirannya kerana tidak diberi peluang atau tak dibawa ke arah memperoleh latihan-latihan profesional dalam bidang tertentu atau dalam kebangkitan sekarang, teknologi tinggi. Kecerdasan buatan (AI) dan sebagainya.

Datuk Yang di-Pertua, saya berpindah ke Kementerian Pendidikan Tinggi. Pertama, tentang soal geran penyelidikan. Hingga kini keluhan kesah ilmunan ataupun ahli akademik untuk mendapat geran penyelidikan ini masih ternyata menjadi satu isu besar apatah lagi dalam bidang-bidang yang berkaitan dengan sains sosial dan sains kemanusiaan. Ini menjadi satu fenomena yang sebetulnya membarah di IPT, tetapi seakan-akan masih kurang diberi perhatian. Jadi, saya berharap bahawa dengan peningkatan atau peruntukan tambahan, pengurusan dan sebagainya ini maka dapat ditimbangkan untuk ditingkatkan jumlah geran bagi penyelidikan khasnya dalam bidang sains sosial dan kemanusiaan.

Demikian juga yang kedua, berkaitan dengan soal mengangkat ilmu watan. Berkali-kali saya tegaskan keperluan kita mengangkat ilmu watan. Saya hendak merujuk kepada siri buku hasil penyelidikan Prof Emeritus Dr. Shaharir Mohamad Zain yang telah menghasilkan kajian yang cukup autentik, menunjukkan bahawa setakat yang telah dikaji sekarang ini ada tujuh bidang ilmu watan kita yang mendahului ilmu dari barat. Ini telah pun dibukukan dan buku itu baru-baru ini memenangi hadiah dalam Anugerah Buku Negara. Ia ertinya banyak ilmu watan boleh diangkat bukan sekadar untuk nostalgia, tetapi bagi menjadikan negara kita ini ada sumbangan dalam proses globalisasi.

Apa ilmu kita sumbangkan kepada dunia, kalau hanya kita mengambil ilmu dari barat? Tidak salah ilmu dari Barat, tapi biarlah kita juga berusaha mengangkat ilmu watan kita yang sebetulnya banyak terdapat dalam pelbagai karya lama dalam manuskrip Melayu lama yang

sudah banyak kali juga saya singgung supaya dijadikan agenda negara. Berkaitan dengan itu ialah keperluan insentif- satu lagi Datuk Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh, boleh.

Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan: ...Insentif kepada ilmuan ini supaya berkarya seperti juga tadi pendidik di sekolah. Sekarang kita dapati ilmuan lebih banyak tertumpu kepada penulisan jurnal-jurnal yang dikatakan berimpak tinggi- Scopus, ISI, WoS, tetapi karya ilmu yang merakyat, itu masih ternyata kurang dan kita sudah melakukan satu diskriminasi sehingga masyarakat awam tidak ataupun kurang mendapat ilmu. Oleh sebab itu, perlu ada insentif bagi ilmuan ini menulis, tapi ilmuan juga sebahagiannya terbantut hasrat nak menulis kerana kekurangan biaya dalam soal penerbitan.

Sudah menjadi perkara lumrah bagi ahli akademik terpaksa membawa sebagai contoh RM10,000 kepada penerbit universiti untuk karyanya diterbitkan. Ini bukan perkara omongan, bukan omongan kosong, tapi realiti kerana kekurangan dana penerbitan di IPT. Jadi, KPT harus meletakkan ini sebagai satu isu penting. Kalau tidak, bagaimana ilmuan terpaksa membawa manuskrip- sekali bawa RM10,000 sebagai contoh untuk memastikan ia terbit, ini tidak adil seperti kata pelakon dalam filem apa itu, "*Ini tidak adil*" Abdul Wahab, Abdul Wahid dan Abdul Wahub.

Datuk Yang di-Pertua, iaitu kira-kira isu yang ingin saya timbulkan dalam soal ini agar diberi perhatian bukan saja soal-soal mekanikalnya, tetapi soal-soal membina ilmu, membina watak-watak penting dalam negara kita agar mendapat menjadi penyambung generasi yang membina tamadun. Dengan demikian, saya mengakhiri perbincangan saya dan dengan ini, saya mohon menyokong rang undang-undang berkenaan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Dr. Awang tadi, satu isu yang menarik, isu mengenai tinggalan penulisan nanti. Kalau karyawan tersebut terpaksa bayar pakai duit sendiri untuk nak terbitkan karya dia di IPT. Saya pun tak terfikir hal itu. Terima kasih.

Sekarang saya jemput Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof.

12.25 tgh.

Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof: Terima kasih kepada Tuan Speaker. Saya ingin berbincang belanjawan tambahan ini dengan melihat kepada beberapa aspek penting. Pertama sebelum itu, bagi kita memahami apa yang tersirat di sebalik Bajet 2024 yang lalu adalah kita kena memahami terlebih dahulu apakah dia sebenarnya kerangka Ekonomi MADANI yang diperkenalkan oleh kerajaan hari ini. Saya kira itu sangat penting untuk kita menjawab berbagai-bagai persoalan yang ditimbulkan dalam bajet ataupun belanjawan pengurusan tambahan ini.

Jadi saya nak mulakan dulu bagi kita memahami kerangka Ekonomi MADANI ialah kita melihat ada dua bentuk pendekatan strategi. Satu adalah memperkenalkan dasar-dasar yang progresif. Progresif bermakna untuk menambahkan lagi pulangan kantung negara supaya boleh dibalikkan ataupun dikembalikan kepada rakyat, kita mengambil pendekatan-pendekatan progresif dan bukan regresif. Makna regresif, kita terpaksa ambil cukai lebih tinggi, kita terpaksa memperkenalkan rejim cukai yang baharu dan ini mungkin menimbulkan pelbagai masalah dari sudut infrastruktur dan persediaan.

Adapun kalau kita memperkenalkan strategi yang progresif, itu bermakna kita cuba melihat apakah perbelanjaan-perbelanjaan yang tidak efektif yang dengan itu telah mengambil kos yang tinggi kepada kerajaan. Maka, salah satu yang diperkenalkan oleh Ekonomi MADANI ini adalah penyasaran subsidi. Saya kira itu isu besar kenapa perbelanjaan tambahan ini diminta oleh pihak kerajaan. Kerana dalam perbelanjaan- di dalam penyasaran subsidi sebagai satu daripada dasar yang progresif, kita dalam Bajet 2024 dianggarkan untuk jimat RM11.5 bilion, tapi mungkin dalam nak capai RM11.5 bilion itu, ada sikit *glitch* ataupun ada sikit *hiccup*. Mungkin antaranya ialah penyasaran asal yang kita perlu capai. Saya bagi contohlah kalau di sini saya tengok ya.

Dianggarkan apa yang dinamakan sebagai penjajaran semula subsidi elektrik dianggarkan penjimatan RM8 bilion. Nanti mungkin Menteri boleh jawablah, adakah tercapai atau tidak sebab ini yang memberi kesan kepada perbelanjaan yang diminta tambah hari ini dekat kita ni. Kedua ialah penyasaran subsidi diesel Tuan Speaker, yang dijangka untuk dijimatkan ialah RM7.4 bilion-RM7.2 bilion. Begitu juga penjimatan subsidi ayam. Ramai yang tak tahu sebulan kerajaan jimat RM100 juta, RM1.2 bilion untuk setahun. Jadi, melalui anggaran itu maka kita dapat RM11.5 bilion yang dianggarkan untuk kita capai, di mana dalam anggaran itu sudah tentulah kita nak lihat di dalam Dewan ini kita nak tanya kepada Menteri sejauh mana tercapai.

Satu lagi ialah saya rasa ada satu yang penjadualan subsidi itu agak tersasar sikit iaitu ataupun tak dapat dilaksanakan lagi iaitu subsidi RON95. Ia telah diisytiharkan sebelum ini, tetapi pelaksanaannya belum lagi berjalan dan di situ sahaja Tuan Speaker, kalau kita melihat anggaran penjimatan RON95 ialah nilai dia lebih kurang RM4.1 bilion. Jadi, apakah kerana penjadualan yang kita tertangguh untuk capai hasrat RON95 ini juga menyebabkan anggaran perbelanjaan kita yang asal itu lari daripada sasaran dia?

Sebab itu Tuan Speaker, saya ingin jelaskan di sini dasar progresif sebagai satu strategi pendekatan untuk kewangan negara ini tidak mudah, tidak mudah kerana ia melibatkan soal penerimaan rakyat yang terpaksa menerima kenyataan bahawa hari ini bukan lagi subsidi secara total tetapi subsidi yang secara bersasar.

Walaupun kita tahu ada pihak-pihak tertentu ambil kesempatan dasar progresif yang diperkenalkan ini untuk jadikan dia bahan politik seperti menyatakan ini akan merugikan rakyat dan sebagainya sedangkan kefahaman kita kepada model Ekonomi MADANI ialah kita hendak bela orang yang memerlukan. Orang yang sudah ada keupayaan, kenapakah mereka perlu subsidi lagi? Saya duduk di dalam Dewan sebelah sanalah dengan Datuk Speaker ya 15 tahun, Dr. Hatta pun ada sama, berapa kali kita bercakap dah Dr. Hatta, Yang Berhormat, sasarkan subsidi dan waktu itu kami duduk kira-kira dah capai penjimatan RM10 bilion.

Tapi apa yang membezakan dahulu dengan hari ini? Keazaman politik. Itu yang paling penting dalam kita memperkenalkan dasar progresif dan kita tahu dasar progresif bukan semua orang suka sebab itu dasar progresif dia tak *famous* sebab ada pihak-pihak yang akan terkesan. Lebih buruk dalam politik tanah air ini ialah ada pihak yang mengambil kesempatan untuk menimbulkan kemarahan-kemarahan sedangkan dia tidak tahu bahawa cara yang progresif ini hakikatnya adalah untuk membela orang-orang yang tertindas.

Jadi, adakah kita menyatakan kita sokong hendak bela orang yang dah maha kaya itu tiba-tiba kita hendak bagi dia lagi subsidi? "*Mana aci*" orang Utara kata. Termasuklah ketirisan, subsidi yang diberi disalahgunakan. Termasuklah juga warga asing lebih kurang dalam 3.5 juta yang mereka tak bayar apa pun mereka dapat nikmat ya. Jadi, soal-soal ini semua perlu kita fahami dalam konteks kerangka Ekonomi MADANI, di mana hala tujunya. Ini yang kita namakan sebagai ekonomi ataupun pendekatan yang bersifat progresif.

Saya balik kepada satu lagi pendekatan iaitu apa yang disebut dalam ucapan bajet oleh Perdana Menteri sebelum pada ini iaitu *fiscal consolidation* ataupun konsolidasi fiskal. Itu dia, dasar progresif satu hal tapi *fiscal consolidation* juga sangat-sangat penting. Kita faham sahabat-sahabat, apa Yang Berhormat Senator mempertikaikan ataupun melahirkan rasa bimbang bagaimana keadaan hutang negara, bagaimana defisit. Itu semua memberi kesan kepada bajet secara yang lebih makro.

Jadi, untuk kita melihat pendekatan secara efektif dalam *fiscal consolidation* ini ialah ada dua orang- kata strategi yang penting.

Pertama ialah kita kena mengurangkan defisit dan pengurangan defisit ini boleh dilihat di dalam berbagai-bagai pendekatan secara kerajaan lebih berjimat dalam perbelanjaan, kerajaan lebih berjimat dalam dia punya *spending* contohnya. Itu sebahagian daripada pembangunan defisit, tapi kita tak boleh elak juga pada waktu yang sama kita ada masalah yang kita kena apa orang kata selamatkan perkara yang prioriti, perkara yang utama. Kalau kita tak buat dia akan bagi kesan khususnya kepada sektor yang sangat strategik kepada negara.

Jadi, membuat keputusan Tuan Speaker, untuk kita hendak kurangkan defisit, pada waktu yang sama kita terpaksa hadapi masalah-masalah yang ada di depan ini memang

bukan mudah, sangat-sangat sukar, tapi apa pun terbukti keazaman Kerajaan MADANI hari ini iaitu kita semua hari ini atau di sini telah pun meluluskan satu akta yang dinamakan sebagai *Fiscal Responsibility Act* ataupun Akta Pertanggungjawaban Fiskal. Itulah roh dan semangat dia supaya kita hendak *keep the government on the toe*.

Antara sasarannya ialah pengurangan defisit tidak boleh lebih daripada tiga peratus berbanding dengan KDNK, *which is good*, tersangat baik. Maknanya kita mengambil pendekatan yang pelbagai dan juga kita tengok dari sudut pengurangan hutang, pengurangan hutang ini kita tidak boleh lebih daripada 60 peratus lebih daripada- berbanding dengan KDNK. Ini adalah *fiscal consolidation* yang perlu kita tengok untuk kita memastikan pertanggungjawaban perbelanjaan negara itu sangat-sangat telus dan dia akan dipersoalkan di dalam Dewan ini.

Cuma saya ada satu persoalan yang saya hendak tanya kepada Menteri yang ada pada hari ini. Terima kasih kerana sudi mendengar ucapan saya ini- iaitu bilakah kerajaan yang sebelum ini kami mendengar di Dewan akan memperkenalkan apa dinamakan *Government Procurement Act* (GPA) saya tak tahu dalam Bahasa Malaysia apa. *Government Procurement Act*, Akta *Procurement*- perbelanjaan ya..?

Beberapa Ahli: Perolehan.

Timbalan Yang di-Pertua: Perolehan.

Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof: Perolehan, Akta Perolehan Kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua: [Ketawa]

Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof: Sampai lupa bahasa Melayu.

Timbalan Yang di-Pertua: Dah biasa dengan bahasa Inggeris... [Ketawa]

Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof: [Ketawa] Tak keluar bahasa Arab lagi.

Datuk Speaker, ini sangat bagus sebab di situ juga akan ada satu tanggungjawab kepada perolehan kerana perolehan ini adalah antara yang perbelanjaan yang agak besar yang ditanggung oleh kerajaan dan mungkin berlaku di sana juga kasus-kasus tertentu yang contoh ada projek yang berprofil tinggi, projek yang mungkin memerlukan pihak tertentu sahaja yang boleh melaksanakan benda itu.

Maka ketelusan *procurement* itu mesti diceritakan kepada rakyat dan mesti dipertanggungjawabkan di dalam Dewan ini sebab tadi fiskal *consolidation*. Sejauh mana fiskal *consolidation* ini boleh tercapai dengan ketelusan bahawa perbelanjaan perolehan kerajaan itu tidak berlaku ketirisan.

Jadi, dua strategi ini ya adalah merupakan strategi Ekonomi MADANI, kerangka Ekonomi MADANI. Pada waktu yang sama, dasar-dasar progresif diperkenalkan termasuklah kita pada waktu yang sama tahu kesan-kesannya kepada rakyat maka adanya di sana penyelarasan gaji perkhidmatan awam supaya ditingkatkan perbelanjaan untuk mereka

berbelanja lebih daripada apa yang sedia mereka belanja supaya kitaran ekonomi lokal itu berjalan termasuk juga gaji progresif untuk swasta.

Semua ini adalah satu langkah yang bagi saya menyelesaikan masalah yang ada di hadapan tetapi pada waktu yang sama melihat bagaimana masa hadapan dengan ekonomi-ekonomi baru yang diperkenalkan. Nanti esok kita akan bincang pemerangkapan karbon dioksida sebagai satu sumber ekonomi yang baru, *solar energy* ataupun *energy* boleh diperbaharui. Ini semua jika kita faham kerangka Ekonomi MADANI barulah kita boleh melihat secara mana kerajaan hari ini mereka bergerak dan kita juga mengkritik di atas kerangka itu supaya kita dapat memastikan kerangka ini benar-benar dapat dilaksanakan.

Soalan akhir yang saya hendak ajukan kepada pihak kerajaan, Menteri ialah kalau kita akan menuju kepada subsidi RON penyasaran RON95 ya yang kita dianggarkan boleh selamat RM4.1 bilion itu, jawapan ini belum ada lagi secara tuntas Tuan Speaker iaitu mekanismenya bagaimana. Adakah sama dengan diesel? Contoh diesel kita hadkan harga dia, harga pasaran kemudian kita kenal pasti yang dikatakan *card fleet* itu siapa yang layak dapat dan kemudian kita bagi apa lagi satu lagi nama dia saya pun tak ingat dah yang untuk mereka yang memerlukan itu ya SejaTi kah apa tak ingat.

Kita bagi kat dia pula dengan itu dia akan masuk dalam dia punya- Budi MADANI, Budi MADANI. Dia banyak sangat MADANI, SejaTi MADANI, Budi MADANI, itu MADANI, ini MADANI. Jadi, saya hendak tanya adakah sama pendekatan dia? So, ada *mechanism* tertentu dekat pam itu kah atau *mechanism* tertentu ada kad tertentu kah hingga hari ini kami-semua belum ada jawapan. Jadi, saya harap pihak kerajaan apabila mereka memperkenalkan sesuatu dasar yang sangat progresif ini hendaklah juga mereka meyakinkan rakyat bagaimana mekanisme dia supaya tak timbullah suara kiri, kanan yang kata macam-macam biar jelas komunikasi dia dengan rakyat.

Saya hendak ulangi sememangnya dasar progresif bukan sesuatu yang popular tapi kita tidak ada pilihan dan kita minta rakyat faham semua ini dilakukan untuk dikembalikan penjimatan itu semua kepada Sumbangan Tunai Rahmah daripada RM8 bilion dan naik RM10 bilion.

■1240

Kita bagi lagi apa ini Sumbangan Rahmah lagi. Lepas itu Jualan Rahmah, kita bagi dengan harga yang rendah. Semua ini perlu duit. Duit itu kita tidak ambil daripada pihak lain tetapi kita menggunakan pendekatan dasar-dasar progresif. Sekian dahulu. Terima kasih Tuan Speaker. Mohon pencerahan daripada pihak Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih YB Datuk Mujahid. Saya amat tertarik tadi bukan sahaja penjimatan daripada segi perbelanjaan kerajaan tetapi mengikut laporan yang saya baca pada hari ini ANGKASA pun dah beri amaran kepada ahli-ahlinya supaya tidak

mengambil pinjaman melebihi daripada kemampuan untuk membayar balik semata-mata kerana perbelanjaan menjelang Hari Raya ini. Jadi ada dua aspek itu yang kerajaan juga perlu melihat, tanggungjawab kerajaan dan juga tanggungjawab rakyat itu sendiri supaya berbelanja secara berhemah. Jadi menarik tadi ucapan YB tadi sebab itu saya bagi masa tambahan. Sekarang ini jemput Dato' Ahmad bin Ibrahim.

12.41 tgh.

Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum.* Salam sejahtera, salam Malaysia MADANI. Segulai sejalai dan Salam Ramadan.

*Bunga tanjung gugur berseri,
Jatuh di taman dipatuk burung;
Belanjawan digubal demi negeri,
Adillah hingga ke pucak gunung.*

Tuan Yang di-Pertua, ini bukan tambahan yang kecil. Ia merupakan pelaburan berskala besar untuk memastikan kelangsungan pelaksanaan dasar kesinambungan pentadbiran dan perolehan ekonomi negara yang sedang berdepan dengan cabaran pelbagai dimensi.

Datuk Yang di-Pertua, kita tidak boleh membincangkan RUU ini dalam ruang kedap tanpa memahami realiti ekonomi global dan ketidaktentuan yang sedang membelenggu dunia. Ekonomi global masih berada dalam fasa pemulihan Pasca Pandemik COVID-19, namun pemulihan ini bersifat tidak sekata. Rantauan bekalan global masih terganggu, kos pengeluaran meningkat dan negara membangun terus berdepan tekanan pasaran luar. Di samping itu, kita juga menyaksikan konflik geopolitik berpanjangan khususnya peperangan di Ukraine yang terus mengganggu kestabilan bekalan tenaga dan makanan dunia apatah lagi kesan langsung pada Malaysia, tekanan inflasi, peningkatan kos import dan ketidakstabilan pasaran komoditi.

Datuk Yang di-Pertua, namun lebih membimbangkan adalah krisis kemanusiaan yang sedang berlaku di Gaza. Kekejaman yang tidak berperikemanusiaan terhadap rakyat Palestin bukan hanya menyayat hati umat Islam dan pencinta keadilan sejagat tetapi turut mengheret rantau Timur Tengah ke dalam ketidaktentuan politik dan ekonomi. Malaysia sebagai negara Islam dan anggota OIC mesti terus lantang memperjuangkan keadilan untuk rakyat Palestin. Dalam masa yang sama kita juga perlu bersedia menghadapi kesan sampingan ekonomi kerana Timur Tengah merupakan antara sumber tenaga dan rakan dagang strategik negara kita.

Datuk Yang di-Pertua, kesan dari dasar mandatori agresif di negara maju khususnya Amerika Syarikat, turut dirasai kita. Kadar faedah tinggi yang ditetapkan oleh *US Federal Reserve* telah mendorong aliran keluar modal dan pasaran negara membangun termasuk kita. Nilai Ringgit terus berdepan tekanan yang bukan kecil, ini menuntut tindakan fiskal bersifat *agile* dan berstrategi. Maka, RUU ini bukan sahaja untuk menampung kekurangan perbelanjaan terdahulu, tetapi sebagai suntikan fiskal yang penting untuk menstabilkan dan mengimbangi semula kedudukan ekonomi negara dalam jangka masa pendek dan sederhana.

Datuk Yang di-Pertua, landskap politik dunia juga berada dalam keadaan tidak menentu. Amerika Syarikat kini sebagai kuasa besar ekonomi dunia, semakin sukar diramal. Dasar luar negara tersebut kelihatan bercanggah terutama dalam isu takrif perdagangan dan perjanjian pelaburan. Salah satu implikasi besar kepada Malaysia adalah dalam sektor semikonduktor. Apabila negara kita diletakkan dalam kategori *Tier 2* oleh Amerika Syarikat, ini bukan hanya satu penarafan teknikal yang mempunyai implikasi besar terhadap kedudukan Malaysia dalam rantai bekalan global, pelaburan teknologi tinggi dan keupayaan inovasi negara.

Kerajaan perlu bertindak pantas dan tegas untuk memastikan industri semikonduktor tempatan tidak terpinggir. Lebih penting lagi pembangunan teknologi tinggi ini mestilah dilaksanakan secara inklusif. Wilayah Malaysia Timur seperti Sarawak dan Sabah harus diberi tempat dalam Pelan Transformasi Digital Nasional agar tidak terus dilihat sebagai *periphery* wilayah yang kurang maju.

Datuk Yang di-Pertua, peruntukan tambahan ini mencerminkan keperluan mendesak dalam beberapa sektor utama kesihatan, pendidikan, keselamatan dan infrastruktur. Namun, kita tidak boleh hanya memandang kepada angka, kita perlu melihat akauntabiliti, ketelusan dan keberkesanan perbelanjaan ini. Setiap tahun kita membaca Laporan Ketua Audit Negara yang mendedahkan kelemahan pengurusan kewangan, kelewatan projek dan ketirisan yang berulang. Kita tidak boleh lagi menormalisasikan kecuaiannya ini. Saya menggesa kerajaan untuk menyediakan satu laporan penggunaan terperinci bagi peruntukan tambahan ini termasuk mekanisme pemantauan bebas yang membolehkan Parlimen dan rakyat menilai keberkesanan setiap perbelanjaan.

Datuk Yang di-Pertua, kita melihat sejumlah besar peruntukan ini termasuk RM12.62 bilion disalurkan kepada perkhidmatan am perbandaran menunjukkan tumpuan kerajaan kepada pemantapan kedudukan fiskal dan pembayaran komitmen utama negara. Saya menyokong langkah ini tetapi menekankan sekali lagi bahawa pengurusan kewangan awam mesti dilakukan secara berhemah dan telus.

Begitu juga dengan peruntukan RM1.08 bilion kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup yang amat penting untuk menstabilkan harga barang keperluan asas. Ini adalah langkah tepat dalam menangani keresahan rakyat akibat kenaikan kos sara hidup yang semakin menghimpit. Saya juga ingin menyambut baik peruntukan tambahan kepada Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pendidikan Tinggi kerana pelaburan dalam pendidikan adalah pelaburan jangka panjang negara, kita tidak boleh biarkan tekanan fiskal mengorbankan masa hadapan anak-anak kita.

Datuk Yang di-Pertua, saya juga ingin menegaskan bahawa RUU ini harus menjadi alat strategik bukan hanya bersifat penampung kebocoran. Setiap suntikan fiskal mestilah berimpak tinggi, menyumbang kepada produktiviti dan memperkukuhkan daya tahan ekonomi negara. Dalam masa yang sama, saya menggesa kerajaan untuk mengutamakan projek pembangunan yang menjana pekerjaan berkualiti bukan sekadar projek fizikal tanpa kesinambungan ekonomi. Kedua, memberi tumpuan kepada wilayah terpinggir seperti Malaysia Borneo agar jurang pembangunan dapat dirapatkan dengan lebih tuntas. Ketiga, mengukuhkan keupayaan pemantauan kementerian dan agensi pelaksanaan supaya peruntukan tidak disia-siakan oleh kelemahan tadbir urus.

Datuk Yang di-Pertua, kita sedang berada dalam satu era yang memerlukan keberanian membuat keputusan. Rakyat menilai kita bukan sekadar melalui janji tetapi melalui kesungguhan dan keikhlasan dalam melaksanakan amanah. Saya menyokong penuh RUU ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Dato' Ahmad. Sekarang saya menjemput Puan Anna Bell binti Perian.

■1250

Puan Anna Bell @ Suzieana binti Perian: Terima kasih, Datuk Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh*, salam Malaysia MADANI, salam Sabah Maju Jaya. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan penghargaan kepada pihak kerajaan kerana telah membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2024) 2025 yang amat penting bagi memastikan kelangsungan perbelanjaan kerajaan dalam menghadapi keperluan mendesak yang tidak dapat dielakkan.

Seperti yang kita sedia maklum, perbekalan tambahan merupakan suatu perkara yang normal dalam sesebuah kerajaan yang dinamik. Ia adalah sebahagian daripada proses pentadbiran fiskal negara yang perlu diberi perhatian bagi menangani cabaran perbelanjaan luar jangka yang dihadapi oleh kementerian-kementerian yang terlibat. Keperluan untuk meluluskan perbekalan tambahan bukanlah suatu yang luar biasa kerana dalam realiti pentadbiran negara, keadaan politik, ekonomi dan sosial sering kali mengalami perubahan yang memerlukan kerajaan bertindak dengan lebih cepat dan fleksibel.

Perbelanjaan tambahan ini tidak bermakna kerajaan gagal dalam merancang belanjawan asal. Sebaliknya, ia merupakan satu mekanisme bagi menyesuaikan peruntukan kewangan negara dengan keperluan semasa yang mendesak. Oleh itu, rang undang-undang ini bukan sahaja perlu diterima, malah disokong dengan penuh tanggungjawab agar kepentingan negara dan kebajikan rakyat terus dipelihara.

Datuk Yang di-Pertua, salah satu faktor yang mendorong kepada keperluan perbekalan tambahan adalah dinamika dasar antarabangsa yang sering berubah-ubah. Dalam konteks ekonomi global, perubahan harga komoditi, ketidaktentuan geopolitik serta perkembangan teknologi moden telah memberi kesan langsung kepada perbelanjaan negara. Misalnya, kenaikan harga minyak dunia akibat konflik geopolitik telah meningkatkan kos subsidi bahan api yang ditanggung oleh kerajaan. Keadaan ini menyebabkan kerajaan perlu membuat peruntukan tambahan bagi memastikan harga barang api kekal stabil dan tidak membebankan rakyat.

Selain itu, kesan perubahan iklim dan bencana alam juga boleh menjejaskan perancangan kewangan kerajaan. Tahun demi tahun kita menyaksikan peningkatan bencana alam seperti kejadian banjir besar yang memerlukan peruntukan tambahan bagi tujuan pemulihan dan bantuan kecemasan. Ketidakstabilan ekonomi global yang berpunca daripada faktor luar seperti kenaikan kadar faedah oleh bank pusat utama dunia turut memberi tekanan kepada ekonomi negara dan menjejaskan hasil kerajaan. Oleh itu, perbekalan tambahan diperlukan sebagai langkah tindak balas bagi memastikan negara mampu menghadapi cabaran luar yang tidak dijangka.

Datuk Yang di-Pertua, saya ingin menzahirkan sokongan penuh terhadap perbelanjaan tambahan bagi tujuan subsidi dan kebajikan rakyat. Kita sedia maklum bahawa dalam situasi ekonomi yang begitu mencabar, kerajaan perlu memastikan rakyat terus mendapat bantuan dan perlindungan daripada desakan tekanan kos sara hidup yang semakin meningkat. Salah satu kementerian yang memerlukan peruntukan tambahan adalah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup yang memerlukan lebih RM1 bilion bagi menampung subsidi dan inisiatif lain untuk kepentingan rakyat.

Sebagai contoh, subsidi bagi barangan keperluan asas seperti minyak masak, gula dan tepung memerlukan tambahan peruntukan bagi memastikan harga barangan ini kekal stabil. Ini penting bagi mengelakkan inflasi yang boleh memberi kesan langsung kepada rakyat terutamanya kepada golongan B40 dan M40. Selain itu, subsidi bagi perkhidmatan asas seperti bekalan air dan elektrik juga memerlukan perhatian. Lebih-lebih lagi, penduduk di kawasan luar bandar yang masih bergantung kepada bantuan kerajaan.

Selain subsidi, inisiatif bantuan tunai kepada rakyat seperti Sumbangan Tunai Rahmah (STR) juga perlu diperkukuhkan dengan tambahan peruntukan agar lebih ramai

rakyat yang layak mendapat manfaat. Dengan kenaikan kos sara hidup yang ketara, kerajaan perlu memastikan bantuan ini bersifat inklusif dan mencukupi untuk meringankan beban kewangan rakyat. Oleh itu, saya menyeru agar perbekalan tambahan ini diluluskan dengan sebaiknya demi kesejahteraan rakyat Malaysia.

Datuk Yang di-Pertua, selain aspek kebajikan, saya ingin juga menyentuh mengenai kepentingan perbekalan tambahan bagi sektor pendidikan yang melibatkan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Pendidikan merupakan asas kepada pembangunan negara dan perbelanjaan dalam sektor ini tidak seharusnya dikompromikan. Salah satu keperluan utama dalam pendidikan ialah peningkatan kualiti infrastruktur sekolah dan institusi pengajian tinggi.

Kita tidak boleh menafikan bahawa masih banyak sekolah terutamanya di kawasan luar bandar yang memerlukan peruntukan tambahan untuk membaik pulih bangunan usang. Menyediakan kemudahan pembelajaran moden serta meningkatkan akses kepada teknologi digital dalam pendidikan. Dengan adanya peruntukan tambahan, usaha untuk mendigitalkan sistem pendidikan negara dapat dipercepatkan sekali gus memastikan pelajar di bandar mahupun di luar bandar mendapat akses pendidikan yang setara.

Selain itu, universiti awam juga memerlukan tambahan peruntukan bagi membiayai penyelidikan, pembangunan banyak- pembangunan program akademik yang lebih kompetitif serta kebajikan pelajar. Penambahan dana kepada universiti membolehkan institusi pengajian tinggi negara mampu bersaing di peringkat global dan menarik lebih ramai pelajar serta tenaga akademik berkualiti ke negara ini.

Datuk Yang di-Pertua, saya ingin juga menegaskan bahawa kepentingan bantuan kewangan kepada para pelajar seperti biasiswa dan pinjaman pendidikan yang memerlukan tambahan peruntukan agar lebih ramai pelajar berpeluang melanjutkan pengajian tanpa menghadapi kekangan kewangan. Dalam era ekonomi yang semakin mencabar, kita tidak boleh membiarkan pelajar daripada keluarga yang kurang berkemampuan tercicir hanya kerana kesempitan kewangan. Oleh itu, saya menyokong penuh agar perbekalan tambahan bagi sektor pendidikan ini diluluskan demi masa depan anak bangsa kita.

Datuk Yang di-Pertua, Setelah meneliti keperluan-keperluan yang dibentangkan, saya dengan penuh tanggungjawab menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2024) 2025 ini. Perbekalan Tambahan ini bukan sekadar satu angka dalam belanjawan negara, tetapi ia membawa makna yang besar dalam memastikan kerajaan agar dapat terus menunaikan tanggungjawab kepada rakyat dengan lebih berkesan.

Perbelanjaan Tambahan ini merupakan salah satu langkah proaktif bagi memastikan kesejahteraan rakyat terus terpelihara, sektor ekonomi terus berkembang dan pendidikan negara terus diperkukuhkan. Ia juga membuktikan bahawa kerajaan sentiasa peka terhadap

cabaran semasa serta bersedia untuk bertindak dengan lebih pantas dalam memastikan keperluan negara dipenuhi. Maka dengan itu, saya menyeru agar semua Yang Berhormat di dalam Dewan ini memberikan sokongan penuh kepada rang undang-undang ini kerana pada akhirnya, ia adalah demi kepentingan rakyat dan pembangunan negara yang kita cintai.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, YB. Sekarang saya jemput Dato' Dr. Hatta.

12.58 tgh.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Terima kasih, Datuk Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullah*, salam sejahtera. Ini adalah anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan pertama bagi tahun 2024. Mudah-mudahan tak ada lagi tambahan-tambahan yang kedua atau yang ketiga tapi kalau perlu, maka seperti hari ini kita menyokong apa juga keperluan bagi membantu pentadbiran jentera kerajaan dan juga manfaat kepada rakyat.

Skim Penstabilan Harga Minyak Masak adalah kerana kita masih memberikan subsidi kepada harga minyak masak ini kepada rakyat dan harga subsidi ini ataupun subsidi yang diberi oleh kerajaan yang dinikmati oleh seluruh warga Malaysia dan juga warga asing. Jadi, saya rasa tiba masanya untuk kita melaksanakan apa yang kita kata bahawa subsidi ini adalah untuk rakyat kita. Untuk itu, saya mencadangkan Yang Berhormat Menteri supaya- ya, seperti yang telah disebut oleh kerajaan sendiri, kita memberikan bantuan tunai harga subsidi itu *direct* kepada penerima yang layak. Warga asing tak payah, T20 tak payahlah *kut* ya dan terus kepada poket rakyat.

■1300

Ertinya bila mereka membeli minyak masak, wang yang mereka gunakan itu mereka kena fikir dua kali. Mungkin untuk menjimatkan atau menyelamatkan wang, mereka akan kurang mengambil minyak. Ini juga satu perkara yang baik daripada segi kesihatan. Kalau tidak, setiap tahun kita akan menambah. Mungkin kali ini alasannya ialah harga *refine oil* ini meningkat ya, tetapi kita boleh terus melaksanakan subsidi *direct* kepada rakyat ini secepat mungkin.

Datin Hajah Ros Suryati binti Alang: Mohon mencelah, Speaker.

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh, boleh mencelah?

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Boleh.

Datin Hajah Ros Suryati binti Alang: Saya amat setuju apa yang dicadangkan oleh rakan saya Yang Berhormat Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta berkenaan dengan subsidi minyak, yang mana kita hari ini tengok banyak ketirisan, yang juga dikuasai oleh bukan lagi rakyat Malaysia yang sepatutnya menerima subsidi.

Saya setuju apa yang dicadangkan, di mana kita memberi imbuhan balik kepada rakyat yang layak menerima subsidi ini sebagai tunai *direct* kepada akaun mereka yang mana kerajaan juga telah ada senarai semua B40. Di mana, di kalangan-kalangan yang tak layak menerima subsidi maka tak dapatlah, mereka belilah harga biasa. Ini satu cadangan yang baik. Begitu juga terhadap gula dan barang-barang yang kita sediakan subsidi. Terima kasih, Yang Berhormat.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Ya. Ahli-ahli Senator tak payahlah terima subsidi harga minyak ini ya. Jimatkan guna minyak ya, Tan Sri.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai peruntukan tambahan untuk Kementerian Pendidikan yang khusus disebutkan di sini ialah untuk menampung bayaran kontrak kawalan keselamatan dan kebersihan di sekolah ya. Banyak itu. RM1.76 bilion ya.

Ada pandangan bahawa kontrak pembersihan ini diberikan buat masa inilah kepada – mengikut zon-zonlah ya. Diberi kepada kontraktor-kontraktor yang besar. Kontraktor ini pula akan subkan kontraknya kepada kontraktor-kontraktor kecil. Jadi, sudah tentulah di sana ada pemeringkatan keuntungan kepada berbagai-bagai pihak. Sama ada sistemnya masih berjalan atau tidak, saya minta penjelasan daripada kementerian. Kalau boleh ya, walaupun kerjanya mungkin sedikit rumit- bukan rumit, tetapi banyak kerja nak buat. Kalau diberikan kepada kontraktor-kontraktor kecil ini mengikut sekolah ya, supaya mereka dapat melaksanakan tugas itu dengan tidak memerlukan suatu *main con* yang mendapat untung atau laba daripada pemberian tersebut.

Ini kebersihan dan keselamatan. Ini boleh dilakukan oleh orang tempatan, orang kampung ya, oleh PIBG bersama-sama dengan masyarakat kampung, jawatankuasa kemajuan kampung (JKK) ataupun RELA jaga keselamatan... [*Dicelah*] Rukun Tetangga. Ini akan memberikan faedah kepada lokal dan tidak kepada syarikat-syarikat besar ya. Remeh, bukan remeh. Dia terlalu- apa terma ya? Susah sedikit ya, tetapi ia baik dan boleh membantu ekonomi penduduk tempatan ya. Kalau tidak, sentiasa kita akan mendapat tuntutan ini. Kalau sistem yang ada itu berjaya dengan menggunakan *main con*, saya tak nampak kita perlu membayar tambahan sampai RM1.7 bilion tersebut.

Jadi, sudi apalah kiranya dipertimbangkan cadangan ini dan memberikan tanggungjawab itu kepada penduduk tempatan, badan-badan persatuan yang saya yakin akan dapat melaksanakan kerjanya dengan juga profesional.

Kita juga berbelanja tambahan, Tuan Yang di-Pertua, untuk mengadakan PRK ya, pilihan raya kecil. Dalam ini, ada empat pilihan raya kecil yang terpaksa ditanggung. Empat ya. Tak banyak jumlahnya, tetapi masih boleh diselamatkan kalau tidak ada pilihan raya kecil. Kalau tak ada pilihan raya kecil ini, maksudnya tak ada yang meninggallah. Ini bukan kerja

kita, tetapi kalau kita memikirkan sedikit perubahan sistem- kita pernah dulu dalam sesi yang dulu, ada 16 kali pilihan raya kecil. Sudah tentu kosnya tinggi. Itu kos yang kita catatkan yang dibelanja oleh kerajaan. Bagaimanakah tentang parti-parti politik? Bagaimanakah tentang calon-calon berkempen? Wang yang digunakan untuk kempen pilihan raya kecil ini *massive*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, kalau kita boleh ubah sistem- kerana pilihan raya kita ini untuk lima tahun. Jadi, kalau lima tahun, dia meninggal *the first one year* ataupun tahun kedua ya, ganti pula. Pendek umur, meninggal pula, lagi pilihan raya untuk kawasan yang sama.

Apakah tidak boleh diubah sistem supaya mandat lima tahun itu yang diberikan kepada parti yang menang itu dilanjutkan oleh parti mewakilkan wakil dia? Ini kena ubah sistem. Mungkin wakil calon itu layak, letakkan ya. Kerana, bersusah payah menang pilihan raya itu, tiba-tiba dua tahun kita sudah terpaksa berbelanja besar lagi, tetapi ini memerlukan satu pemikiran yang agak kontroversial kerana sekarang pun sudah ada ya. Dua tahun terakhir daripada kemenangan itu, kalau meninggal, tak ada pilihan raya, tetapi saya mencadangkan supaya keseluruhan lima tahun itu tak ada pilihan raya. Terus ya.

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Sila.

Timbalan Yang di-Pertua: Tan Sri Fatmi nak tanya itu sama ada, apa ini, YB sudah buat pemeriksaan kesihatan belum?... *[Ketawa]*

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Datuk Yang di-Pertua, saya tertarik dengan hujahan YB sahabat saya ini. Ini adalah satu *new paradigm shift*. Untuk nak buat itu, ia saya rasa kena pinda Perlembagaan itu.

Alang-alang kita pinda Perlembagaan, adakah YB bersetuju ubah *the whole system of the elections* iaitu kita pilih parti, bukan pilih calon? Maka, tidak ada lagi pilihan raya kecil. Setiap kawasan hanya pilih parti. Amanah kah, UMNO kah, Barisan kah, apa kah, pilih. Kalau parti itu menang, parti tak mati *half term*.

Datin Hajah Ros Suryati binti Alang: Setuju.

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: So, alang-alang nak pinda Perlembagaan, pindalah terus parti yang bertanding.

Datin Hajah Ros Suryati binti Alang: Pilih wakil.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya setuju itu pasal parti yang pilih Wakil Rakyat yang meninggal itu... *[Ketawa]*

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Betul, betul, betul. Sebenarnya semua calon itu perlu memberikan satu salinan tandatangan Presiden Parti untuk mengakui dia sebagai calon. Ini parti itu ya. Melainkan calon Bebas, seorang-seorang nak masuk, itu *open for all*-lah ya. Jadi, cadangan yang waras yang diberikan oleh Tan Sri Fatmi itu boleh...

Timbalan Yang di-Pertua: Waras?

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: ...Boleh dipertimbangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Sebelum ini Tan Sri Fatmi tak waras ya..?... [Ketawa]

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Walaupun ia nya...

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Mencilahlah sikit.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Boleh kita tertawakan sekarang, tetapi wajar kalau kita fikirkan ya.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Saya tak berniat asalnya nak mencelah, tetapi saya terfikir, Tuan Yang di-Pertua, kalaulah jumlah yang ada dalam Parlimen sekarang itu separuhnya mati, siapakah yang akan wakil di situ sehingga sebelum pinda Perlembagaan? Apakah cukup tunggu lima tahun yang akan datang sehingga jumlah separuh yang ada itu mati? Ini tidak pelik. Jadi, saya- baguslah *paradigm shift* itu, tetapi kalau kita bicara macam itu, ertinya lima tahun sekali dan kita buat satu *shift* baharu dalam negara kita ini.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Ya lah. Contoh itu contoh yang ekstremlah ya. Mana tahu kan satu penerbangan 300 orang, 150 Ahli Parlimen dalam itu... [Dicelah] Munasabahlah. Contohlah ya. Ekstrem, sebab itu ada peraturan, Menteri, supaya Ahli-ahli Parlimen yang ramai-ramai tak boleh naik satu *flight* ya.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Itu peraturan baharu pula dah itu.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Ha, itu ya, oleh sebab...

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Nampak resah, itu yang cadangkan tadi.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: *Since we are into these*, kita fikirkan yang secara menyeluruhlah. Bila meninggal, siapa yang nak menggantinya maksudnya. Parti itulah yang menggantikannya. Caranya itu, dimaktubkanlah dalam peraturan dan juga Perlembagaan.

■1310

Kita biasa pinda Perlembagaan ini. Dapat dua pertiga, jalan. Jadi, saya tidak menuntut ia nya dibuat tahun depan tetapi fikirkan ini dalam satu *sequence* yang munasabah dalam kita membincangkan kos mengadakan pilihan raya kecil. Bukan banyak, tetapi cukup untuk ia menimbulkan perbahasan dalam Dewan. Jadi, ertinya signifikanlah jumlah tersebut. Jadi, Datuk Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua: Dr. Hatta, panjang lagi ke?

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Dah habis dah.

Timbalan Yang di-Pertua: Habis dah? Fasal tadi saya benarkan fasal ada memo...

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Ada soalan tambahan sikit.

Timbalan Yang di-Pertua: ...Peruntukan tambahan untuk SPR itu ada, tapi dah lari sikit daripada perbelanjaan... [Ketawa]

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Okey. Jadi, itulah pandangan saya supaya kita dapat menjimatkan kos dan apa juga perbelanjaan tambahan yang digunakan adalah pergi balik kepada rakyat. Jadi, tidaklah kita terasa ia nya sebagai suatu pengurusan ataupun pentadbiran yang tidak wajar. Sekian, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Dr. Hatta. Satu isu yang tadi kalau saya benarkan lagi pencelahan, memang habis masa kita pada hari ini... *[Ketawa]*

Sekarang saya jemput Tuan Hasbie yang telah sabar menunggu... *[Ketawa]*

1.11 tgh.

Tuan Mohd Hasbie bin Muda: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat tengah hari. Terima kasih Datuk Yang di-Pertua atas peluang untuk saya turut sama membahaskan RUU Perbekalan Tambahan (2024) 2025 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Dalam perbahasan ini, saya ingin menyentuh beberapa perkara penting berkenaan dengan peruntukan tambahan termasuk keperluan belanjawan luar jangka, perancangan fiskal kerajaan serta langkah-langkah strategik dalam menghadapi cabaran ekonomi global, tapi saya ingat sebahagian besar daripada cadangan ataupun idea yang dalam kepala saya ini pun sudah disebut Yang Berhormat Dr. Hatta tadi. Jadi, saya boleh ringkaskanlah.

Sebagaimana yang kita tahu, belanjawan tambahan ini ialah untuk melengkapi kekurangan ataupun kelemahan belanjawan tahunan kita, tetapi sekiranya ada belanjawan ataupun perkara-perkara yang luar jangka itu yang berlaku secara berulang. Maka, saya melihat luar jangka yang berlaku secara berulang itu ialah sesuatu yang boleh dijangka.

Sebagai contoh, belanjawan tambahan untuk perbekalan keselamatan, pendidikan dan kebersihan tadi. Itu, setiap tahun ada bajet tambahan. Jadi, sepatutnya kementerian sudah boleh menjangka tahun ini kita tambah RM1.7 bilion. Tahun lepas saya difahamkan RM1.1 bilion bajet tambahan. Jadi, itu sepatutnya- saya mencadangkan dalam bajet penuh kita telah pun- kita boleh buat unjuran itu. Begitu juga dalam bajet tambahan kita untuk Skim Penstabilan Minyak (COSS) sebelum ini pun ada bajet tambahan, RM1 bilion. Jadi, benda luar jangka yang berlaku secara berulang ialah benda yang boleh dijangka.

Kalau kita melihat persoalan yang saya ingat hendak diajukan kepada kementerian ialah yang pertamanya berkait dengan kita punya pertambahan untuk Bayaran Khidmat Hutang. Kalau kita tengok dalam kita punya perincian ini, hutang negara kita ini ada dua yang besarlah. Satu, sekuriti kerajaan Malaysia ataupun yang kita kenal sebagai bon. Ini kalau orang Islam ini dia tidak berapa gemarlah fasal dia melibatkan riba. Satu lagi ialah Terbitan Pelaburan Kerajaan (TPK) ataupun yang saya ingat MGII. Ini yang kita kenali sebagai sukur dan jumlah itu sama banyak.

Jadi, saya hendak tanya juga apa usaha kerajaan supaya kita ke arah lebih banyak yang patuh syariah ini berbanding dengan yang masih melibatkan faedah ataupun riba itu. Kenapa pertambahan RM700 juta ini- sedangkan kita tahu dari segi jadual pembayaran hutang ini, kita sudah ada penjadualan dia. Apakah perkara luar jangka yang berlaku? Adakah mungkin kejatuhan mata wang kita atau pun apa itu, saya ingat perlukan penerangan daripada Menteri lah.

Kemudian, yang seterusnya saya tengok daripada segi minyak tadi, COSS tadi. Kalau ikut dalam belanjawan penuh hari itu, kita memperuntukkan lebih kurang RM845 juta sahaja untuk COSS. Jumlah itu adakah untuk 60,000 metrik tan yang kita memang *allocate* setahun dan bila kita tambah pula dengan hampir RM1.1 bilion ini, adakah dia bertambah kepada 120 juta metrik tan? Jadi, jumlah itu besar. Kita dengar penerangan daripada Timbalan Menteri Perdagangan pun, dia menyebutkan bahawa sebenarnya bukan penyeludup luar negara, orang asing yang ambil tapi yang ambil banyaknya ialah peniaga PKS kita. Tapi kita maknanya boleh terimalah penerangan itu.

Kita boleh terima supaya peniaga PKS- penjual, penjaja ini dapat mengekalkan harga yang murah, tapi apa usaha daripada kerajaan untuk mengatasi masalah itu supaya hak pengguna isi rumah ini, suri rumah yang masak ini tidak terjejas hanya kerana semata-mata kita hendak mempertahankan hak mereka yang berniaga. Hari ini saya ingat tidak ada wakil dari KPDNHEP. Mungkin ini, akan datang saya ingat wakil-wakil kementerian yang melibatkan bajet tambahan pun adalah *kot* untuk sekurang-kurangnya mengambil saranan ataupun syor kita, cadangan-cadangan ini.

Kemudian yang tadi, idea yang sama dengan Yang Berhormat Dr. Hatta tadi ialah berkait dengan kita punya bajet untuk keselamatan dan kebersihan sekolah. Ini saya hadapi sendiri sebagai Yang di-Pertua PIBG, Datuk Yang di-Pertua. Ini cukup menyusahkan kita sekiranya kontraktor yang dipilih itu kadang-kadang kita tidak kenal pun. Pekerja yang dipilih pun bukan orang kampung itu. Jadi, bila ada berlaku isu umpamanya rumput tidak dipotong, kebersihan yang teruk, kita hendak menghubungi kontraktor itu pun jadi satu masalah. Kadang-kadang tidak angkat *call* dan sebagainya.

Kenapa tidak kerajaan memikirkan untuk menyerahkan kontrak yang begitu membumi ni- kerja-kerja yang bukan susah sangat. Hendak bersihkan rumput dan sebagainya bagi pada PIBG sebab saya nampak, PIBG sekarang ini dah semakin tidak relevan, tiada kuasa apa pun. Hanya menjadi jemputan untuk gotong-royong, datang mesyuarat cari duit, itu sahaja, tetapi kalau kontrak yang pembersihan ini diserahkan kepada PIBG, PIBG ada kuasa hendak melantik mungkin orang kampung di situ untuk diberi sebagai yang menguruskan pembersihan sekolah, saya rasa orang nampak ada sedikitlah signifikan PIBG ini. Saya harap mungkin wakil Kementerian Pendidikan boleh ambil perhatian dalam soal inilah.

Kemudian, yang seterusnya peningkatan- saya balik sikit kepada COSS tadi. Saya agak keliru dalam Memorandum Perbendaharaan ini, dia *justify* kenapa dia meningkat sehingga 125 peratus dalam bajet tambahan untuk COSS ini ialah kerana peningkatan harga *RBD Palm Olein* untuk tahun 2024 itu, 4,411 per metrik tan berbanding dengan 4,031 metrik tan tahun 2023. Kalau ikut daripada segi peningkatan harga, hanya meningkat 9.4 peratus tetapi peningkatan bajet sehingga 125 peratus.

Jadi, maknanya justifikasi yang ditulis dalam kertas memorandum ini tidak *justify* kenapa peningkatan itu berlaku. Adakah kontraktor ataupun mereka yang mendapat kontrak membekalkan minyak masak subsidi ini kita tambah ataupun jumlah yang mereka dapat itu kita tambah? Itu saya ingat harus dijelaskan supaya kita faham- sebab nampak bajet bertambah tapi masalah minyak belum dapat kita selesaikan.

Kemudian, yang terakhir saya ingat berkait dengan Kementerian Pendidikan Tinggi. Kita bagi luluskan RM400 juta bajet untuk universiti awam dan hospital pengajar. Saya sempat turun ke satu- hospital pengajar, saya ingat bulan lepas. Saya tanyalah daripada segi kos itu, saya tengok daripada segi *costing* itu memang jauh lebih mahal berbanding dengan hospital kerajaan tetapi murah sedikit dari hospital swasta. Jadi, saya hendak tanya kenapa itu berlaku sedangkan kita tahu bajet ini adalah daripada kerajaan. Saya ingat itu sahaja Datuk Yang di-Pertua. Apa pun, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih YB Hasbie.

Sekarang saya jemput Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman.

1.18 tgh.

Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, Yang Berhormat Datuk Speaker. Saya ingin merakamkan ucapan saya pada sesi perbahasan dan Undang-undang Pembekalan Tambahan (2024) 2025 yang dibentangkan hari ini khusus mengenai peruntukan yang diberikan kepada beberapa buah agensi dan kementerian yang disebutkan dalam rang undang-undang ini. Peruntukan dicadangkan melibatkan 11 dana sebanyak RM20,191,299,500 yang merangkumi pelbagai sektor penting negara kita.

Soalan saya bagi perbahasan ini satu. Pertamanya mengenai dengan Suruhanjaya Pilihan Raya yang berjumlah RM8,194,200 juta. Apakah rasional di sebalik peruntukan tambahan yang agak kecil kepada Suruhanjaya Pilihan Raya? Adakah dana ini diperlukan untuk menyokong proses pilihan raya yang lebih efisien dan bebas daripada sebarang manipulasi? Bagaimanakah Suruhanjaya Pilihan Raya merancang untuk mengagihkan peruntukan ini dalam memastikan kelancaran pengurusan pilihan raya yang akan datang?

Kalau kita lihat sejak kebelakangan ini, dua tahun ini, kerap ada PRK. Dengan peruntukan yang saya anggap kecil ini, adakah ia mencukupi untuk mengadakan PRK? Sebab itu kadang-kadang mungkin ada cara yang untuk tidak mengadakan pilihan raya setelah genap tiga tahun. *Drag* sedikit. Bukan sahaja orang meninggal, masalah hukuman yang lebih daripada RM2,000 kepada Wakil Rakyat, ini pun akan diadakan pilihan raya. Jadi, kena buat kajian sama ada ia efisien atau tidak, dengan peruntukan yang diberikan.

Kedua, mengenai dengan Jabatan Perkhidmatan Awam yang saya mengambil kira pentingnya fungsi Jabatan Perkhidmatan Awam dalam menyokong pengurusan kerajaan. Bagaimanakah peruntukan tambahan ini akan digunakan untuk meningkatkan kecekapan perkhidmatan awam terutama dalam pengurusan sumber manusia dan digitalisasi? Adakah terdapat penambahan peruntukan untuk pembangunan latihan dan pembangunan kompetensi penjawat awam bagi memenuhi keperluan negara yang semakin kompleks? Kita lihat banyak perkara yang timbul. Ini perlu dibuat kajian agar ia dapat kita atasi dengan cara baik bagi melancarkan proses pembangunan latihan dan pembangunan bagi penjawat awam.

Ketiga, mengenai dengan perkhidmatan am Perbendaharaan. Dengan jumlah yang amat besar ini, bagaimanakah kerajaan memastikan bahawa dana yang disalurkan ke dalam perkhidmatan am Perbendaharaan ini dapat dimanfaatkan dengan sebaiknya bagi memastikan kelangsungan perkhidmatan kewangan negara? Apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk memastikan ketelusan dalam pengurusan kewangan negara melalui peruntukan ini?

Saya mengambil contoh. Kebanyakan kadang-kadang peruntukan yang dikhususkan untuk perkhidmatan awam, tidak digunakan sepenuhnya hinggalah di akhir tahun berikut atau tahun tersebut. Ini dianggap sebagai *winter shopping* atau peruntukan-peruntukan ini dialihkan ke jabatan-jabatan lain dengan alasan bahawa BQ tak siap dan sebagainya. Ini alasan yang dibuat dan ia tidak menepati sasaran untuk memastikan bahawa perbelanjaan ini adalah untuk menyejahterakan rakyat dan merealisasikan harapan kerajaan dalam setiap aspek pembinaan dalam negara kita ini. Ini perlu diteliti dengan lebih baik agar ia dapat dilaksanakan dengan lebih sempurna.

Keempat, mengenai dengan peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun. Apakah jenis perbelanjaan yang telah dikenal pasti untuk disalurkan ke dalam Kumpulan Wang Terkanun ini? Apakah impaknya terhadap pembangunan sektor-sektor yang bergantung pada dana ini? Adakah peruntukan ini akan digunakan untuk projek-projek memberi manfaat langsung kepada rakyat terutamanya yang menghadapi cabaran ekonomi semasa? Perlu dicari mekanisme yang terbaik. Saya hendak ulas, mungkin masa tidak mengizinkan.

Kelima, mengenai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kementerian ini dalam menangani masalah

kos sara hidup yang semakin meningkat terutamanya dalam memastikan rakyat tidak terbeban dengan harga yang tidak terkawal? Bagaimanakah kementerian ini merancang untuk menggunakan peruntukan ini dalam memperkenalkan inisiatif yang lebih berkesan bagi memastikan kesejahteraan rakyat?

Sekarang ini, kita selalu menyatakan bahawa harga barang cukup, rakyat terjamin, terjaga. Realitinya di bawah, banyak masalah yang berlaku terutamanya golongan B40 dan golongan orang luar bandar. Kita lihat bagaimana kalau boleh kita mengawal daripada segi kenaikan bil api, air, barang-barang mentah, barang-barang kering dan sebagainya yang kita lihat naik secara mendadak.

Mungkin dengan peruntukan yang disediakan ini, apa mekanisme yang membolehkan agar kita dapat memberi sedikit keringanan kepada pengguna-pengguna ataupun masyarakat, rakyat di luar sana yang sekarang ini banyak menyatakan bahawa kerajaan kita gagal dalam menangani isu-isu mengenai dengan kos sara hidup yang semakin hari semakin meningkat?

Keenamnya, mengenai dengan Kementerian Pendidikan. Dalam konteks peruntukan yang besar kepada Kementerian Pendidikan, adakah terdapat fokus yang lebih besar kepada peningkatan infrastruktur pendidikan dan kemudahan kepada para pelajar terutamanya di kawasan luar bandar? Apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memastikan peruntukan ini dapat disalurkan dengan berkesan bagi meningkatkan kualiti pendidikan di peringkat sekolah rendah dan menengah? *About* RM1 bilion *plus*, RM1.7 bilion kepada Kementerian Pendidikan.

Saya pergi ke sekolah untuk merasmikan PIBG dan kadang-kadang berjumpa dengan Yang Dipertua ataupun pengetua sekolah. Apa yang dimaklumkan, kadang-kadang peruntukan kepada PPD *very limited*. Sedangkan sekolah ini memerlukan banyak bantuan seperti *renovation* tandas, *upgrade* bilik sekolah, kerusi, meja. Yang kita ini Senator pun ada peruntukan sedikit, dia minta.

Timbalan Yang di-Pertua: YB pun pernah jadi Wakil Rakyat. Memang dia minta Wakil Rakyat... *[Ketawa]*

Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman: Itu kebiasaannya. Sebab bila kita peruntukkan RM1 bilion *plus*, RM1.7, ia semestinya mencukupi kerana kita melihat segala aspek seluruh negara kita, tetapi dalam merealisasikan harapan kerajaan dengan peruntukan ini, PPD diberikan hanya RM20,000 kepada...

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Boleh mencelah sedikit Yang Berhormat?

Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman: Sekejap, saya habiskan dahulu. Kepada setiap sekolah. RM20,000 apa yang kita boleh buat sebenarnya? Apakah yang kita boleh

buat? So, bagaimanakah mekanisme yang terbaik untuk kita dapat memastikan bahawa kita membantu pelajar-pelajar sekolah yang memerlukan infrastruktur yang baik?

Tadi Senator YB Hussin hendak mencelah. Saya persilakan.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Sedikit sahaja soalan, Yang Berhormat. Tertarik Yang Berhormat sebagai YB masuk ke PIBG, ke sekolah, tetapi apa pandangan Yang Berhormat, sebahagian YB tak dibenarkan masuk sekolah walaupun dia juga Pengerusi PIBG? Boleh saya beri contoh pun boleh.

Timbalan Yang di-Pertua: Itu bukan soalan peruntukan itu YB Hussin... *[Ketawa]*

Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman: Saya jawab. Ini berlaku tahun 2004-2013 semasa saya jadi Ahli Dewan Undangan Negeri. Contoh ini saya ambil kerana saya teringat bahawa ini berlaku ketika itu. Dengan peruntukan yang kurang daripada ini tahun 2004-2013. Ini RM1.7 bilion. So, benda yang sama. Kalau kita tak pergi PIBG pun Yang Berhormat, pengetua jumpa kita, guru-guru jumpa kita, berbincang kerana mereka tahu kita ini YB. Dia tak tahu Senator kah, DUN kah, Dewan Rakyat. Dia tahu kita YB sahaja. Panggil YB ini memang ada peruntukan kata dia. So, perkara ini disebut, dibincangkan.

Jadi, kita harap agar cari mekanisme untuk bagaimana peruntukan ini dapat disalurkan dengan berkesan bagi meningkatkan kualiti pendidikan dan infrastruktur sekolah. Ini penting, Yang Berhormat Datuk Speaker.

Bagi Kementerian Pendidikan Tinggi, kita perlu mengambil kira kepentingan sektor pendidikan tinggi dalam mempersiapkan tenaga kerja yang berkualiti. Bagaimanakah peruntukan ini akan digunakan untuk menyokong universiti-universiti tempatan dalam menyediakan pendidikan yang relevan dengan keperluan industri semasa? Adakah terdapat peruntukan khusus bagi menyokong penyelidikan dan pembangunan di peringkat universiti bagi merangsang inovasi dan ekonomi?

Saya cuma nak mencadangkan juga jika diberi peluang untuk saya berhujah pada hari ini supaya GST ini dikembalikan untuk mendapatkan *income* kepada kerajaan. *Maybe last time six percents. This time around will be three percent.* Ini kerana dengan ada GST, pendapatan kerajaan akan lebih stabil. Kita dapat mengurangkan kebergantungan pada sumber minyak. Satu-satu langkah hujah utama untuk kembalinya GST adalah untuk mengurangkan ketergantungan kerajaan kepada pendapatan daripada sumber minyak dan gas yang sangat terdedah kepada turun naik global. GST dapat memberi sumber pendapatan yang lebih stabil dan pelbagai.

Dengan GST juga, kerajaan dapat memperoleh pendapatan yang lebih besar kerana ia dikenakan pada hampir semua transaksi barangan dan perkhidmatan berbanding dengan cukai jualan dan perkhidmatan SST. Kita dah pernah buat dulu bagaimana SST di-*linked*-kan dengan LHDN.

■1330

Jadi, duit-duit yang *so called black market* ini, kita dapat *detect*. *So, every single cents being tax* melalui GST. Tak kiralah orang itu ada duit, bagaimana duit disalurkan dan sebagainya. *So, this is part and partial* daripada mekanisme yang kita boleh dapatkan sebagai *income* kepada negara kita dan mungkin kita boleh memperbaiki sistem percukaian yang lebih cekap. Sistem yang lebih telus dan adil.

GST dikenakan secara berperingkat bermula daripada pengeluar, pemborong sehingga kepada pengguna akhir. Ini boleh mengurangkan risiko kebocoran- *leakage* cukai dan memastikan lebih banyak pendapatan cukai dikutip daripada sektor yang lebih luas. Ia juga dapat meningkatkan kepatuhan cukai dengan sistem input dan output yang lebih jelas. GST menggalakkan kepatuhan yang lebih tinggi daripada peniaga dan syarikat dalam pembayaran cukai kerana cukai yang dibayar oleh peniaga boleh dituntut semula, juga menyokong ekonomi digital yang meningkatkan cukai daripada sektor digital.

Dengan ekonomi digital yang semakin berkembang, GST dapat diperluas untuk mengenakan cukai kepada transaksi dalam talian seperti yang berlaku di banyak negara maju. Ini dapat menambah hasil cukai yang lebih luas. Jangan malu. *We did wrong before. Yes, but for the sake* dengan izin, *of our country, do or don't* untuk kebaikan negara.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dengan pandangan saya mengenai GST- keperluan dan kajian dalam penyesuaian untuk pengembalian GST mempunyai banyak kebaikan daripada segi pendapatan kerajaan yang harus disertakan dengan kajian yang mendalam dan penyesuaian supaya ia tidak membebankan rakyat terutamanya golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Implementasi GST harus dilakukan secara berperingkat dan disertakan dengan langkah-langkah untuk mengurangkan impaknya terhadap golongan rentan.

Dalam konteks peruntukan yang dibentangkan ini, saya ingin mengingatkan bahawa setiap sen yang dibelanjakan harus membawa impak yang signifikan kepada kesejahteraan rakyat dan kemajuan negara. Oleh itu, menjadi tanggungjawab kita semua untuk memastikan bahawa dana-dana ini digunakan secara cekap dan berkesan dengan mengambil kira keseimbangan antara keperluan semasa dan kemampanan jangka panjang. Saya berharap bahawa kementerian dan agensi yang menerima peruntukan ini akan dapat menjawab persoalan-persoalan yang dikemukakan dan memastikan bahawa setiap peruntukan digunakan dengan penuh tanggungjawab dan ketelusan. Dengan ini saya turut menyokong. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Dato' Haji Abdul Halim.

Sekarang saya jemput Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail.

1.33 tgh.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Datuk Yang di-Pertua dan saya ini orang yang terakhir, yang ke-14. Habis dah bahan disebut oleh sahabat-sahabat. Jadi mungkin saya sikit sajalah *kot, insya-Allah*. Saya.

Timbalan Yang di-Pertua: *[Ketawa]*

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Saya... *[Ketawa]* Jangan perli dulu. *[Ketawa]* Saya tinjau-tinjau Yang Berhormat Datuk Yang di-Pertua. Hutang negara kita sebelum ini dah RM1.24 trilion. Dia sudah bertambah RM66 bilion sebelum dari tahun sebelum ini. Apakah ini juga nanti akan menambahkan lagi jumlah 66 itu menjadikan hutang negara akan naik lagi? Apakah belanjawan yang kita tambah pada hari ini akan memberi kesan begitu kepada negara?

Saya sangat setuju apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat sahabat saya, saudara Tuan Mohd Hasbie. Belanjawan-belanjawan tambahan ini, apakah masa kita buat belanjawan itu, memang kita dah *ready* untuk tambah belanjawan? Sebab hampir setiap tahun pun memang dibuatlah satu atau dua kali belanjawan tambahan. Ertinya memang belanjawan tambahan ini dah masuk dalam perkiraan. Saya tak pasti. Soalan.

Ketiganya, belanjawan tambahan ini juga termasuk dalam menimbui hutang. Kita bicara pada rakyat, jangan berhutang. Jangan gali lubang, timbus lubang. Saya bimbang. Bukan tuduhan. Saya bimbang sebab termasuk bajet. Menjadi amalan kita juga untuk gali lubang, timbus lubang. Pasti kalau begitu, tak berkurang. Dia akan bertambah. Tambah-tambah denganlah bajet tambahan. Saya tak sama sikit dengan ini sebab habis dah modal saya dah diambil oleh kawan-kawan, 13 orang dah. Jadi, saya ambil paten lain sikitlah untuk berkongsi hasrat dan pandangan. Orang kata, *checks and balances*...

Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman: Boleh tambah sikit?

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Dato', nak soal tak? Dengan syarat nanti. Saya...

Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman: Saya minta...

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Dato', apa sebab saya ganggu tadi. Boleh, boleh, boleh.

Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman: Ini masalah hutang ini, 2018 kita baru RM700 juta. Lima tahun *RM1.6 billion*. Siapa pun jadi Perdana Menteri atau CEO nak betulkan bayarkan hutang ini, bukan mudah. Dengan penambahan sebanyak lebih kurang 100 peratus. So, adakah Yang Berhormat setuju bahawa dengan ada hutang ini, kerajaan terpaksa juga untuk memberi bajet untuk *generate income* supaya dapat mengurangkan hutang? Bukan melangsaikan hutang, mengurangkan hutang disebabkan oleh hutang-hutang yang telah dibuat oleh kerajaan terlebih dahulu. Terima kasih.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Hutang yang dibuat dulu itu mungkin Dato' juga ada sama dalam itu. Sebab zaman, saya tak nak sebutlah zaman itu. Jadi adakah dengan

pendekatan- kita tambah hutang baharu untuk bayar hutang, itu adalah kaedah yang bijaksana? Soalan, saya pun tak tahu jawapan. Tak jawab Dato'. Itulah yang pertama.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Seterusnya sahabat-sahabat sekalian, Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang saya hormati dan saya kasihi sekalian. Saya ingin dan soalan yang sama juga, jumlah 23.9 bilion yang baharu dalam bajet ini. Tambah dengan dulu. Dari manakah sumbernya? Dulu saya pernah tanya, dekat mana sumber? Sumber dalam, sumber pinjaman dalam, pinjaman luar? Pinjaman itu bahasa paling lunaklah. Hutang dalam, hutang luar ataupun sumber dari dalam negeri. Kalau itu, kalau kita boleh dapat penyelarasan itu. Ya lah bajet memang kita mohon, *kot* mana pun kita kena lulus tetapi sumber untuk mendapatkan bajet, kadang-kadang yang dalam bajet belanjawan yang lepas pun, saya soal juga tapi mungkin budayanya, tak payah tanya *kot* daripada mana sumber itu.

Dari sudut, saya ingat ada dulu sebuah kerajaan negeri, bajet dia *surplus*. Tak silap saya, lebih RM3 bilion. Itu kerajaan dulu. Kerajaan yang dulu. Sekarang ini ada juga kerajaan negeri yang *surplus*. Mungkin Dr. Hajah Wan Martina boleh jawab. Dengar khabar Kelantan pun *surplus*. Bunyi kata miskin ataupun kerana *surplus* itu kerana tak pandai mengurus?

Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff: Saya jawablah. Yang Berhormat, boleh mencelah?

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Boleh.

Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff: Okey. Sebenarnya bukan *budget surplus*. Ia adalah belanjawan defisit, tetapi bila kita menutup akaun pada setiap tahun 31 Disember, maka prestasi kewangan menunjukkan lebih ataupun *surplus* bermula tahun 2017, Kerajaan Negeri Kelantan telah ada lebihan kewangan. Maksudnya, kita berbelanja secara berhemah sehingga kita tidak perlu perbelanjaan tambahan. Terima kasih.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Lebih kurang. Maknanya surplus juga dah itu Yang Berhormat Senator Dr. kan? Belanja yang ada tak perlu bajet tambahan, yang ada itu lebih. Maknanya surplus juga- dalam perkiraan awal itu macam defisit kan. Jadi lebih kurang begitu. Saya bukan nak banding-bandingkan ini, tapi selama ini kita bicara tentang belanja berhemat.

Kita belanja menurut- ukur baju di badan sendiri. Saya terimalah pelbagai hujah yang ada, tetapi apakah kita harus menjadikan budaya untuk menambah bajet dan bajet, itu yang saya tanya tadi itu, apakah bajet yang memang daripada sumber dalam ataupun menambah akan lagi hutang? Menambahkan lagi hutang itu yang kita sebut tadi, apakah bijaksana kita terus tambah? Sampai bilakah kita terus nak tambah hutang ini?

Keduanya, kita bercakap tentang fiskal negara. Fiskal itu cukai. Fiskal itu kan cukai? Kot saya salah. Tak boleh lari daripada tajuk fiskal, ertinya cukai.

■1340

Sumber mentadbir negara memanglah cukai, tetapi kalau kita lihat dari sudut- yang kita perjuangkan ini adalah kesejahteraan dan keharmonian hidup rakyat. Makin hari, apakah rakyat kita sekarang sedang sejahtera atau sedang bertambah kesejahteraan? Jadi, jawapannya mungkin kita ada.

Saya hendak tanya, dalam konteks ini, yang pertama sekali contohnya, *e-Invoice*, semacam tak ada sebarang ruang sekarang ini untuk orang yang meniaga kecilan dengan limit yang tertentu itu sampai ke yang besar, *e-Invoice* itu mesti sampai dekat kita. Ertinya, memang sangat telus sumber kita adalah cukai.

Saya pernah tanya kepada Yang Berhormat, tapi saya belum ada jawapan. Tiada kah kaedah lain daripada kita menambah-nambah cukai? Sebab penambahan cukai, penambahan harga barang, ertinya penambahan beban hidup rakyat. Baharu ini saya tanya, minyak masak kita ini pengeluar minyak masak ke-dua dunia, tetapi harga minyak masak kita sudahlah mahal, hendak dapatkan minyak masak kritikal. Allah cepatnya, saya kata hendak cakap pendek... [*Dewan ketawa*]

Satu bungkus minyak masak sekarang, satu keluarga hanya mampu beli dua bungkus. Baharu ini saya tanya-tanya ada tempat yang boleh jual tiga bungkus. Bagus kita catu minyak masak sebab kata Yang Berhormat Dr. Hatta, mengurangkan penyakit. Bagus kita catukan- bukan catu, tak boleh hendak beli banyak. Diesel, saya sebut baharu ini, hendak kena pergi lima buah stesen minyak untuk beli lima tong diesel 20 liter Yang Berhormat Dato Yang di-Pertua. Apakah kerana untuk kita mengelakkan orang kita banyak merayau?, jadi, tak payah pakai minyak banyak-banyak walaupun kita pengeluar minyak, pengeksport minyak dunia, banyak lagilah kalau hendak sebut begitu.

Jadi, saya cuma hendak ajak kita fikir-fikirkan lah dalam ruang yang begini ini. Sekarang kita bicara tentang baru ini disebut- kita minyak masak kita banyak yang bocor, bukan bocor, digunakan oleh peniaga kecil. Jual goreng pisang, jual popia, jual apam balik, apam balik pakai minyak kah?, pakai juga. Jual barang-barang ini, sebab itulah kebanyakan minyak paket ini dibeli oleh peniaga kecil.

Inilah kumpulan sasar yang kita- untuk dibangunkan daripada menjadi peniaga kecil menjadi peniaga besar, tetapi kenapa kita rungut minyak kita ini dibeli oleh peniaga kecil. Bukankah peniaga kecil inilah yang perlu dibantu? Jadi, saya kadang-kadang kebingungan Yang Berhormat Dato. Hendak ke mana jawapan-jawapan kita ini kadang-kadang- sebab itu, tak habis ayat saya itu untuk teruskanlah.

Tuan Yang di-Pertua: Sila rumuskan.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Rumus? Sikit lagi Dato, dia kata 8 minit. Sikit lagi belum habis lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Habis dah lapan minit.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Lapan dah?, okey, saya sikit lagi. Saya hendak sebutkan begini, saya mintak dalam kita bicara ekonomi kita sudah pulih, dalam bicara pelaburan kita sudah meningkat, dalam bicara inflasi kita menurun, tetapi rakyat tak tanya itu, rakyat tanya kehidupan mereka perlu dibela. Saya mengharapkan bajet-bajet kita ini ke arah menjurus ke situ. Ya betul, memang jawapan kita hendak beri subsidi, hendak tambah. Apakah selama ini kerajaan sebelum ini tak bagi subsidi? Jadi, saya fikir, jawapan itu ada dan kita sama-sama kongsi.

Cuma *point last* Dato Yang di-Pertua, SPR. Sikit sahaja bajet dia RM8 juta, tapi saya rasa JKPKP pernah cadangkan supaya SPR ini, pengerusi ini dilantik oleh Parlimen. Apakah statusnya sekarang?

Yang kedua, apa kawalan kita terhadap kemungkinan persempadanan baharu dan lain-lain yang akan memberi kesan kepada *possibility*- kemungkinan ratio Kerusi tidak sama dengan ratio masyarakat dan ini apakah kemungkinan akan memberikan kesan negatif daripada segi ketidakpuasan sebahagian rakyat.

Poin akhir Dato ialah apakah peranan dalam SPR dengan tambahan bajet ini untuk memastikan jentera-jentera kerajaan tidak disalah lakukan. Bolehkah kita pulihkan SPR ini supaya benar-benar memberi maksud kepada kehendak rakyat sebuah kerajaan yang nanti lahir daripada pilihan raya adalah sebenarnya menggambarkan inspirasi rakyat. Dengan itu saya tangguh dulu, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Tuan Yang di-Pertua: Pembahas yang terakhir Senator Tuan Haji Abdul Nasir.

1.45 ptg.

Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, selamat petang, dah petang- belum lagi?

Dato Yang di-Pertua, pertamanya terima kasih kerana memberikan kesempatan kepada saya untuk turut sama membahaskan rang undang-undang yang melibatkan Akta Perbekalan Tambahan 2024 (2025).

Berhubung dengan RUU ini, suka saya memberikan beberapa perkara, beberapa isu yang perlu kita berikan perhatian, yang perlu kita lihat bersama yang sudah pasti kita perlukan penjelasan daripada pihak kerajaan terhadap isu-isu yang cuba saya timbulkan, saya bangkitkan pada- pada masa ini.

Yang pertamanya, tujuan dan keperluan perbekalan tambahan ini. Adakah penambahan dana sebanyak RM20,191,299,500 ini benar-benar diperlukan untuk memenuhi

keperluan pembangunan negara atau adakah ia penyelesaian kecemasan yang seharusnya didahulukan dalam perancangan belanjawan yang lebih teliti dan efektif.

Apakah kementerian-kementerian yang terlibat memberikan justifikasi yang jelas dan terperinci sebab-sebab dan tujuan sebenar dana ini diperlukan?. Untuk itu, untuk memastikan bahawa peruntukan ini tidak disalahgunakan atau disalurkan ke kawasan yang tidak memberi impak yang signifikan kepada pembangunan ekonomi dan kesejahteraan rakyat.

Perkara yang kedua Dato Yang di-Pertua, pengawasan dan ketelusan dana- ketelusan penggunaan dana. Ketelusan pengawasan- ketelusan dan pengawasan terhadap penggunaan perbekalan tambahan ini perlu dipastikan supaya dana tersebut tidak salah gunakan. Kerajaan perlu menilai bagaimana mekanisme pemantauan atau audit yang akan dilaksanakan.

Persoalannya, bagaimana kementerian memastikan bahawa perbelanjaan tambahan ini akan diawasi secara telus, berkesan untuk mengelakkan sebarang pembaziran atau penyelewengan wang rakyat? Adakah akan ada audit khas bagi menilai keberkesanan penggunaan dana tersebut?

Perkara yang ketiga, impak terhadap kewangan negara. Penambahan peruntukan yang sebesar ini ia sudah pasti memberi impak terhadap kewangan negara, terutamanya berkenaan dengan defisit dan hutang negara dan nisbah hutang negara kita kepada KDNK kita kini tertinggi dalam tempoh 33 tahun.

Bagaimanakah kerajaan merancang untuk menangani impak kewangan ini yang mungkin timbul daripada penambahan perbelanjaan ini? Apakah langkah-langkah yang diambil untuk menjaga kestabilan fiskal dalam tempoh jangka panjang?

Yang keempat, ketepatan peruntukan berdasarkan keutamaan. Penambahan peruntukan sebesar ini memerlukan penilaian yang mendalam mengenai keutamaan dan kepentingan bidang yang memerlukan dana tersebut. Apakah kementerian telah- kementerian terlibat sudah menilai keutamaan peruntukan tersebut berdasarkan keperluan mendesak ataupun terdapat bidang-bidang lain yang lebih kritikal yang perlu diberikan perhatian terlebih dahulu?. Ini termasuk isu-isu seperti pembangunan infrastruktur, kesihatan, pendidikan yang mungkin lebih mendesak dan memberikan manfaat langsung kepada rakyat.

■1350

Dato Yang di-Pertua, kelima. Kesan kepada projek infrastruktur dan pembangunan sosioekonomi. Penambahan perbekalan yang besar ini mungkin melibatkan projek-projek infrastruktur atau pun pembangunan sosioekonomi yang bertujuan untuk meningkatkan kehidupan rakyat.

Persoalannya apakah projek-projek utama yang akan dibiayai melalui peruntukan tambahan ini? Bagaimanakah projek-projek tersebut dapat membaiki ekonomi negara dan

membantu rakyat secara langsung? Apakah penilaian impak terhadap rakyat dan tempatan dan industri yang terlibat?

Keenam, kesesuaian dasar fiskal dan ekonomi kerajaan. Bagaimana penambahan belanjawan ini seiring dengan dasar fiskal kerajaan yang bertujuan untuk mengurangkan defisit dan mencapai kecekapan dan penggunaan dana. Adakah penambahan dana ini sejajar dengan dasar kritikal kerajaan yang menekankan pengurusan kewangan yang berhemah?

Langkah yang diambil untuk mengurangkan pemborosan. Memastikan dana tambahan ini digunakan untuk tujuan yang paling utama, paling berkesan. Terakhir, keberkesanan peruntukan dalam meningkatkan kualiti hidup rakyat. Penambahan peruntukan seharusnya memberi manfaat langsung kepada rakyat terutamanya dalam meningkatkan kualiti hidup, kemudahan awam dan infrastruktur sosial.

Persoalannya, bagaimana kementerian memastikan bahawa peruntukan tambahan ini akan digunakan untuk program-program yang memberi impak langsung kepada pembangunan sosial, kualiti hidup rakyat dan kesejahteraan umum? Apakah bentuk penilaian hasil yang akan dilakukan untuk mengukur keberkesanan terhadap dana tersebut?

Akhirnya Dato Yang di-Pertua, isu-isu seperti justifikasi ketelusan penggunaan dana tambahan, pengawasan kewangan, kesesuaian dana dengan keutamaan kepada negara, kesan jangka panjang terhadap kewangan negara perlu diberikan perhatian serius. Kerajaan harus memastikan bahawa peruntukan tambahan ini memberikan manfaat optimum kepada negara terutamanya dalam meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat, kemajuan ekonomi sambil memastikan tidak berlaku pembaziran dan bahawa segala perbelanjaan adalah sah dengan dasar fiskal kerajaan yang bertanggungjawab.

Sekian, saya mohon menyokong. Sekian. *Wabillahitaufik waassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, selesai sudah perbincangan mengenai Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2024) 2025.

Dijemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

1.53 tgh.

Menteri Kewangan II [Datuk Seri Amir Hamzah Azizan]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam Malaysia MADANI.

Dato Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2024) 2025.

Seramai 12 orang Yang Berhormat Senator telah berbincang dan memberi pandangan, teguran dan cadangan pelbagai isu yang dibincangkan. Antaranya Senator Dr. Lingeshwaran, Senator Dr. Hajah Wan Martina, Senator Dato' Setia Salehuddin, Senator Datuk Seri Prof.

Emeritus Dr. Awang, Senator Datuk Seri Dr. Mujahid, Senator Dr. Dato' Ahmad, Senator Puan Anna Bell, Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta, Senator Tuan Mohd Hasbie, Senator Dato' Haji Abdul Halim, Senator Tuan Haji Hussin dan Senator Tuan Haji Abdul Nasir.

Sekarang izinkan saya menjawab perkara-perkara yang telah dibangkitkan yang utama. Seperti mana yang dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan semasa pembentangan Belanjawan 2025, Kerajaan MADANI telah mewarisi hutang yang tinggi yang mencecah RM1 trilion pada akhir tahun 2022. Setakat tahun lalu, paras hutang mencapai RM1.2 trilion atau lebih 64 peratus KDNK. Semua sedia maklum, selagi mana kerajaan mengamalkan perbelanjaan defisit, selagi itulah jumlah hutang akan terus meningkat.

Memandangkan Malaysia mengalami situasi defisit sejak 1998 sehingga kini, maka kerajaan meminjam setiap tahun bagi membiayai defisit fiskal untuk menampung perbelanjaan pembangunan negara. Walau bagaimanapun, kita tidak pernah meminjam untuk menampung perbelanjaan operasi semasa. Sebaliknya, kita meminjam bagi membiayai pembangunan masa depan negara. Hasil yang kita raih mencukupi untuk menampung perbelanjaan operasi.

Maka sebab itulah, sejak Kerajaan MADANI mentadbir negara, komitmen utama kita adalah untuk mengurangkan kadar defisit secara berperingkat dan konsisten iaitu daripada 5.5 peratus pada tahun 2022 kepada lima peratus tahun 2023 dan terus mencapai 4.1 peratus pada tahun lalu iaitu lebih rendah pada sasaran 4.3 peratus. Izinkan saya juga menjelaskan bahawa defisit fiskal negara sebenarnya telah berkurang. Bukan meningkat seperti yang dikatakan oleh antara Senator.

Defisit fiskal telah menurun daripada 5.5 peratus pada lima peratus dalam tahun 2023 mencerminkan langkah konsolidasi fiskal yang berterusan. Malah pada tahun 2024, penurunan defisit fiskal adalah lebih baik daripada sasaran dalam belanjawan dengan defisit dicatatkan pada 4.1 peratus daripada KDNK. Lebih rendah daripada unjuran awal sebanyak 4.3 peratus.

Ini turut selari dengan pengurusan hutang yang lebih berhemat di mana pertambahan hutang baharu telah berkurang daripada RM92.6 bilion pada tahun 2023 kepada sekitar RM77 bilion pada tahun lalu. Menunjukkan kerajaan kekal komited dalam mengimbang keperluan pembangunan dengan kebertanggungjawaban fiskal. Kerajaan terus komited untuk mengurangkan defisit dengan unjuran 3.5 peratus pada tahun 2025 dan seterusnya ke arah mencapai komitmen FRA serendah tiga peratus selewat-lewatnya menjelang hujung 2028.

Selaras dengan pengurangan defisit, ia akan mengurangkan pertumbuhan jumlah hutang dengan dikurangkan penjimatan hutang baharu setiap tahun oleh kerajaan. Kita telah nampak ia telah berkurang daripada RM100 bilion tahun 2022 kepada RM92.6 bilion 2023

dan tahun lalu, sekitar RM77 bilion. Trend penurunan ini menunjukkan komitmen kerajaan untuk memastikan nisbah hutang kepada KDNK dapat dikurangkan supaya tidak melebihi 60 peratus dan defisit fiskal kekal pada tahap tiga peratus dapat dicapai dalam tempoh jangka masa sederhana seperti yang ditetapkan dalam Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal (FRA) 2023.

Oleh itu, secara umumnya kita berada di landasan bagi pencapaian ketetapan yang digariskan dalam FRA pada penghujung tahun 2028 bermula dengan pencapaian defisit tiga peratus. Dalam Belanjawan 2025, salah satu strategi kerajaan adalah untuk mengurangkan perbelanjaan pembangunan kepada RM86 bilion selaras dengan pengurangan defisit fiskal.

Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof: Tuan Speaker, boleh saya mencelah sedikit?

Datuk Seri Amir Hamzah Azizan: Boleh saya habis ini? Lepas itu saya bagi.

Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof: Masih tentang FRA tadi. Okey.

Datuk Seri Amir Hamzah Azizan: Walau bagaimanapun, walaupun kita kurang kepada RM86 bilion, projek secara usaha sama awam swasta (PFI) bernilai RM9 bilion telah dilaksanakan di samping komitmen pelaburan langsung domestik syarikat sebanyak RM25 bilion. Strategi ini meningkatkan pelaburan awam kepada RM120 bilion untuk 2025 untuk merencanakan pertumbuhan walaupun dengan kadar hutang baharu yang lebih rendah. Sila.

Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof: Terima kasih kepada Menteri dan juga Speaker.

■1400

Saya sekadar ingin tahu kalaulah FRA itu merupakan salah satu daripada indikator bahawa kerajaan sedang menuju kepada konsolidasi fiskal dan kita kata tadi dalam jangka tahun 2028 akan tercapai. Katakanlah atas apa-apa sahaja keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu dan juga keadaan negara yang tidak menentu, tidak tercapai hasrat lebih rendah daripada tiga peratus defisit itu dan kadar keberhutangan negara tidak- tak capai 60 peratus yang had itu, apakah ini akan memberi kesan kepada kita punya rating daripada segi kewangan negara dan juga menjatuhkan sedikit kita punya rating daripada segi kewangan? Itu soalan satu dan ada kaitan tadi.

Saya rasa tertarik apabila Menteri menjelaskan bahawa hutang kita itu banyak kepada pembangunan, bukan kepada pengurusan. Pembangunan ini kita tahu bahawa kita berhutang untuk jangka panjang dan dia akan bawa pulangan kepada negara. Jadi, dalam bab hutang ini pun kita tak boleh hanya bercakap tentang hutang, tetapi kita tak bercakap tentang hutang itu pergi ke mana dan kesan jangka panjang dia serta kesan ekonomi. Saya rasa itu satu penjelasan yang tuntas. Cuma, saya minta satu sahaja tadi, apakah kesan dia kalau kita tak capai FRA tadi itu?

Datuk Seri Amir Hamzah Azizan: Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan itu. Sekiranya kita tak capai FRA, ia akan dibawa semula kepada Parlimen untuk penjelasan.

Yang itu ada termaktub dalam akta yang kita masukkan dalam tahun 2023 itu, tetapi daripada segi hasrat kerajaan, kita berusaha sedaya upaya untuk kita capai sasaran yang kita letak dalam FRA. Kita telah nampak perkembangan yang baik di mana semua-semua indikator yang kita nampak telah menjurus kepada itu. Kerana itulah kita masih *confident* yang kita akan mencapai sasaran yang kita letak pada FRA. Saya teruskan.

Beberapa Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan soal usaha dan strategi kerajaan dalam mengurus defisit dan hutang kerajaan susulan pembekalan tambahan ini. Antaranya Yang Berhormat Senator Dr. Hajah Wan Martina, Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Mujahid, Yang Berhormat Dato' Setia Salehuddin dan Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Hasbie, juga Senator Tuan Haji Hussin dan Senator Dato' Haji Abdul Halim.

Kerajaan komited untuk mengurangkan nisbah hutang kepada KDNK di bawah 60 peratus secara beransur-ansur dalam tempoh jangka masa sederhana seperti yang disasarkan dalam Akta FRA. Oleh itu, antara strategi pengurusan hutang kerajaan sebagai langkah dalam usaha untuk mengurangkan paras hutang adalah seperti berikut:

- (i) meneruskan langkah konsolidasi fiskal secara beransur-ansur bagi memastikan pinjaman baharu adalah lebih rendah berbanding semasa pandemik tanpa menjejaskan pemulihan ekonomi negara;
- (ii) meluaskan asas hasil dan memastikan kutipan hasil yang mampan antaranya memperluaskan skop cukai jalan dan perkhidmatan;
- (iii) mengoptimumkan perbelanjaan awam antaranya menerusi pelarasan pelaksanaan program penyasaran subsidi RON95 serta rasionalisasi agensi kerajaan dan badan berkanun;
- (iv) memastikan pinjaman kerajaan adalah semata-mata untuk pembiayaan pembangunan yang memberi pulangan kepada rakyat dan negara dalam tempoh jangka masa panjang; dan
- (v) strategi pinjaman yang mengutamakan sumber pasaran modal tempatan dengan meminimumkan pendedahan kepada risiko tukaran mata wang asing.

Untuk kefahaman semua orang, buat masa sekarang pinjaman kita dari luar negara hanya RM28 bilion, lebih kurang hanya dua peratus kepada KDNK. Ia lebih rendah daripada pada tahap maksimum yang dibenarkan RM35 bilion.

Ke arah mencapai kedudukan fiskal yang mampan sebagaimana dalam FRA, kerajaan akan sentiasa terus memperkukuhkan kedudukan fiskal melalui beberapa langkah utama termasuk memperkukuhkan sistem percukaian menerusi perluasan asas cukai serta meningkatkan pematuhan seperti langkah memperkenalkan cukai keuntungan modal dan perluasan cukai perkhidmatan. Di samping itu, usaha untuk menggalakkan pelaburan hijau

dan ekonomi digital turut diberikan penekanan termasuk insentif khas untuk sektor tenaga boleh diperbaharui dan teknologi tinggi.

Belanjawan 2024 menggariskan langkah-langkah pragmatik yang bukan sahaja tertumpu dengan pengurusan defisit dan hutang melalui penjanaaan hasil tambahan serta mengoptimumkan perbelanjaan, tetapi juga menekan pengurusan ekonomi yang proaktif. Pendekatan ini telah menyokong pertumbuhan ekonomi dalam persekitaran inflasi yang terkawal selain memperkukuhkan daya tarikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan. Pelaburan awam terus dipacu melalui projek infrastruktur strategik manakala pelaburan swasta menunjukkan peningkatan selari dengan keyakinan pelabur terhadap prospek ekonomi negara.

Langkah penstrukturan semula subsidi dan bantuan sosial turut diperhalusi bagi memastikan sumber negara dapat disalurkan dengan lebih berkesan kepada golongan yang benar-benar memerlukan. Inisiatif seperti program BUDI MADANI, Sumbangan Tunai Rahmah dan SARA mencerminkan usaha kerajaan dalam memperkukuhkan jaringan perlindungan sosial yang lebih bersasar. Pendekatan holistik ini bukan sahaja menyokong kestabilan fiskal, tetapi juga memastikan pertumbuhan yang mampan, inklusif selari dengan matlamat jangka panjang pembangunan negara.

Berhubungan dengan pertanyaan Yang Berhormat Senator Dr. Mujahid mengenai cadangan Rang Undang-undang Perolehan Kerajaan, *insya-Allah* bagi mengukuhkan tata kelola perolehan kerajaan serta perundangan, kerajaan akan membentangkan RUU ini dalam mesyuarat yang akan datang. Beberapa Ahli Yang Berhormat ada menyentuh mengenai pelaksanaan program penyasaran subsidi oleh kerajaan. Antaranya Senator Dr. Hajah Wan Martina, Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Mujahid dan Yang Berhormat Senator Puan Anna Bell.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum, tahun 2024- kerajaan telah membelanjakan lebih RM70 bilion untuk subsidi, insentif dan bantuan. Perbelanjaan ini melebihi anggaran asal Belanjawan 2024 yang sebanyak RM58 bilion. Antara sebab utama peningkatan tahun lalu adalah untuk menampung keperluan tambahan bagi subsidi produk petroleum RON95 dan diesel dan gas petroleum cecair (LPG). Belanjawan 2024 disediakan berdasarkan andaian penyasaran subsidi diesel dan RON95 akan dilaksanakan pada awal tahun lalu. Akhirnya, kerajaan hanya melaksanakan penyasaran subsidi diesel pada bulan Jun 2024 dan telah menangguhkan pelaksanaan penyasaran subsidi diesel pada tahun ini.

Langkah ini diambil kerana mengambil kira penyasaran subsidi juga telah dilaksanakan pada tahun 2024 untuk elektrik pada bulan Januari dan selanjutnya tarif air pada bulan Februari tahun 2024. Penjadualan penyasaran semula subsidi merupakan

penyumbang utama kerajaan menampung komitmen tambahan RM12.1 bilion berbanding anggaran asal untuk subsidi petroleum sebanyak RM18.52 bilion.

Yang Berhormat Senator Datuk Seri Mujahid juga ada menyentuh berhubungan mekanisme penyasaran subsidi petrol RON95. Untuk makluman semua, ia adalah selaras dengan penyasaran subsidi elektrik dan diesel iaitu melibatkan penetapan harga berperingkat di mana majoriti rakyat layak untuk subsidi dan akan terus menikmati harga bersubsidi. Penyasaran subsidi elektrik mengguna pakai pendekatan iaitu pengguna elektrik dengan tahap penggunaan yang lebih tinggi dikenakan tarif elektrik yang lebih tinggi. Penyasaran subsidi diesel pula menetapkan harga jualan di pam tanpa subsidi pada masa ini RM3.03.

■1410

Subsidi kemudian disasarkan kepada sektor yang layak seperti kenderaan sektor logistik dengan menggunakan *fleet card* untuk terus dapat membeli diesel pada harga bersubsidi iaitu RM2.15 iaitu 88 sen lebih rendah seliter. Sementara pengguna yang layak dapat menerima bantuan BUDI MADANI sebanyak RM200 sebulan. Pendekatan ini telah banyak menolong untuk meringankan beban kenaikan harga yang ada.

Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof: Tuan Speaker, boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Terpujang kepada Menteri, dia beri laluan tak?

Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof: Saya takut saya terlepas tadi poin-poin penting yang telah dibangkitkan itu.

Pertama, dari sudut meluaskan lagi kita kata pendapatan negara melalui cukai. Tadi ada seorang sahabat dan beberapa orang juga ada menimbulkan soal GST sebagai sebahagian daripada nak meluaskan lagi pendapatan negara. Apakah kerajaan berhasrat atau kalau tidak, kenapa? So, itu satu soalan yang perlu mendapat penjelasan sebab di luar sana kita banyak mendengar untuk- ramai yang minta supaya dikembalikan balik GST.

Kedua, saya ingin panjangkan soalan ini juga kepada satu alasan kenapakah penjadualan RON95 itu tidak dapat dilaksanakan? Adakah kerana beban daripada penyasaran diesel dan juga sebelumnya tarif elektrik? Apakah diambil kira isu-isu politik semasa yang kita ditekan dengan berbagai satu saranan yang negatif terhadap subsidi dan penyasarannya sehingga kerajaan menjadi terpaksa ambil kira kepentingan rakyat daripada segi kefahaman mereka? Adakah itu juga dikira sebagai sebahagian daripada sebab kenapa penyasaran subsidi RON95 itu tidak dilaksanakan? Kalau dah ada jawapannya dan dah tahu strateginya, adakah ia akan dilaksanakan tahun ini? Apakah masih ditangguhkan sehingga tahun 2026? Mohon penjelasan dan pencerahan.

Datuk Seri Amir Hamzah bin Azizan: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Yang pertama soalan GST tadi. Sebenarnya, kalau kita lihat pendekatan yang digunakan oleh

kerajaan ialah menggunakan sistem yang kita sedia ada sekarang, SST kerana kefahaman untuk penggunaan SST dah lebih meluas sekali. Apa kita buat, kita melebarkan *catchment* yang ada untuk SST.

Namun, walaupun kita melebarkan kita juga mengambil kira sektor-sektor yang mungkin ada impak kepada penggunaan barangan asas. Jadi, pengecualian diberikan dalam pendekatan kita menggunakan pelebaran SST ini adalah lebih cepat lagi dibuat pada GST. Kalau kita tengok daripada segi GST, ia mungkin mengambil dalam 18 bulan hingga 24 bulan sebelum boleh diperkenalkan semula kerana banyak- syarikat-syarikat baharu yang dah tubuhkan yang tak ada sistem untuk GST dan juga mereka yang dulu ada GST mungkin dah berubah ke cara lain, kita terpaksa mengenakan.

Jadi, buat masa sekarang pendekatan kerajaan ialah menggunakan SST yang ada sekarang dan juga untuk fokus meningkatkan lagi pendapatan daripada segi rakyat kerana itulah kita nampak penjawat awam dinaikkan penggajinya, penyelarasan yang dibuat hujung tahun lalu dan permulaan tahun 2026 dan juga daripada segi gaji minimum dinaikkan daripada RM1,500 kepada RM1,700. Bila ada lebih ruang kita boleh melihat balik untuk penggunaan GST.

Ditanya juga pasal RON95. Apa yang penting kita kena ingat pada tahun lalu kita telah mengesahkan elektrik, kita dah buat air, lepas itu kita buat diesel. Jadi, ada banyak yang berubah dalam tahun lalu, tapi bila-bila kita buat beberapa pertukaran, yang pentingnya mekanismenya kena tepat. Kita kena tahu yang bila kita mengubah benda itu, sasarannya akan sampai kepada mereka yang sepatut mendapat pertolongan.

Jadi, untuk RON95 kerana penggunanya ramai, kita kena mengenakan sistem penggunaan yang lebih mantap agar dapat- tak akan ada kekurangan dalam proses yang mereka mendapati. Jadi, untuk sistem RON95 kita akan menggunakan sistem penggunaan MyKad sebagai satu rujukan utama kerana kita nak yang subsidi yang bersasar yang kita bagi ini akan sampai kepada rakyat kita. Bukan mereka yang bukan rakyat Malaysia. Jadi, penggunaan MyKad adalah satu sistem yang baik.

Kita telah nampak pencapaian yang kita nampak dalam Sistem SARA yang kita menggunakan MyKad. Buat masa sekarang 700,000 orang telah menggunakan sistem untuk mendapat bantuan SARA. Bulan depan mulai 1 April, ia akan berganjak kepada 5.4 juta orang yang layak mendapat SARA. Sistem SARA ini diperluaskan kepada seluruh negara di mana mereka boleh menebus bantuan yang diberi melalui IC daripada lebih pada 3,500 buah kedai runcit ataupun *supermarket* di seluruh negara.

Jadi, bila ada sistem yang berjalan dengan lancar itu, *confident level* daripada kerajaan menggunakan MyKad telah naik dengan lebih baik lagi dan kita rasa kita boleh menggunakan MyKad untuk nak melaksanakan sistem untuk RON95. Jadi, akan ada dua harga. Harga untuk

mereka yang tak layak dan harga yang mereka layak dengan menggunakan MyKad. Itulah pendekatan yang kita akan gunakan untuk RON95.

Buat masa sekarang kita masih bekerjasama dengan peniaga minyak, syarikat-syarikat minyak untuk melaksanakan pembaharuan kepada sistem mereka agar boleh menggunakan MyKad itu sebagai bukti dan dia layak mendapat bantuan di dalam kedai dan juga di pam. Jadi, tak ada nanti *congestion* yang akan ada di stesen minyak.

Ada juga beberapa Yang Berhormat yang menanya balik isu pasal *e-Invoice* kerana kerisauan tentang PMKS. Mungkin saya ulang balik beberapa perkara yang peting. Semasa kita mula mengenakan *e-Invoice* ini, kita buat secara berfasa di mana kita bermula dulu dengan mereka yang ada *revenue* lebih pada RM100 juta tahun lalu. Tahun ini kita berganjak pada mereka antara RM25 juta kepada RM100 juta. Diharap masa kita mula mengenakan *e-Invoice*, semua orang akan menggunakannya mulai Julai tahun ini.

Namun, selepas menengok balik, kita pun dah bagi kelonggaran di mana mereka yang ada jualan bawah pada RM150,000 diberi pengecualian. Bila kita bagi pengecualian itu tahun lalu, lebih 700,000 orang peniaga tak payah masuk *e-Invoice* juga. Untuk tahun ini kita pun memahami yang masih ada kegusaran di antara PMKS. Jadi, kita pun telah menangguhkan pelaksanaan untuk mereka antara RM150,000 ke RM500,000 pada Januari tahun lalu. Antara masa sekarang sampai bulan Januari masa depan, LHDN akan terus membina sokongan untuk menolong PMKS untuk dapat menggunakan sistemnya dengan lebih lancar lagi.

Ini termasuklah penggunaan *apps* yang ada dalam telefon, web yang dia binakan secara percuma tak payah PMKS untuk membina sistem dia sendiri. Jadi, kita harap dengan ada peningkatan ini, kita dapat menolong sebanyak mana mereka yang boleh masuk ke dalam sistem *e-Invoice*.

Untuk kefahaman semua, buat masa sekarang dah sampai 27,299 buah syarikat telah masuk dalam sistem *e-Invoice*. LHDN pun telah menerima lebih pada 220 juta *e-Invoice* yang telah masuk kepada sistem LHDN. Baru-baru ini ada sikit diuar-uarkan oleh LHDN yang dia telah mendapat analisa daripada fasa yang pertama di mana dia telah mengenal pasti lebih pada 60,000 mereka yang tak mendaftar untuk membayar cukai.

Jadi, bila kita ada *e-Invoice* ini kita nampak ada ketelusan dan kita berharap mereka yang sepatutnya membayar cukai akan mula membayar cukai kerana ini adalah tanggungjawab mereka.

■1420

Jadi, bila kita dah dapat semuanya, kita harap hasil negara akan naik bukan kerana kita cari cukai baharu, tetapi kerana mereka yang sepatutnya menjalani tanggungjawab mereka membuat tanggungjawab mereka.

Ada juga beberapa Yang Berhormat menyentuh fasal minyak masak kerana bawah KPDN, kita telah meminta perbelanjaan tambahan lebih daripada RM1.2 bilion. Ini adalah kerana beberapa fakta yang penting yang kita harus ingat. Semasa kita buat anggaran dulu, harga pasaran bagi *refined, bleached and deodorised palm oil* (RBD) *Palm Oil*, RBD *Palm Olein* telah meningkat daripada harga *threshold* yang ditetapkan iaitu RM2,300 per tan kepada purata pada tahun 2024, RM4,411 se tan iaitu RM2,111 lebih tinggi daripada harga *threshold* kerana itulah perbelanjaan untuk subsidi daripada kerajaan mengikut kenaikan yang diadakan.

Namun, awal tahun ini kita pun telah nampak kenaikan juga lagi daripada segi harga minyak masak- minyak, *palm oil*. Jadi, buat masa ini kita telah memberi kelonggaran sedikit di mana kerajaan juga akan menampung lebih RM54 juta lagi tambahan untuk tahun ini untuk menyokong pengeluaran minyak masak tempatan untuk botol 1kg, 2kg dan 5kg kerana kita tak nak kekurangan *supply* yang ada di *market*, tetapi bagi jangka masa panjang, KPDN akan memperhalus sistem kawalan yang lebih ketat lagi di mana kita berharap kita akan dapat mengurangkan ketirisan di mana penjualan minyak masak itu berganjak kepada mereka yang tak layak seperti warga asing, seperti mungkin jualan yang keluar daripada negara. Ini masih dalam perhalusan daripada KPDN.

Ada juga pertanyaan tadi berkenaan Kementerian Pendidikan Malaysia. Ini ialah kerana ada peruntukan tambahan untuk sekuriti dan penyucian yang ada. Sebenarnya, saban tahun kita dah nampak yang ada peruntukan tambahan terpaksa diberikan. Jadi daripada segi dasarnya, tahun lalu pendekatan yang dibuat oleh Kementerian Kewangan dan Kementerian Pendidikan ialah untuk melangsaikan apa-apa tunggakan yang ada dari tahun yang sebelumnya kerana kita tak nak pengusaha-pengusaha kecil itu dia tak dibayar walaupun dia telah menjalankan obligasi dia. Jadi, dengan itu lebih daripada RM400 juta ialah untuk melangsaikan *payment* yang sepatutnya dilangsaikan sebelumnya.

Untuk tahun lalu juga kerana ada juga perubahan mengikut kontrak kerana peningkatan gaji, kita juga memberi lebih daripada RM300 juta untuk menampung kenaikan gaji minima yang diadakan untuk sektor ini dan juga kita telah dapat membayar secukupnya sampai hujung tahun lalu. Jadi, tak ada lagi pembayaran yang tidak dibayar tahun lalu. Inilah pendekatan untuk kerajaan. Kita tak nak pengusaha-pengusaha kita bergantung kepada hutang kerana kerajaan tak bayar dia walaupun dia telah menjalankan pekerjaan. Jadi, untuk tahun lalu kita terpaksa meningkatkan peruntukan sebanyak RM1.76 bilion.

Kita berharap dengan peningkatan yang baharu yang kita akan buat dengan Kementerian Pendidikan, kita akan lihat semula macam mana kita boleh ada peluang untuk mengurangkan perbelanjaan dengan cara kaedah baharu, kalau ada.

Kedua, saya terima cadangan-cadangan yang diberikan oleh Senator semua. Kalau cara perolehannya, kalau boleh jadi lebih efektif, kita akan berbincang dengan Kementerian Pendidikan...

Seorang Ahli: Setuju.

Datuk Seri Amir Hamzah Azizan: Ada juga Senator yang menyentuh tentang pertambahan untuk Kementerian Pengajian Tinggi. Untuk makluman, kerajaan mengekalkan pemberian geran mengurus tahunan kepada semua universiti awam di mana kaedah penyaluran geran mengurus berasaskan keperluan emolumen universiti awam dan siling *indicative* anggaran perbelanjaan mengurus tahunan yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan.

Untuk universiti penyelidikan, geran mengurus daripada MoF adalah untuk membiayai pembayaran emolumen sahaja. Untuk universiti bukan penyelidikan, geran mengurus adalah untuk pembiayaan pembayaran emolumen dan sebahagian keperluan pengoperasian universiti seperti utiliti, sewaan dan pembelian perkhidmatan. Kos-kos yang lain ditampung menggunakan sumber dalaman yang dijana oleh aktiviti pendapatan yang dibuat oleh universiti awam sendiri.

Beberapa buah universiti awam contohnya UiTM, USIM dan UIAM telah mengemukakan permohonan tambahan untuk peruntukan bagi tujuan perbelanjaan utiliti disebabkan kedudukan rizab yang masih berkurangan. Sehubungan itu, peruntukan tambahan disediakan untuk menampung untuk mereka juga.

Untuk universiti awam dan hospital pengajar universiti yang merangkumi perbelanjaan kontrak fasiliti, utiliti dan lain-lain, perbelanjaan juga ditambah untuk perubatan staf, aktiviti pelajar, pembekalan perubatan pusat dan kesihatan, pembekalan makmal dan kos penyelenggaraan MRI dan *CT scan*. Jadi, ini adalah satu isu yang kita ada.

Kita masih mencari jalan mana kita boleh menambah peruntukan bila ada ruang sedikit dalam bajet yang kita ada terutamanya untuk bidang universiti-universiti yang kita ada. Kita tak nak pelajar-pelajar kita ketinggalan kerana keadaan situasi di mana fasilitinya daif sekali. Jadi, kerajaan akan terus mendapat pendekatan di mana kalau kita ada penjimatan yang kita ada dan kalau benda itu betul-betul, kita akan buat tambahan kalau kita boleh ada ruang untuk meningkatkan pertolongan untuk universiti kita.

Dalam *area* Suruhanjaya Pilihan Raya, sebenarnya apa yang kita masukkan adalah hanya tambahan kepada SPR. Tambahan kerana kita ada empat pilihan raya kecil yang diadakan tahun lalu dan ini bukan peruntukan kesemua untuk SPR. SPR diperuntukkan melalui belanjawan yang kita adakan. Jadi, dengan tambahan ini dia cukup untuk semua perbelanjaan yang diadakan untuk pilihan raya kecil. Walaupun ada banyak cadangan tadi,

saya rasa cadangan itu saya tak boleh sambut kerana itu bukan bidang kuasa saya, tetapi... [Ketawa] Saya rasa ini akan dikemukakan kepada mereka yang boleh sambut.

Mungkin satu isu yang berlegar-legar buat masa sekarang. Isu tentang pinjaman RM1.1 bilion untuk Sapura Energy Berhad. Walaupun pinjaman RM1.1 bilion bukan dalam rang undang-undang ini kerana ini adalah peruntukan untuk tahun ini, mungkin saya bagi pencerahan sedikitlah kenapa pinjaman ini adalah satu benda yang penting dan kenapa kerajaan menolong untuk memberi pinjaman. Ini kerana kalau kita lihat daripada segi dasarnya, Sapura Energy adalah satu- anak syarikat yang membuat bisnes dalam sektor *oil and gas*. *Oil and gas* adalah satu sektor yang penting dan strategik dalam negara.

Daripada segi pendekatannya, kita tak boleh ada kekurangan daripada institusi yang boleh menolong menjana aktiviti *oil and gas* di dalam negara. Kalau apa-apa terjadi kepada *Sapura Energy*, kebergantungan Malaysia kepada mereka yang *provide services* dari luar negara akan bertambah dan ini akan meningkatkan risiko projek-projek yang diadakan di dalam Malaysia akan menjadi lebih mahal dan mungkin menjadi lebih lama lagi kerana kena membawa perkakasan itu dari luar negara. Jadi, ini adalah satu benda yang penting untuk kelangsungan sektor yang ada.

Kalau kita tengok cara mana kerajaan memberi pinjaman kepada Sapura, ia memberi pinjaman untuk melangsaikan hutang syarikat kepada vendor-vendor terutamanya vendor-vendor bumiputera.

■1430

Dia tidak member pinjaman untuk Sapura menggunakannya untuk menjana aktiviti baharu, tapi melangsaikan hutang-hutang, kerana kita takut yang banyak- vendor-vendor yang ada, vendor-vendor kecil-kecil ini, akan tak dapat hidup tanpa dapat suntikan yang akan datang daripada itu.

Daripada segi kerajaan pula, kita memberi pinjaman yang boleh diubah menjadi ekuiti, tapi pilihan untuk mengubah ialah kepada kerajaan, bukan daripada Sapura... [Dicelah] *First right revisor* pada kerajaan. Jadi, kalau kita melihat, Sapura telah berkembang dengan lebih baik, ada *value* untuk kita menukar, kita boleh menukar untuk dapat pulangan yang lebih baik daripada segi itu. Daripada segi pinjamannya, pinjamannya juga ada sekuriti lebih daripada RM3 bilion aset yang dicagarkan untuk kerajaan memberi pinjaman sebanyak RM1.1 bilion. Daripada segi sekuritinya memang dah ada dah.

Jadi, saya rasa pendekatan ini adalah satu pendekatan yang baik. Kita nak syarikat-syarikat yang beroperasi dalam sektor *oil and gas* ini terus hidup dan terus dapat menolong negara untuk aktif dalam sektor ini. Kita harap juga, pada masa depan, Sapura akan jadi lebih baik lagi dan bertanding semula di luar negara.

Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof: Tuan Speaker, saya tertarik isu Sapura ini. Saya rasa selain daripada apa yang telah dimaklumkan oleh Menteri sebentar tadi, memang baiklah, cuma saya rasa ada satu benda yang mungkin kena di-*highlight* juga di dalam Dewan yang mulia ini. Bahawa apabila kita membantu sesuatu syarikat yang ada kepentingan strategik, dia bukan sekadar suntikan duit, tetapi juga keseluruhan struktur kepimpinan organisasi itu, budaya dan juga cara mereka berbelanja juga mestilah disyaratkan. Kalau tidak, kita akan ulang balik suntik duit tapi tidak ada pulangan dan kerajaan terpaksa tanggung di bawah *liabilities* dia. Jadi, saya mohon pencerahan daripada pihak Menteri.

Datuk Seri Amir Hamzah Azizan: Terima kasih, Yang Berhormat Senator. Seperti yang dilaporkan- kita dah banyak dengar cerita ini, kan? Sebelum kerajaan menyuntik pinjaman sebanyak RM1.1 bilion, kita telah melihat balik operasi yang ada daripada Sapura. Dan daripada audit-audit yang diadakan, daripada *review* yang diadakan, dah ada banyak perubahan baik yang telah berlaku.

Kita telah nampak perubahan daripada segi Lembaga Pengarah Sapura dan meletak mereka yang memahami isu yang ada. Mereka yang masuk buat sementara pun telah banyak menyumbang untuk *turnaround Sapura Energy*. Mereka yang dulunya ada telah keluar kepada Sapura. Daripada segi pengurusan juga, kita dah ada pembaharuan baharu yang ada masuk dan ini akan terus dipantau melalui usaha-usaha di bawah PNB nanti.

Jadi, daripada segi semua- isu-isu yang dibangkitkan tadi, saya rasa saya telah memberi penerangan untuk apa yang ditanya. Ada beberapa cadangan yang diberikan kerana tak mengena kepada rang undang-undang ini, tapi saya akan melihat balik bila sampai untuk tahun ini punya belanjawan. Kerana, Senator Lingeshwaran ada bagi cadangan untuk sekolah tadi, kan? Jadi, kita akan tengok bila ada ruang, boleh tak kita tambahkan dengan cara yang lain.

Jadi, Dato Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin mengakhiri penggulungan ini. Sukacita saya mengucapkan penghargaan dan terima kasih atas pandangan dan input-input semua yang dikongsi oleh Senator-senator semua sepanjang perbahasan ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua]

Bacaan Kali Yang Ketiga

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

Menteri Kewangan (II) [Datuk Seri Amir Hamzah Azizan]: Dato' Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2024 dan bagi peruntukan jumlah wang itu untuk maksud tertentu bagi tahun itu telah dipersetujukan tanpa pindaan.

Saya mohon mencadangkan bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 53(2), rang undang-undang ini dibacakan kali ketiga dan diluluskan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Kewangan [Puan Lim Hui Ying]: Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (PINDAAN) 2025

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

2.37 ptg.

Menteri Kewangan (II) [Datuk Seri Amir Hamzah Azizan]: Dato Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta untuk meminda Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 dibacakan kali kedua sekarang.

Dato Yang di-Pertua, dalam ucapan Belanjawan 2025 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan pada 18 Oktober 2024, kerajaan telah mencadangkan untuk mewajibkan semua pekerja bukan warganegara Malaysia untuk mencarum kepada skim KWSP. Cadangan ini adalah selari dengan komitmen kerajaan untuk memberi layanan yang adil kepada semua pekerja tanpa mengira kewarganegaraan.

Bagi melaksanakan cadangan tersebut, terdapat keperluan untuk meminda Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 [Akta 452] melalui Rang Undang-undang Kumpulan

Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 2025 bertujuan untuk mengadakan peruntukan yang berhubung dengan tanggungan untuk membayar caruman dan kadar caruman yang kena dibayar ke atas pekerja bukan warganegara Malaysia.

Rang undang-undang ini mempunyai 11 fasal seperti berikut.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan dan memberi Menteri kuasa untuk menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuasa peruntukan yang berlainan di bawah akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda dalam kepala Bahagian VIIA Akta 452 untuk menggantikan perkataan “ahli kumpulan wang” dengan perkataan “pekerja” supaya selaras dengan pindaan yang dibuat di bawah fasal 3.

Fasal 3 bertujuan untuk menggantikan seksyen 70A Akta 452 dengan seksyen baharu untuk memperuntukkan bahawa Bahagian VIIA Akta 452 adalah terpakai bagi pekerja bukan warganegara Malaysia yang negara domisilnya adalah di luar Malaysia, dan yang masuk dan berada secara sementara di bawah kuasa mana-mana pas yang dikeluarkan di bawah peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang berhubung dengan imigresen.

Fasal 4 bertujuan untuk meminda seksyen 70C Akta 452 seperti berikut:

- (i) subfasal 4(a) dan (c) untuk meminda subseksyen 70C(1) dan (3) Akta 452 untuk menggantikan perkataan “ahli kumpulan wang” dengan perkataan “pekerja” supaya selaras dengan pindaan yang dibuat bawah fasal 3; dan
- (ii) subfasal 4(b) untuk memotong subseksyen 70C(2) Akta 452 bagi membolehkan pekerja bukan warganegara Malaysia yang telah membuat pengeluaran kesemua amaun dalam kreditnya untuk terus bertanggungjawab mencarum tanpa perlu mengemukakan notis untuk mencarum kepada KWSP.

■1440

Fasal 5 bagi subseksyen 70d Akta 452, fasal 7 bagi seksyen 70f Akta 452 dan fasal 8 bagi seksyen 70h Akta 452 dipinda untuk menggantikan perkataan Ahli Kumpulan Wang dengan perkataan pekerja supaya selaras dengan pindaan yang dibuat bawah fasal 3.

Fasal 6 bertujuan untuk meminda subseksyen 70e Akta 452 seperti berikut:

- (i) subfasal 6A bagi memasukkan rujukan kepada subseksyen 43(8) Akta 452 untuk mengecualikan pekerja bukan warganegara Malaysia daripada membuat caruman sukarela;
- (ii) subfasal 6(b) bagi memotong rujukan pada seksyen 55A selain subseksyen 2 Akta 452 bagi membolehkan pekerja bukan warganegara Malaysia untuk mengeluarkan semua atau sebahagian

daripada amaun yang ada pada kreditnya apabila pekerja itu mencapai umur 55 tahun; dan

- (iii) subfasal 6(c) untuk menggantikan perkataan Ahli Kumpulan Wang dengan perkataan pekerja supaya selaras dengan pindaan yang dibuat di bawah fasal 3.

Fasal 9 bertujuan untuk meminda Jadual Pertama Akta 452 dengan memotong perenggan 6 dan 7 Jadual untuk mengenakan tanggungan untuk membayar caruman ke atas pekerja bukan warganegara Malaysia. Fasal 10 bertujuan untuk meminda Jadual Ketiga Akta 452 untuk memotong bahagian (b) dan (d) serta memasukkan bahagian (f) baharu untuk menetapkan kadar caruman yang terpakai bagi pekerja bukan warganegara Malaysia.

Fasal 11 memperkatakan peruntukan peralihan. Oleh yang demikian pindaan yang dicadangkan ke atas Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 2025 adalah penting bagi melaksanakan tanggungan untuk membayar caruman KWSP secara mandatori kepada pekerja bukan warganegara Malaysia selaras dengan inisiatif Belanjawan 2025 yang bertujuan untuk meningkatkan perlindungan sosial yang setara antara pekerja warganegara Malaysia dan pekerja bukan warganegara Malaysia dalam pasaran buruh.

Dato Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Kewangan [Puan Lim Hui Ying]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Ada seramai 13 orang ahli yang hendak berbahas. Maka ditetapkan setiap seorang diberi 8 minit.

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas.

2.44 ptg.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Dato Yang di-Pertua. Yang di-Pertua, RUU ini merupakan satu pindaan yang signifikan dan membawa manfaat kepada mahupun pekerja warga asing dan juga majikan. Saya ucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan atas usaha yang diperkenalkan ini. Namun saya ada beberapa persoalan yang ingin saya bangkitkan.

Isu pertama ialah caruman RM5. Saya ingin mencadangkan agar dikekalkan caruman KWSP RM5 *share* majikan untuk setiap pekerja bukan warganegara bersama *share* KWSP pekerja asing sebanyak 11 peratus. Cadangan ini meningkatkan sumbangan majikan

sebanyak RM5 untuk setiap pekerja asing kepada dua peratus sedangkan sumbangan sukarela kepada KWSP oleh pekerja asing yang dicadangkan dikurangkan daripada 11 peratus kepada dua peratus yang diwajibkan.

Cadangan caruman majikan sebanyak dua peratus telah mengundangkan perasaan kurang puas hati bila mereka telah pun dibebankan dengan pindaan kepada Akta Pekerjaan yang berkuat kuasa pada 2024 seperti berikut. Jumlah wang kerja mingguan disingkatkan daripada 48 jam kepada 45 jam yang menaikkan kos gaji sebanyak 10 peratus. Cuti bapa sebanyak tujuh hari untuk lima orang anak pertama dan Cuti Bersalin yang ditambah kepada 60 hari kepada 98 hari.

Kesemua ini menambahkan beban kepada perniagaan khususnya IKS, tetapi mereka rela berkorban demi kebajikan pekerja Malaysia. Persoalannya ialah mengapa majikan Malaysia khususnya IKS perlu berkorban untuk pekerja asing dengan sumbangan dua peratus KWSP? Sumbangan KWSP oleh pekerja asing perlu dikurangkan daripada 11 peratus kepada dua peratus. Boleh kah KWSP menyatakan caruman penambahan atau tambahan yang boleh diterima kepada *share* majikan dua peratus ini?

Isu yang seterusnya ialah dana KWSP. Jika betul kerajaan mahu melihat dana KWSP semakin meningkat dan berupaya untuk menyumbang meningkatkan ekonomi dan merencanakan pembangunan dalam negara mari kita lihat caruman pekerja tempatan gaji RM5,000 dan ke bawah carumannya ialah 11 peratus. Caruman pekerja dan caruman majikan ialah 13 peratus. Manakala gaji RM5,000 hingga RM20,000 caruman pekerja ialah 11 peratus dan majikan 12 peratus.

Persoalan saya mengapa ada perbezaan yang ketara antara cadangan kerajaan untuk mengenakan sumbangan ataupun caruman wang asing hanya dua peratus berbanding pekerja tempatan 11 peratus. Sedangkan matlamat caruman tadi ini antara lain untuk meningkatkan ekonomi negara. Jika dilihat tempoh maksimum pekerja-pekerja asing 10 tahun. Ada juga di kalangan pekerja tempatan yang hanya mampu bekerja 10 tahun, tetapi caruman mereka kekal sehingga 11 peratus. Jadi saya mencadangkan agar caruman KWSP pekerja asing ini dinaikkan daripada dua peratus kepada satu jumlah yang munasabah ataupun mempunyai 11 peratus kadar caruman pekerja tempatan.

Isu seterusnya pekerja asing kontrak. Tuan Yang di-Pertua, risiko majikan menggaji pekerja asing kontrak jangka pendek juga perlu diambil kira. Bagaimana kerajaan akan menangani kemungkinan majikan cuba mengelak dengan menggaji pekerja asing secara kontrak jangka pendek.

Jika majikan melihat caruman ini sebagai beban kewangan, mereka boleh sahaja menggaji pekerja asing dalam tempoh lebih singkat bagi mengelak daripada tanggungjawab mencarum. Bukan itu sahaja Yang di-Pertua, kita berdepan risiko peningkatan penggajian

pekerja asing tanpa dokumen sah kerana majikan akan mencari jalan mengurangkan kos mereka. Kita tidak mahu dasar yang bertujuan melindungi pekerja asing ini akhirnya membuka ruang kepada eksploitasi pekerja asing melalui skim kontrak yang tidak tetap. Kita tahu juga bahawa dalam sistem sedia adapun, tempatan majikan yang gagal mencarum KWSP bagi pekerja tempatan. Kini dengan kewajipan baharu ini adakah kerajaan mempunyai mekanisme pemantauan bagi memastikan semua majikan mematuhi kewajipan mencarum.

Isu seterusnya KWSP warga asing. Persoalan seterusnya adalah bagaimana pekerja asing ini akan mengakses simpanan mereka apabila mereka pulang ke negara mereka kelak. Jadi RUU ini masih belum jelas tentang prosedur pengeluaran KWSP bagi pekerja asing yang telah tamat kontrak ataupun kembali ke negara asal. Jika tidak ada mekanisme yang jelas, kita khuatir akan ada kemungkinan berlaku aliran keluar tunai yang besar apabila pekerja asing ini nanti mengeluarkan semua simpanan mereka sekali gus.

■1450

Oleh itu, ia akan memberi kesan kepada kestabilan dana KWSP dan sekali gus ekonomi negara kita. Maka saranan 'Mas Gading' adalah untuk diwujudkan satu struktur pengeluaran berperingkat bagi pekerja asing seperti berikut, sebanyak 50 peratus simpanan boleh dikeluarkan serta-merta selepas mereka meninggalkan negara kita dan 50 peratus lagi syer sekarang. Ansuran dalam tempoh satu atau tiga tahun bagi memastikan aliran keluar tunai ini terkawal dan tidak menjejaskan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik kepada perhatian dalam Dewan yang mulia ini ialah isu ini tidak berdokumentasi yang merupakan golongan yang unik di Sabah. Di Sabah, terdapat lebih sejuta golongan tidak berdokumentasi iaitu kebiasaan 99 peratus berlaku semasa bapa dia ialah warganegara dan ibunya bukan warganegara.

Dalam Perlembagaan Malaysia, golongan ini sepatutnya layak untuk memohon warganegara tetapi sebelum Sabah dan Sarawak membentuk Malaysia dengan Malaya, kebanyakan surat nikah mereka tidak diiktiraf atau lewat pendaftaran kerana pengangkutan dulu di Sabah tidak begitu baik. Sekarang sudah menjelang kepada generasi kelima keturunan ini. Mereka dibenarkan tinggal di Malaysia, tetapi tidak dibenarkan bersekolah dan bekerja.

Jadi, dalam pindaan ini saya harap pertimbangan dan jasa baik daripada PERKESO atau pihak kerajaan, kita boleh menyerap mereka ini golongan yang tidak berdokumentasi. Sedangkan saya mendengar ada usaha daripada kerajaan untuk kita mengiktiraf pelarian UNHCR tetapi kenapa kita tidak menyerap golongan ini yang sekian lama setelah 50 tahun tinggal di Sabah ini sebagai satu golongan yang mencarum KWSP.

Isu yang terakhir ialah tentang simpanan KWSP oleh pekerja asing ini digunakan untuk waktu kecemasan. Waktu kecemasan maksud saya ialah ada banyak kes- saya sebagai

peguam yang mengendalikan kes-kes kemalangan, ada warga asing tidak ada kemampuan untuk bayar implan atau besi dalam- kalau dia ada paha patah atau tibia atau fibula patah atau ulna atau radius dia patah, mereka perlu wang untuk beli besi. Bolehkah mereka dibenarkan untuk menggunakan duit KWSP ini untuk waktu kecemasan itu? Saya harap kementerian akan pertimbangkan isu ini. Sekian, terima kasih dan saya sokong RUU ini.

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat Senator Puan Noorita.

2.53 ptg.

Puan Noorita binti Sual: *Kaansayan.* Terima kasih Dato Speaker. Salam sejahtera dan salam Malaysia MADANI kepada semua rakan Senator sekalian.

Dato Speaker, saya ingin menyatakan sokongan penuh saya terhadap pindaan yang saya kira merupakan satu langkah progresif dalam usaha untuk meningkatkan sistem dan struktur keselamatan sosial tenaga kerja negara kita. Tidak mengira sama ada tenaga kerja tempatan mahupun tenaga kerja asing serta memastikan sistem perlindungan sosial yang lebih inklusif dan selari dengan piawaian antarabangsa.

Pindaan ini juga merupakan satu langkah yang mencerminkan keadilan dalam sistem pasaran buruh negara dengan memperluaskan liputan caruman KWSP kepada pekerja bukan warganegara. Dengan mewajibkan caruman ini, kita bukan sahaja memberi perlindungan yang lebih inklusif dan mampan kepada pekerja tetapi juga menstabilkan struktur gaji kebangsaan dan kos tenaga kerja negara.

Saya percaya, pindaan ini akan mengurangkan jurang kos buruh antara pekerja tempatan dan asing. Kalau sebelum ini, ramai majikan lebih cenderung mengambil pekerja asing kerana mereka tidak perlu dan tidak wajib mencarum KWSP bagi pekerja bukan warganegara. Dengan pindaan ini, caruman KWSP yang akan diwajibkan kepada semua pekerja asing yang mempunyai permit kerja yang sah akan menyebabkan kos mengambil pekerja asing dan pekerja tempatan akan menjadi lebih seimbang.

Justeru itu, saya percaya pindaan ini dapat mengurangkan insentif majikan untuk terlalu bergantung kepada tenaga kerja asing yang lebih murah, sekali gus membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia.

Apa yang membimbangkan saya ialah adakah dengan pindaan ini, kita secara tidak langsung akan menggalakkan majikan untuk mengambil pekerja asing yang tidak mempunyai dokumen dan permit kerja yang sah? Perkara ini saya lihat daripada konteks tenaga kerja di Sabah. Kita sudah sedia maklum kalau di Sabah, terlampau ramai mereka yang tidak mempunyai dokumen bukan warganegara termasuk mereka yang tanpa kerakyatan.

Jadi saya ingin bertanya, bagaimanakah kerajaan akan memastikan semua majikan akan patuh kepada peraturan ini? Adakah kita mempunyai mekanisme pemantauan yang

mencukupi untuk mengelakkan eksploitasi dan ketidakpatuhan? Apakah langkah pemantauan untuk memastikan majikan tidak mengambil pekerja yang tidak sah terutamanya di kawasan-kawasan yang mempunyai ramai tenaga kerja asing tanpa dokumen dan tanpa permit kerja yang sah?

Seterusnya Dato Speaker, fasal 10 yang menyentuh tentang kadar caruman. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Kementerian Kewangan, apakah rasionalnya kadar dua peratus ini? Kalau sebelum ini kadar caruman pekerja bukan warganegara ditetapkan pada kadar 11 peratus dan majikan RM5. Apakah yang akan berlaku kepada pekerja asing yang sedang mencarum pada kadar 11 peratus ini kelak? Adakah mereka mempunyai hak untuk mengekalkan kadar caruman 11 peratus ini atau caruman mereka wajib diturunkan kepada dua peratus?

Begitu juga di pihak majikan. Adakah mereka mempunyai hak untuk mengekalkan RM5 ini atau wajib mencarum pada kadar dua peratus selepas pindaan ini berkuat kuasa? Adakah pekerja asing ini diberikan hak untuk menambah caruman secara sukarela di bawah pindaan ini? Terakhir, untuk memberikan keadilan kepada semua pihak, adakah tempoh peralihan diberikan kepada majikan untuk melaksanakan tanggungjawab mereka di bawah pindaan ini kelak?

Perkara seterusnya Dato Speaker, kita perlu lihat pindaan ini juga daripada perspektif yang lebih luas. Saya juga berpendapat, kita bakal melihat manfaat dan impak yang positif terhadap tahap perlindungan sosial pekerja dan manfaat kepada ekonomi kita. Selama ini secara amnya, pekerja bukan warganegara yang bekerja di Malaysia dalam sektor kritikal seperti pembinaan, perladangan dan perkhidmatan tidak mempunyai jaminan simpanan masa hadapan. Jika berlaku sesuatu kepada mereka seperti kemalangan, kehilangan pekerjaan atau kecederaan, mereka sering tidak mempunyai perlindungan kewangan yang adil.

Jika kita lihat di negara lain, amalan ini bukanlah sesuatu yang baharu. Di Singapura, pekerja asing diwajibkan mencarum dalam *Central Provident Fund* (CPF) walaupun dengan kadar yang lebih rendah berbanding pekerja tempatan. Negara-negara Eropah juga mempunyai sistem perlindungan sosial bagi pekerja asing manakala kita di Malaysia, perlindungan sosial pekerja asing ini dilihat sebagai satu *option*, dengan izin dan bukannya kewajipan.

Dengan mewajibkan caruman KWSP kepada mereka, kita akan memberikan mereka perlindungan sosial yang lebih baik, memastikan mereka mempunyai dana persaraan jika mereka bekerja di Malaysia untuk jangka masa yang panjang, menikmati faedah simpanan persaraan dan dividen tahunan yang ditawarkan oleh KWSP serta mengurangkan kebergantungan mereka kepada bantuan kebajikan di kemudian hari. Tanpa simpanan persaraan, ramai pekerja asing mungkin menjadi beban sosial kepada negara kelak.

Langkah ini juga dilihat akan membantu menstabilkan pasaran buruh dengan mengurangkan jurang kos antara pekerja tempatan dan pekerja asing, sekali gus memastikan majikan memilih pekerja berdasarkan kemahiran dan produktiviti, bukan hanya kos yang lebih rendah semata-mata. Malaysia tidak boleh lagi bergantung kepada ekonomi berasaskan tenaga buruh murah sebaliknya perlu membina ekonomi yang lebih mampan dan berdaya saing, berteraskan kemahiran, inovasi dan kestabilan kewangan.

Dato Speaker, salah satu aspek penting dalam menarik pelaburan asing ialah kestabilan ekonomi dan dasar buruh yang adil serta berdaya tahan. Dengan pindaan ini, Malaysia telah menunjukkan kepada dunia bahawa kita mempunyai satu sistem perlindungan sosial yang kukuh, adil dan stabil. Ini saya yakin akan dapat meningkatkan keyakinan pelabur untuk menanam modal dalam negara kita.

Pelabur antarabangsa juga semakin berhati-hati dalam memastikan mereka melabur di negara yang mematuhi standard buruh yang diiktiraf dunia termasuk prinsip yang digariskan oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa. Ini juga dapat mengelakkan risiko sekatan perdagangan atau tindakan undang-undang daripada negara-negara rakan dagang yang menitikberatkan hak pekerja.

Negara seperti Singapura dan Korea Selatan telah menunjukkan bahawa sistem simpanan persaraan yang kukuh boleh menarik lebih banyak syarikat global untuk melabur dan menempatkan operasi mereka di negara tersebut. Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, terdapat laporan antarabangsa yang mengkritik Malaysia kerana eksploitasi pekerja asing dalam sektor seperti perladangan dan pembuatan.

■1500

Pindaan rang undang-undang ini membuktikan bahawa Malaysia komited untuk melindungi semua pekerja termasuk pekerja asing dan menghapuskan tanggapan negatif terhadap negara kita. Namun dalam kita menyokong pindaan ini, beberapa persoalan perlu diteliti. Persoalan yang pertama, adakah majikan sudah bersedia untuk menanggung kos tambahan daripada caruman wajib ini dengan keadaan kos sara hidup yang kian meningkat? Sebagai contoh, dalam sektor perladangan dan pembinaan masih bergantung tinggi kepada tenaga kerja asing. Kerajaan harus mengambil kira tiada kenaikan kos yang melampau kepada majikan sehingga menjejaskan daya saing perniagaan mereka.

Persoalan yang kedua, bagaimanakah kita memastikan pekerja bukan warganegara memahami hak dan tanggungjawab mereka dalam skim caruman ini? Kesedaran dan pendidikan adalah penting. Jika mereka tidak memahami sistem ini, ada kemungkinan majikan atau ejen mengambil kesempatan terhadap ketidaktahuan mereka. Kita perlu memastikan sistem komunikasi dan penyebaran maklumat jelas untuk semua pihak.

Dato Speaker, kesimpulannya, pindaan KWSP ini saya lihat bukan hanya sekadar memberi manfaat kepada pekerja asing dan tenaga kerja tempatan, malah ia merupakan strategi jangka panjang untuk memperkukuh daya saing Malaysia di peringkat antarabangsa. Ini adalah satu langkah ke arah pembangunan ekonomi yang lebih mampan dan berdaya maju. Saya percaya dengan kelulusan pindaan ini, kita sedang menuju ke arah Malaysia yang lebih stabil, berdaya saing dan progresif dalam pasaran global. Dengan ini, saya mohon menyokong.

Datuk Nelson W Angang: Sebelum itu, sebelum selesai ya, boleh saya mencelah sedikit?

Tuan Yang di-Pertua: Terpulang kepada YB itu. Kalau dia beri laluanlah.

Puan Noorita binti Sual: Okey, sila, sila.

Datuk Nelson W Angang: Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat. Sebentar tadi ada diutarakan pandangan bukan sahaja dari YB tetapi daripada rakan kita YB Senator sebelum ini berkaitan dengan mereka yang masih tidak mempunyai dokumen. Di Sabah ini, memang dikenali terdapat warga-warga asing yang ramai mereka, kehadiran mereka di Sabah yang memang sudah berdekad-dekad lamanya. Mereka ini adalah generasi ketiga, keempat pada waktu ini.

Ada pandangan mengatakan bahawa untuk menggunakan mereka sebagai tenaga pekerja di sektor-sektor kritikal seperti sektor pembinaan dan juga seperti perladangan. Ada juga seperti yang dikatakan tadi. Adakah Yang Berhormat setuju jika pihak kerajaan bersetuju untuk membenarkan golongan ini bekerja di sektor-sektor seperti yang dikatakan untuk mereka juga dihantar ke negeri-negeri lain di Malaysia, di seluruh Malaysia ini untuk memenuhi sektor-sektor kritikal seperti pembinaan dan perladangan ini yang memang kekurangan di negeri-negeri di seluruh Malaysia ini? Apakah pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Puan Noorita binti Sual: Saya kira itu satu pandangan yang sangat baik daripada YB Senator Datuk Nelson. Saya rasa itu juga akan dapat membantu daripada segi tenaga kerja di negara kita juga. Saya mohon masukkan dalam perbahasan saya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Michael Mujah.

3.03 ptg.

Tuan Michael Mujah Lihan: Terima kasih kepada Dato Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk sama-sama berbahas di dalam Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 2025 ini. Seperti kita- semua sedia maklum, pindaan ini adalah rentetan dari pengumuman yang dibuat oleh kerajaan pada 18 Oktober

2024 berkenaan cadangan mewajibkan semua pekerja bukan warganegara Malaysia untuk mencarum ke dalam skim KWSP.

Saya berpandangan pindaan ini terhadap akta ini lah satu langkah yang wajar disokong yang bukan sekadar memastikan keadilan dalam sistem perlindungan sosial kepada hampir 2.5 juta orang pekerja asing di negara kita ini, tetapi juga menunjukkan kematangan serta komitmen berterusan kerajaan dalam menguruskan tenaga kerja dengan lebih bertanggungjawab.

Polisi ini bukanlah sesuatu yang baharu di kebanyakan negara. Ada yang masih mengamalkan dan ada yang tidak. Kebanyakan negara ASEAN tidak mewajibkan, malah Singapura telah memansuhkan caruman *Central Provident Fund* (CPF) ini kepada pekerja asing di negara mereka pada tahun 2024, tetapi daripada konteks yang lebih luas CPF, lebih 70 buah negara di seluruh dunia seperti India, Australia, Libya, Jerman, *United Kingdom* dan Perancis telah pun bergerak dalam menyediakan perlindungan kepada para pekerja asing di negara mereka.

Menyentuh perkara ini, saya ingin mendapatkan pandangan kerajaan, sejauh manakah pengenalan caruman dua peratus ini dilihat bersesuaian dalam ekosistem industri buruh asing di negara ini? Ada juga yang berpendapat dengan pengenalan mandatori caruman dua peratus ini, kadar untuk menggaji pekerja asing selepas ini akan menjadi lebih mahal. Bagaimanakah kerajaan optimis bahawa langkah ini dapat meningkatkan kecenderungan majikan untuk menggaji tenaga buruh tempatan berbanding pekerja asing?

Dalam satu situasi yang lain, jika majikan melihat caruman ini sebagai beban kewangan, mereka boleh sahaja menggaji pekerja asing dalam tempoh lebih singkat bagi mengelak daripada tanggungjawab mencarum. Jadi, bagaimanakah kerajaan akan menangani kemungkinan bahawa terdapat majikan yang cuba mengelak caruman ini? Adakah kerajaan mempunyai mekanisme memantau bagi memastikan kesemua majikan mematuhi kewajipan mencarum?

Seterusnya, menerusi seksyen 70(e) iaitu pekerja asing hanya dapat mengeluarkan semua atau sebahagian amaun yang ada dalam akaun KWSP nya apabila pekerja itu mencapai umur 55 tahun. Kebanyakan pekerja asing ini tidak bekerja lama di sini. Paling lama pun mungkin 10 atau 20 tahun.

Jadi saya ingin bertanya, apakah justifikasi kerajaan dalam menetapkan seksyen ini? Mungkin kerajaan boleh mempertimbangkan agar pindaan ini menjadi lebih fleksibel kerana jika tidak, pekerja asing berkenaan mungkin perlu menunggu 15 hingga 25 tahun lagi untuk mengeluarkan wangnya sedangkan dia hanya bekerja di sini hanya sementara. Jika tidak, berkemungkinan dia ingin terus berada di Malaysia untuk jangka masa yang lebih lama.

Kesannya, industri buruh kita akan terus dilambakkan dengan kehadiran pekerja asing sebabnya kerana mereka ini hendak mengumpul simpanan jangka panjang di sini.

Selain itu, wujud juga kebimbangan dalam kalangan pemain industri kecil, sederhana (IKS) tentang peningkatan kos kesan dari caruman dua peratus ini yang sedikit sebanyak akan membebankan mereka. Di samping melindungi pekerja asing ini, bagaimanakah juga kerajaan dapat melindungi kemampuan industri IKS dengan pengenalan caruman ini? Dari satu sudut pandang, kita tidak boleh juga menafikan bahawa langkah ini akan meningkatkan kos operasi terutamanya syarikat yang bergantung kepada tenaga buruh asing seperti sektor perladangan, pembinaan dan perkilangan.

Pertamanya pertanyaan saya, bagaimanakah kerajaan boleh memastikan dengan pelaksanaan polisi ini kelak tidak akan menjadi alasan dan kesempatan untuk pemain industri mengalihkan beban kos mereka kepada rakyat sebagai pengguna akhir menerusi kenaikan kos harga barang? Terakhir ialah sejauh manakah sesi libat urus telah dilaksanakan kerajaan bersama pemegang taruh berkaitan? Selain *Malaysian Employers Federation*, *Federation of Malaysian Manufacturers* dan *Malayan Agricultural Producers Association*, pihak manakah lagi yang telah dilibat urus oleh kerajaan sehingga kini? Untuk melaksanakan keputusan seperti ini, saya berpandangan seharusnya proses libat urus yang lebih teliti dirangka dengan penuh harmoni untuk memastikan semua pihak benar-benar memahami implikasi dan pelaksanaannya.

■1510

Saya minta penjelasan menerusi pelaksanaan mandatori ini. Secara asasnya, pastilah saiz dana KWSP akan menjadi besar dan lebih banyak pelaburan akan dapat dilakukan untuk menjana keuntungan semula kepada ekonomi negara dan juga rakyat. Manakala, kita sedia maklum had siling kuota pekerja asing di negara ini ialah 15 peratus, seperti ketetapan semasa kerajaan.

Pertanyaan saya ialah berapakah maksimum saiz dana yang boleh dijana oleh kerajaan menerusi caruman mandatori 2 peratus ini, sedangkan hasil pekerja asing di negara ini adalah 5 peratus? Dengan maksimum saiz dana yang dijana ini, berapakah anggaran pelaburan yang berdasarkan kerajaan yang berpotensi untuk dilakukan?

Saya yakin berdasarkan reputasi KWSP seperti kemampuan pengagihan dividen 6.3 peratus bagi simpanan konvensional dan syariah baru-baru ini, manfaat yang lebih besar menanti rakyat Malaysia kesan pelaksanaan caruman mandatori ini nanti. Sikit masa.

Akhir kata, perlindungan sosial adalah hak kepada semua pekerja, sepertimana piawaian antarabangsa yang menetapkan bahawa setiap orang sebagai ahli masyarakat mempunyai hak terhadap keselamatan sosial. Dengan ini, saya menyokong pindaan Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 2025. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan, Yang Berhormat Senator Datin Hajah Ros Suryati.

3.12 ptg.

Datin Hajah Ros Suryati binti Alang: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Dato Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 2025 bertujuan untuk mengadakan peruntukan yang berhubung dengan tanggungjawab untuk membayar caruman dan kadar caruman yang dikenakan ke atas pekerja bukan warganegara Malaysia.

KWSP beroperasi sebagai salah satu- dana persaraan terbesar di dunia yang menguruskan portfolio pelaburan seperti saham, sekuriti pendapatan, pendapatan tetap atau bon, hartanah dan instrumen pasaran wang. Cadangan untuk menggalakkan warga asing juga mencarum dalam KWSP merupakan idea dan hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Ini kerana terdapat 11 buah negara asing yang dibenarkan bekerja dalam negara kita dalam sektor-sektor utama negara. Langkah ini dapat memberi manfaat kepada negara iaitu melalui caruman daripada pekerja asing yang boleh meningkatkan jumlah dana yang akan diurus oleh KWSP. Dana ini boleh digunakan untuk pelaburan dalam projek pembangunan, infrastruktur, perusahaan tempatan dan penyumbang pembangunan ekonomi Malaysia.

Dato Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh RUU ini, pertamanya mengenai dirujuk fasal 10(b), pindaan Jadual 3, diwujudkan Bahagian F di mana kadar caruman dan kadar caruman pekerja masing-masing adalah 2 peratus. Saya rasa, kadar ini sangat kecil, sangat sedikit berbanding dengan kadar pekerja tempatan serta kadar keuntungan yang diperoleh oleh syarikat yang menggaji mereka.

Sekiranya kerajaan mahu melihat dana KWSP semakin meningkat dan berupaya untuk menyumbang, meningkatkan ekonomi dan merencanakan pembangunan dalam negara, maka saya cadangkan kadar ini ditingkatkan mengikut kadar upah dan gaji yang diterima mereka. Ini kerana adalah dianggarkan bahawa pencarum akan meningkat hampir 2.5 juta pencarum dari kalangan bukan warganegara Malaysia.

Seterusnya, mengenai implikasi kepada negara. Kita juga mesti meneliti apa implikasi kepada majikan. Ini kerana ada negara yang tidak menggubal undang-undang seperti yang kita laksanakan sekarang ini. Kita tidak boleh juga menafikan bahawa langkah ini akan meningkatkan kos operasi bagi sesebuah syarikat yang bergantung kepada tenaga kerja

asing. Sebagai contoh, sektor perladangan, pembinaan, perkilangan dan industri di mana mereka akan terkesan secara langsung.

Saya ingin bertanya kepada kementerian, bagaimana kerajaan- bagaimana, apabila melaksanakan RUU, apabila RUU dilaksanakan kelak akan memastikan industri apabila menghadapi kos tinggi tidak akan mengalihkan beban kos industri yang mereka hadapi kepada rakyat sebagai pengguna terakhir.

Saya rasa semua khuatir industri akan sengaja mengambil alasan ini untuk menaikkan harga barang dan perkhidmatan. Soalan saya, adakah kementerian akan membuat ramalan mengenai impak sekiranya ada syarikat besar yang tidak bersetuju dengan langkah kerajaan ini? Adakah ada kemungkinan mereka akan menarik diri dari melabur di negara kita?

Dato Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk membawa mengenai isu KWSP iaitu baru bulan lepas hangat diperkatakan bahawa KWSP mengalami kerugian daripada penjualan saham Malaysia Airport Holdings Berhad. Walau bagaimanapun, perkara ini telah dijawab dan dianggap sebagai tidak berasas.

Apa tidaknya, apabila laporan audit mengatakan 21 buah syarikat subsidiarinya mencatat kerugian bernilai RM941 juta. Namun, perkara ini telah ditepis dengan KWSP mengumumkan baru-baru ini dividen 6.3 persen untuk simpanan konvensional dan 6.3 persen untuk simpanan syariah. Syabas diucapkan kepada pihak pengurusan KWSP.

Namun begitu, kita tetap harus persoalkan kenapa timbul isu kerugian tersebut pada mulanya. Soalan saya sekarang, rakyat, pencarum dan pihak tertentu telah melihat bahawa KWSP mencairkan aset dan menjual aset kerana mengalami masalah kewangan.

Jadi, bagi membendung masalah ini dari berlaku pada masa hadapan, saya ingin bertanya apakah strategi pencairan aset merupakan langkah kewangan yang proaktif oleh KWSP atau sekadar satu tindakan kecemasan untuk menutup kerugian?

Malahan, saya juga hendak tahu setakat mana sebenar-benarnya KWSP beroperasi sama ada ia dimiliki kerajaan sendiri atau adakah KWSP mempunyai kuasa autonomi dan semua dana adalah hak pencarum dan bukannya hak kerajaan? Persoalan ini sebenarnya sangat menggusarkan 15 juta orang pencarum kerana apa juga yang melibatkan KWSP adalah duit pencarum itu sendiri.

Akhir sekali, mengenai isu ini, saya hendak penjelasan sejauh manakah KWSP beranggapan langkah mencairkan aset dari mana-mana yang mereka laburkan adalah benar-benar ada elemen peningkatan nilai atau *capital gains* dengan izin, bagi merealisasikan keuntungan dan ditukar kepada tunai, sekali gus memberi dividen yang tinggi kepada pencarum-pencarum KWSP? Pohon penjelasan mengenai perkara ini.

Dato Yang di-Pertua, sebelum mengakhiri ucapan saya, saya berharap rang undang-undang ini akan memberi kesan positif kepada negara. Sekurang-kurangnya dapat

menangkis tanggapan negatif oleh pertubuhan-pertubuhan dari negara luar yang mengatakan bahawa negara kita tidak menjaga kebajikan pekerja asing yang sah bekerja di Malaysia.

Pindaan ini bukan sekadar memastikan keadilan dalam sistem perlindungan sosial tetapi juga menunjukkan kematangan dan kesungguhan dalaman kerajaan dalam mengurus tenaga kerja asing dengan lebih bertanggungjawab. Lantas akan memperkukuhkan kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara yang menjamin kebajikan semua pekerja tanpa mengira warganegara Malaysia dari mana mereka datang.

Dengan kata-kata ini, saya menyokong Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 2025. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan, Yang Berhormat Senator Tuan Amir.

■1520

Tuan Amir bin Md Ghazali: Terima kasih, Dato Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Yang Berhormat semua Ahli Senator yang dibanggakan pada petang ini. Terima kasih kerana memberi ruang dan peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 2025.

Pindaan RUU ini merupakan satu langkah penting dalam memperkukuhkan dan memantapkan perlindungan sosial yang setara antara pekerja warganegara dan bukan warganegara selain meningkatkan ekonomi negara.

Dato Yang di-Pertua, perlindungan sosial secara amnya merujuk kepada mekanisme dan sistem yang ditubuhkan untuk melindungi individu dan keluarga daripada risiko ekonomi dan sosial yang boleh menjejaskan kesejahteraan pekerja tidak kira sama ada warganegara ataupun bukan warganegara. Usaha kerajaan dalam meningkatkan perlindungan sosial kepada semua bakat atau pekerja di negara ini wajar dipuji kerana terdapat pelbagai inisiatif yang telah disediakan baik kepada pekerja tempatan mahupun pekerja bukan warganegara.

Pindaan akta ini wajar dilihat sebagai suatu lagi usaha kerajaan yang proaktif dan dapat meningkatkan kredibiliti dan reputasi Malaysia selaras dengan piawaian antarabangsa iaitu hak sama rata perlindungan sosial kepada individu bukan warganegara yang terkandung dalam Artikel 68 Konvensyen 102 Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) yang juga digariskan dalam SDG 2030. Ini jelas menunjukkan kerajaan cakna dan ambil berat akan kepentingan perlindungan sosial bagi semua pekerja sekali gus boleh dilihat sebagai usaha untuk meningkatkan daya tarikan kepada para pelabur menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan yang utama.

Dato Yang di-Pertua, selain meningkatkan perlindungan sosial kepada pekerja di negara ini, pindaan ini juga menekankan kebaikan kepada ekonomi negara dalam jangka masa panjang selain memberi manfaat kepada pekerja tempatan kita sendiri.

Melalui pindaan ini, caruman yang ditetapkan ialah dua peratus oleh majikan dan dua peratus lagi oleh pekerja. Melalui pelaksanaan pindaan akta ini, KWSP dijangka akan mendapat tambahan RM2 bilion melalui caruman tersebut. Caruman daripada pekerja bukan warganegara ini jelas akan memberi manfaat kepada rakyat dan negara kerana ia akan meningkatkan struktur gaji kebangsaan. Peningkatan gaji ini akan meningkatkan kebolehpayaan isi rumah untuk berbelanja dan selanjutnya akan membantu menjana pertumbuhan ekonomi negara.

Dato Yang di-Pertua, jika dilihat dengan teliti pindaan ini juga memberi kelebihan kepada tenaga kerja warganegara, memandangkan hal ini secara tidak langsung dapat mengurangkan kebergantungan majikan kepada tenaga kerja bukan warganegara. Sehingga November 2024, negara ini mempunyai 2,438,468 orang pekerja asing berdaftar. Di Jabatan Imigresen Malaysia, pekerja asing yang berdaftar ini rata-rata bekerja di tujuh sektor utama iaitu perkilangan, pembinaan, perkhidmatan, perladangan, pertanian, pembantu rumah serta perlombongan dan pengkuarian.

Angka ini menunjukkan kebergantungan yang tinggi oleh majikan kepada pekerja bukan warganegara. Ini tidak baik bagi sebuah negara yang ingin maju ke hadapan. Oleh itu, kita tidak boleh menafikan antara sebab berketergantungan kepada pekerja bukan warganegara ini ialah kerana ketiadaan caruman KWSP untuk pekerja bukan warganegara.

Hal ini sedikit sebanyak telah mempengaruhi perbezaan gaji di mana gaji bukan warganegara akan menjadi lebih murah daripada pekerja tempatan. Maka, pindaan ini wajar dilihat sebagai suatu perkara yang baik untuk jangka masa panjang dalam menggalakkan penggajian rakyat tempatan oleh majikan. Langkah ini juga dilihat selari dengan hasrat Kementerian Sumber Manusia dalam mengehadkan penglibatan pekerja asing berkemahiran rendah di dalam semua sektor ekonomi selari dengan polisi kerajaan Malaysia di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12).

Selain itu, pindaan ini juga merupakan juga salah satu langkah yang bijak untuk mengurangkan pengambilan pekerja tanpa dokumen yang sah kerana pekerja bukan warganegara yang mempunyai dokumen yang lengkap sahaja yang layak mencarum ke dalam KWSP. Syarat ini mengukuhkan lagi tujuan pindaan ini di mana hanya mereka yang mematuhi undang-undang yang digariskan sahaja yang menerima manfaat daripada skim ini.

Dato Yang di-Pertua, saya percaya bahawa melalui rang undang-undang ini kita bukan sahaja memperkukuhkan perlindungan sosial di negara ini dan kedudukan kewangan negara pada masa hadapan. Namun, pencarum tetap juga menyumbangkan pembangunan negara yang mapan serta inklusif. Tahniah diucapkan kepada kerajaan atas usaha ini. Dengan ini, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad.

3.25 ptg.

Tuan Manolan bin Mohamad: Terima kasih Dato Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk terlibat dalam perbahasan rang undang-undang – Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991.

Dato Yang di-Pertua, rang undang-undang ini telah diperkenalkan bagi memperkukuh sistem perlindungan sosial dengan meluaskan dan mewajibkan caruman wajib KWSP kepada pekerja bukan warganegara. Bagi saya ini adalah suatu langkah yang baik, yang telah dilaksanakan oleh kerajaan di mana sebelum ini ramai- pekerja-pekerja asing ini yang tidak-bukan sahaja tidak ada dokumen tetapi tidak ada apa-apa simpanan. Maka itu sekiranya berlaku apa-apa kemalangan dan sebagai terpaksa ditanggung oleh majikan.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Satu lagi, saya ingin bertanya kepada kementerian. Kalau akaun KWSP sekarang ini ia ada tiga Akaun dan adakah KWSP pekerja asing ini juga akan mempunyai tiga Akaun atau bagaimana kaedah simpanan tersebut dan bila mereka boleh dikeluarkan sama ada mereka keluar daripada Malaysia ataupun mereka berhenti dengan majikan tersebut? Walau bagaimanapun, pindaan disambut baik dalam usaha menyemarakkan keadaan sosial dan struktur semula pasaran buruh.

Terdapat beberapa aspek yang perlu diberi perhatian agar pelaksanaannya tidak membawa kesan negatif terhadap ekonomi dan masyarakat.

Pertama adalah seperti yang kita sedia maklum ramai majikan sebelum ini yang agak gusar, yang membantah ataupun kurang menerima saranan ini kerana boleh menyebabkan kos kepada mereka, peningkatan kos penggajian kepada majikan khususnya dalam sektor utama yang bergantung kepada pekerja asing seperti pembinaan, perladangan dan juga perkilangan.

Walaupun kadar caruman ditetapkan kepada kadar minimum iaitu dua peratus daripada gaji yang diberikan dan juga dua peratus daripada pekerja. Ia tetap menjadi beban tambahan kepada syarikat kecil dan sederhana. Jadi, peningkatan ini mendorong majikan beralih kepada penggajian tidak formal yang boleh menjejaskan pasaran buruh dan ekonomi. Jadi, apakah pihak kerajaan ada menyediakan skim galakan dan insentif bagi kepada PKS ini bagi menampung kos yang mereka tanggung iaitu membayar dua peratus? Majikan kena bayar dua peratus.

Seterusnya, cabaran pemerkasaan dan pelaksanaan. Pelaksanaan pindaan ini memerlukan pengurusan yang teliti serta sistem pemantauan yang terkini dan berkesan bagi memastikan majikan mematuhi kewajiban mereka. Dalam konteks realiti di lapangan, wujud kebimbangan terhadap kemungkinan berlaku peningkatan dalam aktiviti penggajian yang tidak sah atau pengeksploitasian pekerja tanpa dokumen untuk mengelakkan caruman wajib. Jadi, apakah perancangan ke arah daripada kementerian untuk menangani perkara seperti ini? Kerana sekiranya mereka tidak mematuhi dan apakah tindakan yang akan diambil oleh kerajaan?

Seterusnya, kurang kesedaran dalam kalangan pekerja asing kerana seperti yang kita sedia maklum pekerja-pekerja asing ini ramai daripada negara-negara luar yang mungkin kurang memahami berkenaan dengan sistem persaraan dan fungsi KWSP kerana sebelum ini ramai di antara mereka yang tidak mencarum.

■1530

Jadi, sekiranya selepas ini akan digalakkan oleh- jadi apakah kaedah untuk menggalakkan pekerja-pekerja ini untuk mencarum ataupun mendaftar? Jadi, ketiadaan pendedahan serta sokongan dalam bahasa ibunda mereka boleh menunjukkan pemahaman terhadap hak dan manfaat caruman sekali gus mengurangkan keberkesanan dasar ini. Tanpa pendedahan mencukupi, mereka mungkin tidak menghargai manfaat jangka panjang lalu tidak melihat keperluan untuk mencarum.

Pekerja bukan warganegara biasanya bekerja hanya sementara untuk memperoleh manfaat penuh simpanan KWSP kerana sukar untuk proses pengeluaran simpanan mereka selepas pulang ke negara asal. So, ini yang saya bangkitkan tadi bagaimana proses pengeluaran tersebut dan adakah juga mereka boleh mengeluarkan sekiranya berlaku apa-apa kecemasan untuk memerlukan wang tersebut. Jadi, apakah- kementerian seterusnya dalam memastikan supaya semua hebahan ini sampai di peringkat pekerja asing dan juga kepada majikan-majikan?

Datuk Yang di-Pertua, secara keseluruhannya pindaan Rang Undang-undang Kumpulan Simpanan Wang Pekerja (Pindaan) 2025 ini membawa inspirasi positif. Kelemahan yang dilihat mampu diatasi dengan pelaksanaan dasar sokongan seperti insentif kepada majikan, program literasi kewangan kepada pekerja asing serta penambahbaikan sistem pemantauan dan penguatkuasaan. Hanya dengan pendekatan holistik, saya percaya pindaan ini dapat mencapai matlamat yang disasarkan tanpa menjejaskan keseimbangan dalam pasaran buruh dan ekonomi negara.

Kita sedia maklum bahawa kita juga turut mematuhi saranan dan juga akta antarabangsa seperti ILO di mana pindaan ini juga sebenarnya memberi manfaat kepada

syarikat-syarikat dan juga negara di mana syarikat-syarikat yang telah menggaji pekerja asing ini khususnya dengan menjaga kebajikan dan juga memberi simpanan kepada mereka.

Saya percaya bahawa syarikat-syarikat besar ini, syarikat dalam negara kita boleh menjual ataupun membuat pelaburan di negara-negara lain kerana kita telah menjaga kesejahteraan pekerja-pekerja asing ini. Datuk Yang di-Pertua, dengan itu saya menyokong Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 2025. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih YB.

Sekarang saya jemput Dato' Dr. Azam bin Hamzah

3.33 ptg

Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam Malaysia MADANI. Datuk Yang di-Pertua, terima kasih atas peluang dan ruang diberikan untuk sama-sama berbahas mengenai RUU Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 2025.

Pindaan ini bukan sekadar perubahan kepada peraturan pentadbiran tetapi merupakan satu langkah proaktif ke arah mewujudkan sistem perlindungan sosial yang lebih inklusif, adil dan saksama kepada semua tenaga kerja negara ini tanpa mengira kewarganegaraan. Ini mencerminkan komitmen kita terhadap prinsip keadilan sosial dan hak asasi pekerja.

Ini dapat dilihat melalui pindaan yang dilakukan dengan menggantikan seksyen 70A dan meluaskan skop bahagian 7A kepada pekerja bukan warganegara yang memegang pas imigresen sementara. Ini tentunya akan memastikan perlindungan kepada lebih ramai pekerja asing yang sah yang berada di Malaysia. Ini pastinya akan menggalakkan pematuhan kepada undang-undang imigresen negara sekali gus membantu kerajaan dalam menguruskan data dan menyelaraskan tenaga kerja asing secara lebih teratur dan efisien.

Datuk Yang di-Pertua, jika kita teliti pindaan yang dicadangkan dalam fasal 4 iaitu meminda seksyen 70C dengan memotong subseksyen 70C(2) jelas menunjukkan satu langkah progresif yang memberi manfaat besar kepada pekerja bukan warganegara di Malaysia. Dengan ini pindaan ini membenarkan untuk terus mencarum ke dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja walaupun telah membuat pengeluaran penuh sebelum ini.

Ia pastinya memberi peluang fleksibiliti yang lebih luas kepada pekerja asing untuk merancang kewangan mereka dengan lebih baik, membina simpanan jangka masa panjang dan memastikan mereka mempunyai jaringan keselamatan kewangan sama ada mereka memilih untuk terus bekerja di negara ini ataupun pulang ke negara asal pada masa hadapan. Pendekatan ini mencerminkan komitmen negara kita dalam menyediakan sistem perlindungan sosial yang inklusif setanding dengan amalan terbaik di peringkat antarabangsa.

Manakala di fasal 6 pula pindaan terhadap seksyen 70E merupakan satu langkah signifikan yang memperkukuhkan lagi dasar perlindungan sosial negara kita. Melalui pindaan ini, caruman sukarela di bawah seksyen 43(8) dikecualikan memberi tumpuan kepada caruman mandatori yang lebih tersusun dan konsisten. Ini memastikan pengurusan simpanan adalah lebih sistematik dan terjamin tanpa membebankan pekerja asing dengan pilihan caruman yang mungkin mengelirukan atau sukar diakses. Ini adalah satu penanda aras yang jelas dan sejajar dengan hak bekerja warganegara Malaysia sekali gus meletakkan pekerja bukan warganegara pada kedudukan yang setara dalam menikmati faedah sistem simpanan persaraan negara kita.

Ia memberikan satu tempoh masa yang munasabah untuk pekerja asing merancang masa depan mereka sama ada untuk kekal bekerja di sini ataupun kembali ke negara asal dengan jaminan kewangan yang lebih kukuh. Ketelusan dan kejelasan proses pengeluaran ini adalah sangat penting. Ia bukan sahaja memberikan keyakinan kepada pekerja asing bahawa simpanan mereka selamat bahkan juga memudahkan urusan mereka apabila tiba masa untuk membuat tuntutan.

Mekanisme yang jelas ini secara tidak langsung mengurangkan risiko salah faham, penipuan atau manipulasi oleh pihak bertanggungjawab. Sebagai perbandingan dengan negara seperti Singapura melalui skim *Central Provident Fund* (CPF) mereka juga memperuntukkan mekanisme pengeluaran penuh simpanan apabila pekerja asing menamatkan kontrak pekerjaan atau mencapai umur persaraan yang ditetapkan.

Begitu juga di negara-negara maju lain seperti Australia di mana pekerja asing yang memegang visa tertentu dibenarkan membuat tuntutan penuh daripada *superannuation* mereka selepas tamat tempoh bekerja. Dengan pindaan seksyen 70E ini, Malaysia membuktikan kesungguhannya untuk menyelaraskan sistem perlindungan sosial dengan piawaian antarabangsa. Kita bukan sahaja menarik pelaburan asing melalui jaminan kebajikan pekerja, malah meletakkan negara kita sebagai contoh teladan dalam memastikan hak pekerja asing sentiasa dihormati dan dilindungi.

Datuk Yang di-Pertua, bagi fasal 9 dan 10 pula pindaan yang dicadangkan melibatkan semakan semula terhadap Jadual Pertama dan Jadual Ketiga akta ini. Pindaan ini meletakkan kadar caruman khusus bagi pekerja bukan warganegara. Satu langkah penting untuk memastikan struktur caruman yang lebih tersusun, adil dan seimbang. Dengan adanya kadar caruman yang jelas, bukan sahaja sistem menjadi lebih telus malah ia juga memudahkan majikan merancang kos penggajian dan membantu pekerja memahami hak mereka secara lebih menyeluruh.

Saya percaya kerajaan telah melakukan kajian yang mendalam dan mengambil kira pandangan pelbagai pihak berkepentingan sebelum menetapkan kadar ini. Namun, adalah

penting untuk kita mendapat jaminan bahawa struktur kadar caruman ini kekal fleksibel mengambil kira dinamik ekonomi semasa dan sentiasa dikaji semula dari semasa ke semasa agar kekal relevan dan berkesan. Negara-negara seperti Singapura dan Australia sentiasa menyemak kadar caruman persaraan mereka untuk menyesuaikan dengan keperluan pekerja asing dan perubahan ekonomi global. Saya yakin Malaysia juga mampu mengambil langkah yang sedemikian rupa, melindungi semua pihak yang terlibat dalam ekosistem pekerjaan negara.

Datuk Yang di-Pertua, rang undang-undang ini tidak melibatkan sebarang perbelanjaan namun ia dijangka dapat meningkatkan jumlah keseluruhan caruman kepada KWSP sekali gus mengukuhkan dana persaraan negara. Pindaan rang undang-undang ini adalah satu langkah progresif yang mencerminkan Malaysia sebagai negara yang adil dan prihatin terhadap kebajikan semua pekerja tanpa mengira asal usul. Ia bukan sahaja meningkatkan daya tarikan negara ini sebagai destinasi pekerjaan, malah memperkukuh reputasi Malaysia di peringkat antarabangsa sebagai negara yang menghormati hak pekerja dan menjamin keadaan sosial. Dengan itu saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

■1540

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Dr. Azam.

Sekarang saya jemput Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan.

3.40 ptg.

Tan Sri Dato' Low Kian Chuan: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk membahas Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 2025 di Dewan yang mulia ini.

Datuk Yang di-Pertua, RUU ini bertujuan untuk memastikan perlindungan kesejahteraan sosial pekerja bukan warganegara selaras dengan amalan ILO iaitu *International Labour Organization* dengan izinnya. Namun begitu, kita perlu meneliti cabaran serta kesan langsung yang bakal timbul dalam tempoh terdekat. Oleh itu, saya ingin mengemukakan beberapa cadangan dan persoalan mengenai pindaan RUU ini.

Selaku wakil sektor perniagaan, tidak dinafikan bahawa kos operasi semakin meningkat dan menjadi cabaran yang kian ketara. Tinjauan ACCCIM menunjukkan bahawa kos tenaga kerja sahaja menyumbang sehingga 30 peratus daripada jumlah kos. Dengan pelaksanaan gaji minimum yang lebih tinggi serta lebih pekerja asing berperingkat yang bakal diperkenalkan sebanyak 66 peratus responden menjangkakan bahawa ketiga-tiga langkah ini termasuk caruman KWSP bagi pekerja bukan warganegara akan menyebabkan peningkatan tambahan dalam kos tenaga kerja sehingga 20 peratus. Manakala lebih daripada satu perlima menjangkakan kenaikan melebihi 20 peratus.

Lebih daripada itu, perniagaan juga berdepan kemungkinan kenaikan tarif elektrik serta kesan rasionalisasi subsidi petrol RON95 yang dijangka dilaksanakan pada separuh kedua 2025. Turut terus perniagaan kos tenaga ini akan menambah tekanan kepada perniagaan yang menghadapi pelbagai kenaikan kos dalam tempoh yang singkat.

Sehubungan dengan itu, saya mencadangkan agar pelaksanaan caruman KWSP bagi pekerja bukan warganegara ini hanya dikuatkuasakan mulai tahun hadapan dan bukannya tahun ini. Tambahan pula, saya mengalu-alukan janji kerajaan bahawa kadar caruman bagi pekerja bukan warganegara akan kekal pada dua peratus dan sebarang semakan akan dinilai dengan mengambil kira kesesuaian pada masa hadapan. Saya berharap agar libat urus dengan pihak perniagaan diadakan sebelum sebarang semakan dipertimbangkan dan sebarang peningkatan akan dilaksanakan secara beransur-ansur.

Datuk Yang di-Pertua, saya faham rasional kerajaan melaksanakan caruman KWSP mandatori bagi pekerja bukan warganegara Malaysia untuk melindungi kebajikan mereka. Namun, memandangkan pengeluaran caruman akan dibuat ketika mereka meninggalkan Malaysia tidak seperti warganegara Malaysia yang hanya boleh mengeluarkannya selepas mencapai usia persaraan. Apakah justifikasi di sebalik pelaksanaan ini?

Dengan itu, saya ingin meminta pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri mengenai mekanisme pengeluaran caruman KWSP bagi pekerja asing apabila mereka meninggalkan Malaysia. Dengan itu, saya ingin mengakhiri ucapan saya dengan memohon agar pihak kerajaan mempertimbangkan cadangan-cadangan saya dalam pelaksanaan pindaan ini. Akhir kata, saya menyokong RUU Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 2025 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Tan Sri. Sekarang ni saya jemput Datuk Rosni Sohar.

3.45 ptg

Datuk Rosni binti Sohar: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Datuk Yang di-Pertua, rakan-rakan Senator Ahli Dewan Negara yang saya muliakan. Saya boleh merumuskan bahawa pindaan kepada Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja tahun 2025 ini adalah untuk mendapatkan punca kuasa bagi kewajipan caruman dua peratus pekerja asing ke dalam KWSP.

Tanpa melengahkan masa, persoalan saya yang pertama ialah impak kepada majikan. Jika diteliti kesan segera dan langsung daripada kewajipan caruman dua peratus oleh pekerja asing berupaya memberikan beban kewangan tambahan yang terpaksa ditanggung oleh majikan terutamanya dalam sektor-sektor yang memerlukan sumber buruh

berkemahiran rendah dengan kadar upah yang murah. Contohnya, dalam industri perladangan, pembinaan dan perkilangan.

Datuk Yang di-Pertua, saya pernah membangkitkan dalam perbahasan Titah Diraja bahawa setakat tahun lepas, industri sawit negara kerugian RM7.9 bilion setahun akibat kekurangan hampir 40,000 tenaga kerja yang majoritinya adalah pekerja asing. Kebergantungan yang tinggi terhadap pekerja asing ini membuktikan bahawa sekecil mana perubahan dalam polisi buruh yang melibatkan pekerja asing akan memberi impak yang besar terhadap industri sawit sama juga dengan semua industri.

Pelaksanaan caruman KWSP sebanyak dua peratus ini akan memberi tekanan kewangan kepada majikan dalam industri sawit yang kebanyakannya adalah syarikat ladang kecil dan sederhana.

Tuan Yang di-Pertua, caruman 2 peratus ini walaupun nampak kecil boleh menyebabkan peningkatan kos yang ketara apabila dijumlahkan di kalangan pekerja asing dalam jumlah yang besar. Malah, bagi majikan yang terlibat dalam industri perniagaan kecil dan sederhana, kewajipan caruman ini boleh meningkatkan kos operasi dan risiko kenaikan harga produk yang akhirnya akan diserapkan kepada pengguna.

Datuk Yang di-Pertua, persoalan kedua ialah pelaksanaan kewajipan caruman ini dikhuatiri menyebabkan gangguan dalam pasaran buruh. Kewajipan kepada majikan untuk membuat caruman KWSP bagi pekerja asing boleh menyebabkan majikan untuk *outsource* buruh dengan izin, dari negara yang mempunyai kos buruh yang lebih murah tanpa kos tambahan seperti caruman KWSP. Langkah ini berisiko meningkatkan lagi aliran keluar ringgit ke luar negara.

Datuk Yang di-Pertua, persoalan saya yang ketiga. Kewajipan caruman KWSP kepada pekerja asing ini juga berupaya meningkatkan kebergantungan kepada pasaran buruh tidak formal atau pasaran gelap dalam pasaran buruh yang merugikan negara. Pekerja ini walaupun melakukan tugas yang sama seperti pekerja formal, tidak tertakluk kepada caruman rasmi sekali gus mengelakkan kewajipan KWSP.

Kewajipan yang tidak formal tidak berhak mendapat perlindungan yang sama seperti pekerja formal. Mengikut undang-undang buruh, tanpa kontrak formal, pekerja tidak formal mempunyai hak yang terhad dan lebih terdedah kepada eksploitasi oleh majikan yang tidak bertanggungjawab kerana mereka biasanya dibayar dengan gaji yang lebih rendah berbanding dengan pekerja formal, selain tidak berhak mendapat manfaat seperti KWSP, jaminan sosial, insurans perubatan ataupun cuti bergaji.

■1550

Ini bukan sahaja mengkompromikan keselamatan kewangan mereka tapi dalam jangka panjang tetapi juga meningkatkan kerentanan mereka semasa sakit kecederaan

ataupun pengangguran yang akhirnya akan mewujudkan sebuah polemik yang terpaksa ditanggung oleh kerajaan sendiri. Selain itu, apabila semakin ramai pekerja diambil dalam sektor tidak formal, kerajaan akan kehilangan hasil yang signifikan daripada cukai dan caruman sosial.

Bagi tujuan pemurnian, saya mencadangkan fasal 10 RUU ini dinilai semula dengan caruman dua peratus KWSP bagi pekerja asing diperkenalkan secara berperingkat. Bukannya secara mendadak bagi mengelakkan kejutan dalam pasaran. Kadar caruman boleh bermula pada satu peratus untuk tahun pertama meningkat sebanyak 0.5 peratus setiap tahun berikutnya sehingga mencapai dua peratus. Peralihan secara berperingkat membolehkan kerajaan memantau kesan dasar ini dan membuat penyesuaian yang perlu jika kesan negatif timbul seperti pengurangan besar dalam pekerja asing ataupun peralihan dalam pasaran buruh tidak formal.

Kedua, saya mencadangkan agar caruman dua peratus KWSP ini dilaksanakan terlebih dahulu kepada pekerja asing dalam kategori kolar putih khususnya ekspatriat. Golongan tersebut kebiasaannya adalah golongan profesional yang menerima gaji yang sangat lumayan selain mencuri peluang pekerjaan yang sepatutnya diisi oleh golongan profesional tempatan. Saya percaya langkah ini akan menyebabkan majikan menilai semula kos dan keberkesanan pengambilan pekerja asing kolar putih dan memilih untuk beralih kepada profesional tempatan.

Akhirnya dengan ini, saya menyokong RUU KWSP dengan pindaan bagi tahun 2025 ini, namun saya berharap cadangan-cadangan penambahbaikan yang saya utarakan dapat diberikan pertimbangan supaya dapat memberikan keadilan kepada majikan dan pekerja selain mengekalkan pasaran tenaga kerja yang mampan dan produktif. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Datuk Rosni.

Sekarang saya jemput Tuan Haji Hussin bin Ismail.

3.52 ptg.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: *Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.* Terima kasih Datuk Tuan di-Pertua. Izinkan saya baca sedikit ayat Al-Quran yang saya rasa sangat terkait dengan apa yang kita bincang... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Kira maksudnya, *“Wahai orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang yang menegakkan keadilan kerana Allah lagi menerangkan kebenaran dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum mendorong kamu untuk tidak melakukan keadilan, hendaklah berlaku adil. Sesungguhnya keadilan itu lebih dekat kepada takwa dan bertakwalah kepada Allah sesungguhnya Allah maha mengetahui dengan mendalam apa yang kamu lakukan.”*

Saya atas ayat ini kebersamaan untuk membela kepentingan sosial pekerja asing adalah merupakan satu tuntutan. Pekerja asing di Malaysia dalam semakan yang saya buat, ini yang dah lama, September 2023, terdapat 2.7 juta orang pekerja asing di Malaysia. Daripada jumlah itu termasuk 1.8 juta orang pemegang Pas Lawatan Kerja Sementara dan pendatang tanpa izin yang berdaftar di bawah Program Rekalibrasi Tenaga Kerja 2.0 adalah 747,167 orang, itu hampir dua tahun yang lalu.

Pekerja asing ini menduduki hampir 10 peratus daripada rakyat Malaysia dan menjadi *de facto* ataupun menjadi sumber besar dalam usaha membangunkan negara. Tanpa mereka, barangkali Malaysia bukan seperti yang ada sekarang. Amerika menukar polisi, hari ini Amerika lumpuh sebab pekerja asing tak dibenarkan masuk. Mereka terlupa peranan pekerja asing tapi kita juga harus ingat kepada pekerja asing, jangan terlupa bahawa di sini tempat mereka bekerja, bukan tempat mereka menduduki di sini sampai bila-bila.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dirahmati Allah, pekerja asing ini kita kenal sebagai 3D- *dirty, difficult...*

Timbalan Yang di-Pertua: *Dangerous.*

Tuan Haji Hussin bin Ismail: *...Dangerous.* Ini bidang yang mereka masuk, pun sebahagian bidang lain, bidang profesional tak kurang. Malahan sekarang saya tengok bukan tapak ini dah, hampir sebahagian besar stesen minyak mereka dah kuasai. Sebahagian besarlah, maksudnya ada sebahagian tak lagi. Sebab itu saya fikir dalam beberapa perkara, bagus dari sudut untuk menjadikan Malaysia sebagai- pekerja asing *back-up* kepada keperluan tenaga kerja negara tetapi pada waktu yang sama supaya memastikan mereka berada di dalam posisi yang tepat, tidak sampai tahap merangkul sebahagian besar daripada bidang-bidang kerja kita.

Sebab saya sebut sebahagian sekarang ini sudah pegang kontrak, sebahagian tempat mereka sudah kuasai habis sebahagian besar tempat-tempat perniagaan. Saya tak tahu macam mana boleh kuasai. Tak apa yang itu, saya balik kepada isu KWSP. Tuan-tuan, atas poin ini saya fikir kita kena sokong, cuma memerlukan sedikit pemerhatian yang lebih serius supaya jangan sampai yang duduk dalam negara mempunyai peluang yang lebih besar daripada yang dalam negara sendiri.

Saya sebutkan macam ini, begitu sebab sekarang kita katakan bila tanpa pekerja asing, ada masalah kita. Bila ada pekerja asing, ada masalah kita. Ada sebahagian yang dikatakan 747,167 orang, minta maaf data lama. Betulkan kalau saya tak tepat. Orang ini pun PATI, datang pun tanpa izin, tapi macam mana kedudukannya. Saya minta Yang Berhormat Menteri tengok-tengok dua, tiga bidang. Ada orang yang datang rasmi tapi ada tempoh. Ada orang yang datang tak rasmi, ini langsung tak bertempoh dan orang yang ini juga mengisi tenaga kerja negara.

Sebahagian tempat di ladang-ladang, sebahagiannya yang PATI ini. So bagaimana kedudukan ini nanti daripada segi pelaksanaan Yang Berhormat. Misalnya dalam konsep untuk memastikan pengurusan tenaga kerja dengan KWSP yang kita kenakan ini, pendekatannya macam mana? Kalau kita betul-betul boleh dapatkan yang ini, ertinya kita boleh tangkaplah sebahagian- demi seorang orang yang selama ini dianggap PATI tetapi sehingga hari ini sebahagian besar lokasi PATI menjadi permasalahan negara.

Saya juga sebut pada ini tanpa rasa cemburu dalam bentuk prasangka yang tidak bagus. Yang selama ini ditangkap PATI pula sebahagiannya dari India, dari Myanmar, dari Pakistan, daripada mana lagi? Bangladesh, dari Indonesia, tapi saya tak nampak PATI yang ditangkap yang repot berjuta-juta juga ini yang masuk tak keluar, daripada China. Yang daripada China ini macam mana, kalau mereka juga daripada segi PATI? Apakah proses yang kita hendak gerakkan supaya mungkin dengan pendekatan ini menjadi salah satu penyelesaian kepada soal untuk mengenal pasti dan membuat pemutihan terhadap status mereka ini?

Saya juga hendak sebut satu, dua, tiga perkara yang mungkin kalau tuan-tuan rasa-pekerja asing ini ada kontrak, ada tempoh. Bila dia datang sini, ada kawan-kawan dah tanya tadi, bila dia datang sini, kita kenakan dia KWSP bagus, tetapi bila dia balik cukup umur 40 tahun kah, baharu dia boleh *claim*, 40 tahun kah? Kalau dia dah balik 10, 15 tahun, 20 tahun mungkin dia dah balik, apa kemudahan yang membolehkan dia untuk mendapat hak dia dari segi caruman KWSP yang mereka letakkan di sini.

Yang kedua, ada sebahagian daripada masyarakat Malaysia, saya pernah, biasa ke pedalaman Sabah, Sarawak dan beberapa buah tempat lokasi lain, ada orang Malaysia, tapi tak ada kerakyatan. PATI kah dia tapi dia bukan PATI sebab dia orang Sarawak, memang orang Sabah, tetapi mereka tak ada IC. Kalau masuk kerja macam mana itu Yang Berhormat? Mereka ini di posisi mana?

Yang ketiga, dulu pekerja- majikan kita pakai pekerja asing tak payah bayar caruman bahagian pekerja asing sekarang dah tambah lagi pula satu lagi *burden*, kena tambahlah pula dah dia punya bayaran.

■1600

Saya bukan kata nak- orang Terengganu kata, 'keluk-kelek'. *Dak*. Apa penyelesaiannya?... [*Ketawa*] Orang Terengganu kata, 'keluk-kelek'. Dato' Kesavadas mungkin biasa dengan bahasa itu. 'Keluk-kelek' ini sokong tidak, separuh tidak, tetapi yang saya nak sebut yang macam ini. Yang macam ini, ini. Maknanya kita punya resah- kalau kita sebut ini, nanti yang pekerja-pekerja kita yang jual goreng pisang- saya mungkin orang yang macam kelompok Tan Sri Low, tak jadi masalah, kan, tapi yang jual goreng pisang, yang tadi

saya kata jual popia, jual di kampung pegang seorang dua pekerja asing, kena pula dah tambah lag- RM1,700 tambah lagi KWSP, jadi dekat dengan RM2,000.

Dulu RM1,500 tambah KWSP jadi RM1,700. Berapa lagi penambahan *burden* sebahagian- peniaga-peniaga kecil ini?

Jadi, boleh tak kita lihat penyelesaian-penyelesaian ini supaya- betul, KWSP kita boleh gerakan, kerajaan akan dapat sumber simpanan daripada ini untuk dana pembangunan negara, tetapi dalam masa yang sama, kasihan sikit pada yang kecil-kecil di kampung yang mengutip- orang Terengganu kata juga, “*serial, samah*” *Serial* itu RM1, *samah* itu 50 sen. Yang kutip seringgit, seringgit ini, sikit-sikit ini, kena pula tambah lagi, kena bayar kepada pekerja asing yang saya sebutkan tadi.

Banyak hal- saya rasa habis dah tempoh, tetapi saya mohon, saya menyokong program ini atas dasar keadilan sebab... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] “*Adil itu lebih dekat kepada takwa*”, tetapi dalam waktu yang sama, macam mana kita nak selesaikan orang-orang kita yang bekerja kecil-kecilan yang ambil seorang, dua orang yang akhirnya seorang kena tambah berapa KWSP, dua orang kena tambah berapa KWSP. Ini menjadikan satu lagi beban baharu pada masyarakat kita di lapangan.

Saya ada beberapa poin, tapi saya meraikan waktu. Saya harap...

Timbalan Yang di-Pertua: YB ada yang penting nak cakap? Saya bagi lagi 2 minit.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Ya, okey. Terima kasih... [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua: Tak. Fasal dia...

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Mungkin kata yang akhir, *kot*... [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua: ...Sedang bersemangat sekarang ini. Jadi, saya bagi dia... [*Ketawa*]

Tuan Haji Hussin bin Ismail: *Alhamdulillah*. Terima kasih. Saya sebutkan dari sudut pendatang asing yang tadi menguasai ini. Ada satu lagi kelompok. Tuan-tuan, saya dimaklumkan, tapi saya tak kenal secara dekat. Broker pekerja asing. Sebahagian pekerja asing bekerja, tak dibayar gaji kepada pekerja. Dibayar gaji kepada broker. Kalau saya tak betul, betulkan saya. Kalau tak betul, saya tarik balik, tapi ini rungutan.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: *Modern slavery*.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: *Modern slavery*. Dan ini kesannya yang duduk di situ, duduk bertahun-tahun, segala passport semua dipegang oleh mereka. Dia tak dapat pun hasil KWSP ini. Apakah yang kita nak pertimbangkan kepada mereka ini? Apakah tindakan kita sekarang ini terhadap broker-broker pekerja asing yang menjadikan pekerja asing sebagai buruh paksa kepada kelompok ini di dalam negara kita Malaysia yang tercinta?

Terima kasih kerana bagi saya ruang untuk saya nak *highlight*-kan benda ini sebab saya dimaklumkan oleh sebahagian pekerja asing, malahan gaji dia dibayar beberapa bulan selepas duduk.

Datin Hajah Ros Suryati binti Alang: Boleh saya mencelah, YB?

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Terima kasih. Silakan.

Datin Hajah Ros Suryati binti Alang: Satu persoalan yang bagus. Saya rasa ramai juga yang kita faham ejen-ejen yang menjadi broker mereka dan mereka juga tak dibayar gaji. Ini kerajaan harus ambil tindakan kerana ramai- saya juga mempunyai pekerja yang mana ejen dia pegang pasport dia dan kita kena bayar gaji dekat ejen. Sebelum ini, dulu. Bukan kepada pekerja itu. Mereka tak dibayar gaji oleh ejen. Terima kasih.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Saya tambah sikit lagi, Yang Berhormat Datuk Yang di-Pertua. Kalau ini, di posisi ini, kita kerajaan macam mana? Sebab, kita beri KWSP, peruntukan yang kena dibayar oleh majikan kita di sini, yang dapatnya siapa dia? Yang dapatnya majikan. Bukan majikan. Broker itu. Ada sebahagiannya pekerja ini yang menyebut kepada saya, dah lama duduk sini, nak balik tak boleh sebab pasport mereka, visa mereka dan juga lesen mereka ini, permit mereka dipegang oleh orang-orang ini.

Saya harap perkara ini harus diberi perhatian yang besar dan bukan lagi menjadi Malaysia syurga kepada pekerja asing, tetapi menjadi neraka tempat pekerja-pekerja buruh paksa yang dipegang oleh broker ini. Mohon perkara ini, Yang Berhormat Menteri, ambil kira juga sebab kita tak mahu negeri yang kita lihat ini menjadi tempat didukung oleh pekerja luar untuk membantu kita.

Cuma, satu poin yang terakhir, Yang Berhormat Datuk.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang terakhir, ya? Saya takut sebenarnya...

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Yang tadi nombor dua akhir.

Timbalan Yang di-Pertua: ...Nanti *karang* kalau YB sentuh majikan, Tan Sri Low pula bangun mencelah... *[Ketawa]*

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Ha, okey, okey. Saya fikir ini pun sesuai untuk Tan Sri. Tan Sri tengok-tengok, dia senyum sahaja. Saya ingat dia ada ruang untuk nak tambah, tapi saya nak sebutnya begini. Dalamimbangan di antara pekerja asing dengan- satu benda kita ini. Kita Malaysia tempat syurga- orang datang sini. Tersekat-sekat dengan permit-permit yang diberi, nak datang juga. Langgar- jadi PATI, tapi yang dalam negara pula, tak tahu kenapa, sehingga *dok* sebut- tak ada kerja. Mungkin lain sikit isunya, tetapi...

Seorang Ahli: Malas.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Lain sikit isunya. Alasan juga masalah majikan kita ini, tak nak ambil pekerja tempatan. Sebab, hari Khamis bayar gaji, hari Sabtu tak masuk lagi. Jadi, saya fikir ini kena diambil kira kerajaan. Ini isu mendidik masyarakat. Akhirnya, orang

lain mengaut segala keuntungan, tetapi orang kita tak tahu nak buat apa sehingga menjadi penganggur.

Saya fikir ini pun isu yang besar dalam ruang- pekerja asing, kita ada KWSP. Anak buah kita sendiri menganggur. Betullah kita dah ada TVET, Datuk, tapi sebahagian di lapangan itu, di kampung, budaya ini saya nak sebut, saya tengok sangat serius. Orang kerja sampai pagi dia punya *overtime*. Yang pekerja asing datang sini betul-betul ambil duit bawa balik negeri.

Baharu ini saya tanya, gaji dia RM3,000. Bagus RM3,000, tapi saya tanya, "Berapa banyak duit yang kamu hantar keluar? Hantar balik kampung." "RM2000." Maknanya, dia makan di sini dengan nasi lauk garam. Kadang ada sebahagian kawan kita dari negeri-negeri sebelah ini pula, makan nasi dengan garam, dengan lada, dengan cili api, dengan lain-lain. Berjimatnya, tapi ada satu poin. Kalau RM2,000 seorang, cuba kali dengan tiga juta, berapa banyak- aliran? Jadi, saya *dok* tengok situ, macam besar majikan nak kena *support*. Dia sendiri itu kena *support*, kena tambah lebih lagi carumannya.

Saya kalau boleh nak cadang biar lebih daripada dua *percent*. Sebab, kalau dia tak carum pun, dia hantar balik negeri. Bila dia hantar balik negeri dan duit kita ini mengalir keluar dalam jumlah yang terlalu banyak tiap-tiap bulan. Ada ejen penghantaran duit pekerja asing ke negeri dia di Kuala Lumpur. Banyak. Berapa banyak sebenarnya, tapi imbang juga sebab dia membantu membangunkan negara.

Dua perkara ini pun jadi satu, *hok* saya sebut tadi, menjadi duit kita hilang keluar, tapi dalam masa yang sama, dia juga membantu. Ada tak penyelesaian yang boleh kita pertimbangkan, tapi saya cadangkan bukan dua *percent*. Dia kena carum lebih lagi. Kita, sebab kita carum lebih. Orang kita, kita kena carumkan lebih. Kenapakah dia kita carumkan sikit dalam keadaan dia membuat duit untuk hantar?

Saya pergi ke Bangladesh- ayat terakhir yang ketiga. Saya pergi ke Bangladesh. Dia sudah punya kedai, dia sudah punya kebun, rumah hebat-hebat...

Datuk Edward Linggu Bukut: Datuk Speaker.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Bagus kerana kerja, tetapi...

Datuk Lim Pay Hen: Mohon mencelah sikit, boleh?

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Ini waktu kecederaan.

Timbalan Yang di-Pertua: Tak apa, tak apa. Isu ini merupakan isu yang penting. Dia banyak aspek.

Datuk Lim Pay Hen: Yang Berhormat, dengan izin. Setuju tak kalau caruman pekerja asing itu juga menikmati kadar *interest* yang sama dengan penyimpan tempatan?

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Ada satu lagi nampak tadi, Datuk.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada satu lagi. Datuk Edward.

Datuk Edward Linggu Bukut: Datuk Speaker, Yang Berhormat Senator tadi bercakap *worried about* kita punya duit mengalir keluar. Setujukah Yang Berhormat Senator kalau kita tambah dia punya *personal income tax*? *Collect*-lah daripada *income tax* yang PTI ini supaya duit itu tidak lari jauh melainkan masuk balik di negara kita. Terima kasih.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Kalau tanya saya, Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya setuju belaka... *[Ketawa]* Saya setuju itu bukan begini. Mereka datang sini-keadilan. Keadilan untuk kita juga. Bukan keadilan untuk dia saja.

■1610

Kalau macam tadi caruman, orang kita kena tinggi, dia kena rendah. Itu tidak adil juga itu. Dia datang sini dia pun kena bayar macam kita juga. Kalau patut dia bayar lebih sedikit, ya Yang Berhormat Datuk Seri Menteri. Jadi saya sebutkan perkara-perkara ini supaya kita timbangkan balik. Kalau orang tengok, "Eh dia sikit jer kena, kita pula kena banyak." Betul tak? Betul tak?

Seorang Ahli: Betul, betul.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Dia dah jawab itu, ada bersama dengan saya Yang Berhormat. Jadi saya berhenti dekat situ dahulu. Terima kasih banyak. Dalam cakap kerap begini pun, nanti kot ada orang benci juga, banyak sangat bercakap. Jadi, apa pun saya fikir saya setuju program ini dan saya harap dikaji dengan lebih teliti supaya orang tempatan terasa juga diadili dan mereka juga diberikan keadilan. Dalam waktu yang sama, mereka duduk di sini mendapat harta, mereka menyumbang sepatut lebih lagi untuk kita negara tercinta ini. Terima kasih. *Wabillahi taufiq wal hidayah, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Haji. Saya benarkan tadi Haji untuk mengambil masa yang lebih kerana perbahasan Haji yang mengikat kementerian lain-lain juga, tetapi masih lagi berkaitan dengan KWSP yang di bawah Kementerian Kewangan.

Saya amat tertarik tadi YB ada menyebut pasal hendak mengesan PATI. Saya terbaca dalam media di Amerika Syarikat, IRS- LHDN mereka sedang bekerjasama untuk mendapatkan data daripada *Home and Security*- KDN dia sebagai satu kaedah untuk mencari PATI. Akhirnya, banyak isu yang tadi YB sebutkan mengenai kutipan KWSP, bayaran gaji dan mungkin percukaian yang lebih dikenakan kepada pekerja asing ini pun dapat diselesaikan kalau kita ada data pekerja asing yang sebenarnya di Malaysia ini.

Tadi YB menyebut tiga juta, saya tidak pastilah sama ada tiga juta itu satu jumlah yang tepat, tetapi kita perlu tahu kerana ia banyak implikasinya termasuk aliran wang ke luar negara yang merugikan kita. Dato' Redzuan mengangguk itu, dia setuju. Baik, sekarang kita pergi kepada pembahas terakhir hari ini- Datuk Lim tak hendak ambil bahagian ya?

Datuk Lim Pay Hen: ...Kalau diberi peluang.

Timbalan Yang di-Pertua: Sebenarnya tadi saya melangkah Datuk Lim.

Sekarang saya bagi peluang kepada Datuk Lim dahulu. Ya, YB Lingesh...?... [Ketawa]

4.13 ptg

Datuk Lim Pay Hen: Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih walaupun saya lewat sedikit masih diberi peluang untuk menyampaikan pandangan saya tentang RUU Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 2025.

Saya melihat pindaan ini secara positif telah memposisikan kedudukan Malaysia di mana dunia ke arah memperkasakan jaringan perlindungan sosial kepada semua pekerja. Bukan sahaja warganegara yang berselaras seperti ada dinyatakan dalam artikel 6 Konvensyen Migrasi untuk pekerja disemak 1949, golongan nombor 97 oleh ILO yang menggariskan keperluan untuk negara-negara anggota memberikan layanan sama rata kepada pekerja asing.

Datuk Yang di-Pertua, sesungguhnya begitu terdapat beberapa perkara di bawah pindaan yang baik ini untuk saya mohon penjelasan kerajaan- *sorry*, pertamanya berkaitan tanggungan mencarum. Sebelum ini pekerja bukan warganegara diberikan ruang untuk memilih untuk mencarum atau tidak.

Namun, pada pindaan kali ada wajib bagi pekerja bukan warganegara untuk mencarum kepada KWSP dan dianggarkan hampir 2.5 juta ahli KWSP yang merupakan- YB Tuan Haji Hussin, ini angka yang saya dapat, 2.5 juta yang merupakan bukan warganegara akan diwajibkan untuk mencarum mengikut laporan tenaga buruh suku keempat 2024. Saya berpandangan langkah ini adalah wajar dan bertepatan untuk dijalankan bagi meluaskan kelompok pencarum KWSP kepada pekerja bukan warganegara. Berkaitan dengan ini juga saya ingin mendapatkan pandangan kerajaan, bagaimana dengan pelaksanaan caruman mandatori ini dapat menggalakkan peningkatan produktiviti tenaga kerja yang mampu menyumbang kepada keluaran KDNK yang lebih tinggi.

Seterusnya, adalah melalui caruman mandatori ini kita berpotensi untuk melihat kedatangan lebih ramai tenaga buruh asing untuk bekerja di negara kita memandangkan kita kini mempunyai sistem keselamatan kewangan jangka panjang yang lebih baik untuk mereka. Seterusnya adalah berkenaan dengan pindaan di bawah seksyen 70E iaitu membolehkan pekerja bukan warganegara untuk mengeluarkan semua atau sebahagian amaun yang sedia ada kreditnya apabila pekerja itu mencapai umur 55 tahun. Saya ingin bertanya sekiranya berlaku sesuatu isu di mana pekerja asing ini telah tamat permit kerjanya di Malaysia dan pada ketika itu, dia belum lagi berumur 55 tahun. Adakah mereka terus layak untuk mengeluarkan sebahagian atau semua amaun kredit mereka atau masih perlu menunggu sehingga umur mereka 55 tahun?

Seterusnya, caruman KWSP kepada pekerja bukan warganegara ini hanya boleh berlaku dalam kalangan pekerja bukan warganegara yang sah didaftarkan sahaja. Namun begitu, persoalan saya ialah sejauh manakah kerajaan dapat menjamin bahawa tiada majikan yang akan mengeksploitasikan pekerja bukan warganegara ini dengan tidak mendaftarkan permit kerja mereka supaya majikan tidak perlu menanggung beban kos untuk membuat caruman kepada KWSP. Bagaimanapun, kerajaan dapat memastikan kepatuhan para majikan yang menggaji pekerja asing terhadap pelaksanaan caruman ini.

Adakah bentuk denda atau penyenaraihitaman boleh dilakukan sekiranya majikan tersebut enggan mematuhi ketetapan ini. Hal ini penting untuk menjamin bahawa akan ada penambahbaikan daripada segi penguatkuasaan undang-undang yang lebih tegas dan menyeluruh supaya pindaan RUU ini benar-benar memberikan manfaat buat negara.

Selain itu, saya tertarik untuk menyentuh pindaan penetapan kadar caruman yang terpakai. Pindaan mengikut Bahagian F Jadual Ketiga iaitu bahagian baharu yang dimaksudkan bagi memperuntukkan kadar caruman *statutory* yang terpakai bagi pekerja bukan negara iaitu pada kadar dua peratus bagi syer pekerja dan dua peratus bagi syer majikan. Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat Haji Hussin sekiranya kalau kadar lebih tinggi diimplikasikan kepada pekerja asing.

Jadi, bolehkah pihak kerajaan menjelaskan apakah justifikasi pihak kerajaan dalam menetapkan kadar caruman bagi pekerja bukan warga ini sebanyak dua peratus dan bukannya yang lebih tinggi. Sedangkan di Indonesia, pekerja mencarum 3.7 peratus manakala majikan dua peratus. Thailand pula mewajibkan caruman lima peratus daripada kedua-dua pihak. Cukupkah nilai dua peratus ini sebenarnya...? Saya mohon pandangan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya bagaimana pula pihak kerajaan dapat memastikan....

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Mencelah sedikit boleh Datuk?

Datuk Lim Pay Hen: Okey. Silakan.

Timbalan Yang di-Pertua: [Ketawa] Tak puas lagi Haji?

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Saya kadang-kadang tengok, kita ini bila tengok kita bela pekerja, tetapi kurang bela majikan. Majikan itu hendak mati, hendak hidup sekarang.

Seorang Ahli: ...Betul.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: *Dok?* Tetapi semuanya majikan yang kena, kena, kena. Yang ini pekerja asing pun, majikan yang kena, kena, kena, kena. Yang kita ini di lapangan di bawah, separuh nyawa. Yang gulung tikar pun sudah ada. Mohon pandangan Yang Berhormat Datuk.

Datuk Lim Pay Hen: Yang Berhormat, saya amat setuju. Segala kos kenaikan sama ada daripada segi caruman KWSP kah, kenaikan kadar *electricity* kah, semua itu pada

akhirnya akan dirasakan oleh pengguna. Konsumer akan terasa. Jadi ini satu *cycle* yang kita tidak dapat elakkan. Majikan mesti turunkan bebanan mereka kepada konsumer. Ini adalah satu benda yang tidak dapat kita nafikan. Setuju tak Yang Berhormat Haji...? [Ketawa]

■1620

Timbalan Yang di-Pertua: Datuk Lim tak boleh tanya pandangan Haji... [Ketawa]

Datuk Lim Pay Hen: Datuk Yang di-Pertua, seterusnya bagaimana pula pihak kerajaan dapat memastikan bahawa kadar caruman yang ditetapkan tidak akan menjejaskan kos dan daya saing majikan perniagaan kecil dan sederhana tempatan? Adakah kadar caruman itu dianggap saksama buat semua majikan baik daripada segi perniagaan berskala besar mahupun perniagaan berskala kecil dan sederhana? Bagi perniagaan berskala besar, ini mungkin tiada masalah buat mereka.

Namun, bagi industri kecil dan sederhana, ini adalah satu beban buat mereka. Kebanyakan majikan memilih untuk menggaji pekerja asing sebelum ini kerana bagi mengurangkan implikasi kos kepada mereka.

Datuk Yang di-Pertua, sebagai contoh, sekiranya seorang pekerja asing itu menerima gaji bulanan sebanyak RM1,700 mengikut kadar gaji maksimum baharu, majikan tidak perlu membayar caruman KWSP sebanyak RM2,652 setahun berbanding pekerja tempatan, tetapi kini mereka akan mula diwajibkan. Justeru itu, apakah pandangan kerajaan berhubung dilema yang dihadapi pemain IKS ini?

Saya berpendapat bahawa RUU ini perlu dilihat dengan konteks yang lebih luas, dengan melihat *spillover effect* kepada semua pihak terutama dengan memastikan tiada sebarang peningkatan kos yang mendadak terhadap majikan dan pelaksanaannya lebih berstruktur. Hal ini dapat memastikan bahawa majikan yang mempunyai perniagaan berskala kecil dan sederhana masih mampu untuk menyerap bebanan peningkatan kos mereka. Secara tidak langsung juga, hal ini sedikit sebanyak dapat mengurangkan risiko kejutan ekonomi yang mendadak dalam pasaran negara.

Akhir kata, saya menyokong Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 2025 dengan beberapa perkara perlu ditelusuri dengan lebih menyeluruh oleh kerajaan agar RUU ini dapat memberikan kesan yang lebih mendalam terhadap kualiti sistem keselamatan sosial negara dan sekali gus menjamin peningkatan kadar daya saing dalam kalangan industri buruh tempatan. Maka dengan ini, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Datuk Lim.

Sekarang kita pergi kepada pembahas terakhir Dr. Lingeshwaran.

4.23 ptg.

Dr. Lingeswaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua untuk memberi saya ruang untuk membahas Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 2025. RUU ini merupakan satu langkah penting untuk memastikan pekerja asing diwajibkan mencarum dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja serta mengehadkan pengeluaran sebelum mencapai umur 55 tahun jika mereka masih berasa untuk bekerja di Malaysia.

Saya menyokong usaha kerajaan untuk memperkukuhkan sistem simpanan pekerja asing. Namun, saya mencadangkan supaya pelaksanaan caruman KWSP hanya dimulakan bagi pekerja asing yang baharu tiba ke Malaysia. Ini kerana ramai majikan telah mengambil pekerja asing sebelum ini tanpa mengambil kira kos tambahan seperti caruman KWSP. Jika dasar ini dilaksanakan secara mendadak tanpa tempoh peralihan yang jelas, ia boleh menjejaskan kestabilan perniagaan terutamanya dalam sektor perladangan, perkilangan dan pembinaan yang sangat bergantung kepada tenaga kerja asing.

Datuk Yang di-Pertua, dengan pindaan ini, semua pekerja asing diwajibkan untuk mencarum sebanyak dua peratus daripada gaji bulanan mereka dan majikan perlu memberi padanan daripada segi kadar caruman tersebut. Ini akan membantu mereka memiliki simpanan persaraan yang lebih stabil dan melindungi kesejahteraan mereka apabila tidak lagi bekerja.

Soalan saya kepada Menteri Kewangan, sebelum ini untuk mereka yang mencarum secara sukarela, mereka perlu mencarum sehingga 11 peratus daripada gaji bulanan mereka. Selepas RUU ini diluluskan, adakah pekerja asing dibenarkan untuk mencarum pada kadar yang lebih tinggi secara sukarela? Saya juga ingin bertanya kepada kementerian. Apakah anggaran jumlah caruman baharu yang akan terkumpul setahun selepas susulan daripada kelulusan RUU ini? Adakah cara pelaburan untuk kumpulan caruman ini sama seperti dana caruman pekerja Malaysia?

Datuk Yang di-Pertua, adakah pekerja asing akan dibenarkan untuk mengeluarkan wang dalam keadaan kecemasan? Adakah struktur simpanan untuk pekerja asing adalah sama seperti pekerja tempatan iaitu mempunyai akaun sistem tiga? Kalau tidak, saya ingin mencadangkan agar kerajaan membenarkan pengeluaran KWSP pekerja asing bagi menampung kos rawatan hospital sewaktu kecemasan. Meskipun, pekerja asing diwajibkan memiliki insurans perubatan, realiti perlindungan insurans mereka kini dilindungi di bawah sistem insurans SPIKPA dan siling rawatan hanya RM20,000 setahun yang tidak mencukupi untuk menampung kos rawatan.

Akibatnya, ramai pekerja asing yang tidak mampu membayar kos perubatan tambahan menyebabkan mereka terpaksa menanggung beban kewangan ini. Jika pekerja asing

dibenarkan untuk mengeluarkan simpanan KWSP mereka khusus untuk rawatan perubatan, ini bukan sahaja akan membantu pekerja terbabit, tetapi untuk mengurangkan beban majikan dalam membiayai kos rawatan tersebut.

Datuk Yang di-Pertua, saya juga sedar bahawa terdapat hospital kerajaan tertentu yang menggunakan implan ortopedik terpakai- *second hand implant* bagi pesakit pekerja asing untuk menanggung kos rawatan. Alat ini tidak selamat dan berisiko tinggi kerana penggunaan implan terpakai boleh menyebabkan jangkitan serius dan merupakan *biohazard* kepada pesakit.

Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair: Boleh tanya sedikit kalau tentang bawah isu *accident* ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair: Yang Berhormat, *sorry*, Timbalan Speaker. Memang apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Dr. Lingeshwaran ini memang ada dalam pengetahuan saya sebab saya sebagai seorang peguam yang mengendalikan kes-kes kemalangan, ada mangsa-mangsa kemalangan biasanya daripada golongan pekerja asing dan juga golongan B40 yang tidak mampu membayar implan. Kalau patah paha, implan dia lebih kurang RM3,000-RM4,000. Mereka tidak ada kerja. Cuma macam 'kais pagi makan pagi, kais petang makan petang.' So, memang ada gunakan implan yang terpakai. Adakah itu selamat untuk digunakan? Pertama.

Kedua, macam saya pun bahas tadi tentang gunakan duit simpanan di KWSP sebagai untuk kecemasan. Mereka tidak ada SOCSO, tidak ada apa-apa, tapi sekarang diwajibkan buat sumbangan KWSP. So, bila dah ada duit dalam KWSP dan mangsa itu- baru-baru ini ada satu kes Rohingya saya buat- dia tiada duit. *So, we have to come with the money but we don't- for foreigner, the bill is different.* Tiga kali- ganda. Apa yang Doktor beritahu ialah cari duit dulu, sementara waktu, dia cuma balut. Hantar *and then* datang semula untuk rawatan susulan, *CAT check* ada kah tidak, tapi biasanya apa yang saya dengar dia akan gunakan implan terpakai- *medically* tak betul. Apa kata doktor...?

Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam: Betul. Saya setuju dengan pandangan Dato' sebab memang beberapa buah hospital sedang menggunakan cara ini yang menggunakan implan terpakai. Jadi, saya minta Menteri mencuba untuk menggunakan duit KWSP untuk pekerja-pekerja asinglah.

Oleh itu, saya mencadangkan agar pekerja asing dibenarkan untuk mengeluarkan duit KWSP mereka untuk pembelian peralatan perubatan seperti ortopedik, sten jantung dan juga lain-lain lagi. Kita tidak boleh berkompromi dengan keselamatan pesakit hanya kerana mereka bukan warganegara Malaysia. Sektor kesihatan Malaysia harus mengekalkan standard

rawatan yang tinggi dan tidak mengabaikan aspek keselamatan pesakit asing. Saya percaya, cadangan ini wajar dan perlu ditimbangkan oleh kementerian.

■1630

Datuk Yang di-Pertua, saya berharap kementerian dapat mempertimbangkan cadangan ini supaya RUU ini dapat dilaksanakan secara lebih adil dan berkesan. Kita mahu memastikan pekerja asing mendapat perlindungan yang lebih baik, tetapi pada masa yang sama, kita juga perlu memberikan mereka fleksibiliti dalam menguruskan simpanan mereka terutamanya dalam aspek kesihatan. Terima kasih, Datuk Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Lingeshwaran. Satu lagi aspek yang saya tak terfikir yang berkenaan dengan akta yang kita bentangkan pada hari ini.

Jadi, pada hari ini kita bernasib baik- Menteri yang akan menjawab adalah bekas Ketua Pengarah Eksekutif KWSP. Jadi, saya berikan masa seberapa banyak untuk YB gunakan hendak menjawab. Silakan.

4.30 ptg.

Menteri Kewangan (II) [Datuk Seri Amir Hamzah Azizan]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam Malaysia MADANI.

Datuk Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan jutaan penghargaan kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan peringkat dasar Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 2025. Seramai 12 orang Ahli Yang Berhormat Senator telah berbahas dan menyuarakan pandangan, teguran dan cadangan berhubungan RUU ini.

Antaranya Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas, Yang Berhormat Senator Puan Noorita, Yang Berhormat Senator Tuan Michael, Yang Berhormat Senator Datin Hajah Ros Suryati, Yang Berhormat Senator Tuan Amir, Yang Berhormat Senator Tuan Manolan, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ahmad Azam, Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan, Yang Berhormat Senator Datuk Rosni, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hussin, Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen dan Yang Berhormat Senator Dr. Lingeshwaran.

Berdasarkan isu-isu yang dibahaskan, izinkan saya untuk menjawab beberapa perkara utama yang dibangkitkan. Sebelum itu, kerana ada banyak benda yang disentuh. Mengikut Peraturan Mesyuarat 35(1), saya akan fokus kepada isu yang dibangkitkan untuk rang undang-undang inilah. Yang keluar daripada rang undang-undang ini saya tak boleh menjawabnya ya.

Perlu ditegaskan di sini bahawa setiap ikhtiar yang diusulkan oleh Kerajaan MADANI adalah untuk membela kebajikan dan kesejahteraan rakyat selari dengan kerangka Ekonomi

MADANI. Ikhtiar memperluaskan liputan mandatori bagi caruman KWSP kepada pekerja bukan warganegara adalah sejajar dalam usaha kerajaan merapatkan jurang kesaksamaan antara pekerja tempatan dan pekerja bukan warganegara bagi memastikan semua pekerja di Malaysia tanpa mengira kewarganegaraan mendapat perlindungan sosial.

Beberapa Ahli Yang Berhormat ada menyentuh mengenai kesaksamaan gaji dan layanan antara pekerja bukan warganegara dan pekerja warganegara. Antaranya Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas, Yang Berhormat Senator Puan Noorita dan Yang Berhormat Senator Datin Hajah Ros Suryati. Seperti mana yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, semasa ucapan Belanjawan 2025.

Tujuan cadangan untuk mewajibkan semua pekerja bukan warganegara mencarum kepada KWSP adalah sejajar dengan usaha kerajaan untuk merapatkan jurang kesaksamaan antara pekerja tempatan dan pekerja bukan warganegara bagi memastikan semua pekerja di Malaysia tanpa mengira kewarganegaraan mendapat perlindungan sosial yang setara. Pada masa ini, pekerja bukan warganegara diberi pilihan untuk menyertai skim KWSP melalui konsep dengan izin, *once in, always in*.

Cadangan dan kadar caruman yang ditetapkan adalah sebanyak 11 peratus daripada kadar upah bulanan bagi syer pekerja dan RM5 bagi syer majikan. Setakat Disember 2024, hanya 22,635 atau 0.9 peratus daripada 2.5 juta orang pekerja bukan warganegara memilih untuk mencarum secara aktif melalui caruman sukarela. Perbezaan caruman syer majikan turut menyumbang kepada situasi di mana kos upahan bagi pekerja bukan warganegara adalah lebih rendah berbanding pekerja tempatan.

Berdasarkan data dari Jabatan Perangkaan Malaysia, setakat Disember 2024, 14.4 peratus daripada tenaga buruh negara terdiri daripada pekerja bukan warganegara yang kebanyakannya tertumpu kepada pekerjaan asas atau separuh mahir. Kebergantungan kepada pekerja bukan warganegara dapat menyumbang kepada permintaan yang rendah kepada sumber tenaga pekerja tempatan.

Kajian *School-to-Work Transition Survey* yang diterbitkan oleh Institut Penyelidikan Khazanah (KRI) pada tahun 2019 mendapati empat daripada 10 orang belia Malaysia berpendapat bahawa mereka terpaksa bersaing dengan pekerja bukan warganegara untuk mendapatkan pekerjaan berkemahiran rendah.

Berdasarkan data DOSM 2023, median gaji bagi pekerja bukan warganegara adalah sebanyak RM1,529 sebulan, iaitu hanya RM25 lebih tinggi daripada gaji minimum pada tahun 2023. Laporan Kajian Bank Negara 2018 menunjukkan bahawa ketersediaan pekerja bukan warganegara juga diberikan upah yang rendah dalam industri akan mendorong kepada fenomena *wage suppression*, dengan izin.

Oleh itu, pelaksanaan caruman mandatori KWSP kepada pekerja bukan warganegara dijangka dapat menggalakkan pihak majikan untuk mengambil lebih ramai pekerja tempatan dan memperkukuhkan struktur gaji pekerja tempatan ke arah aspirasi negara untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi. Ini turut menyumbang kepada peningkatan penggunaan swasta domestik- *domestic private consumption*.

Yang Berhormat Senator Puan Noorita dan Yang Berhormat Senator Tuan Michael ada menyentuh mengenai sokongan pekerja bukan warganegara kepada pertumbuhan ekonomi. Dengan mewajibkan caruman KWSP, ia secara tidak langsung dapat mengurangkan kebergantungan kepada tenaga buruh bukan warganegara dalam jangka masa panjang sekali gus meningkatkan daya saing perniagaan tempatan yang mendorong kepada peralihan perniagaan ke arah automasi.

Kebergantungan kepada pekerja bukan warganegara berpotensi mengekang adaptasi teknologi, menjejaskan peralihan industri Malaysia ke arah Revolusi Industri 4.0 serta menyumbang kepada proses nyah industri resesi dalam kalangan syarikat tempatan. Kertas *Low-Skilled Foreign Workers' Distortions to the Economy 2018* dengan izin, oleh Bank Negara Malaysia mendapati bahawa kadar kebergantungan industri kepada pekerja bukan warganegara mempunyai hubungan kait tinggi dengan tahap produktiviti industri tersebut.

Sekiranya tiada caruman KWSP untuk pekerja bukan warganegara, ini menyebabkan kadar untuk menggaji pekerja bukan warganegara lebih murah berbanding pekerja tempatan. Maka, sebab itu adalah penting ikhtiar ini untuk mengelakkan ketidakseimbangan yang wujud dan menggalakkan penggajian rakyat tempatan dalam pekerjaan.

Selain itu, ini juga dapat membantu kerajaan dalam mengurangkan pekerja bukan warganegara tanpa dokumen kerana hanya pekerja sah yang berdaftar dengan majikan layak mencarum ke dalam KWSP. Kepada pekerja bukan warganegara pula, caruman wajib KWSP adalah insentif yang boleh dikeluarkan apabila mereka kembali ke negara asal setelah tamat tempoh pekerjaan dengan bukti penamatan pekerjaan.

Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas telah membangkitkan berkenaan aliran keluar tunai negara sekiranya polisi ini dikuatkuasakan. Majoriti pekerja bukan warganegara mempunyai kadar pendapatan boleh guna- *disposable income* yang lebih tinggi memandangkan mereka tidak perlu mencarum kepada KWSP.

■1640

Ini merupakan salah satu faktor yang menyumbang kepada aliran keluar wang dengan anggaran sebanyak RM34.2 bilion kiriman wang rasmi pada tahun 2023. Keadaan ini secara langsung boleh memberi tekanan kepada nilai mata wang Ringgit serta imbalan bayaran *balance of payment* negara.

Dengan pelaksanaan polisi ini, sebahagian daripada pendapatan pekerja bukan warganegara akan disalurkan ke dalam akaun KWSP pekerja tersebut bagi simpanan persaraan mereka dan secara langsung dapat mengekang sebahagian kiriman wang ke luar negara oleh pekerja bukan warganegara.

Oleh itu, polisi ini secara tidak langsung dapat membantu dalam kawalan aliran wang ke luar negara dan mengukuhkan nilai Ringgit Malaysia. Sesi libat urus dengan pelbagai pemegang taruh turut giat dilaksanakan demi memastikan dasar yang dibuat adalah holistik mengambil kira semua pandangan dan input pihak yang terlibat.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kewangan, KWSP telah mengadakan lebih 30 sesi libat urus dengan lebih daripada 20 orang pemegang taruh termasuk kementerian, agensi kerajaan dan persatuan majikan dan industri yang berkaitan bagi mendapat maklum balas mengenai pelaksanaan caruman KWSP ke atas pekerja bukan warganegara. Antaranya, membincangkan kadar caruman, kaedah pelaksanaan dan garis masa pelaksanaan.

Secara prinsipnya, majoriti pemegang taruh telah menyokong sokongan mereka terhadap liputan mandatori KWSP kepada pekerja bukan warganegara dengan mengambil kira objektif dan manfaat pelaksanaan cadangan ini. Namun begitu, persatuan-persatuan majikan menyuarakan kebimbangan mereka terhadap impak kepada kos perniagaan sekiranya kadar caruman bagi pekerja bukan warganegara ditetapkan pada kadar setara dengan pekerja warganegara.

Dalam mengimbangi hasrat kerajaan untuk mengurangkan jurang kesaksamaan perlindungan sosial antara pekerja Warganegara Malaysia dan bukan warganegara serta mengurangkan beban kewangan kepada majikan, kerajaan telah pun mengambil pendekatan lunak dengan menetapkan kadar caruman dua peratus bagi syer majikan dan dua peratus bagi syer pekerja.

Kadar caruman ini lebih rendah daripada kadar caruman mandatori yang ditetapkan untuk pekerja warganegara dan pemastautin tetap iaitu 11 peratus bagi syer pekerja dan 12 atau 13 peratus bagi syer majikan, tetapi ini adalah hanya buat permulaan kerana kita tak nak kenaikan itu yang mendadak dan mengejut. KWSP akan terus memantau untuk kenaikan pada tahun-tahun yang lain, tetapi akan mengambil kira *feedback* yang dia dapat daripada mereka yang ada kepentingan dalam area ini.

Yang Berhormat Senator Kesavadas dan Senator Tuan Michael ada bertanya mengenai usaha kerajaan untuk menangani majikan yang mengelak daripada memenuhi kewajipan mereka untuk mencarum.

Untuk makluman, KWSP sentiasa memantau dan menjalankan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan bagi memastikan polisi ini dapat dilaksanakan dengan lancar supaya

majikan memenuhi tanggungjawabnya untuk mencarum bagi pekerja sama ada warganegara atau bukan warganegara. Tiada perbezaan ke atas kaedah penguatkuasaan bagi majikan sama ada perkara yang melibatkan pekerja warganegara atau bukan warganegara berdasarkan peruntukan perundangan yang sedia ada.

Jadi, seperti yang sedia ada kalau ada *spot check* yang ada kalau orang itu tidak memenuhi, kita akan memegang majikan bertanggungjawab. Kalau kita menerima aduan daripada pekerja yang dia tidak dapat menerima caruman, KWSP akan terus memantau dan memegang kepada majikan untuk memenuhi tanggungjawab mereka.

Yang Berhormat Senator Puan Rita telah menyentuh berhubung liputan perlindungan sosial di usia tua bagi pekerja bukan warganegara. Pelaksanaan RUU ini adalah selaras dengan prinsip keadilan dalam pasaran buruh dengan memastikan perlindungan sosial untuk semua pekerja sejajar dengan piawaian antarabangsa dalam artikel 68 *Convention 102 International Labor Organization* yang menyatakan individu bukan warganegara seharusnya mempunyai hak yang sama seperti warganegara untuk perlindungan sosial.

Pada masa ini, terdapat jurang perlindungan yang mana pekerja bukan warganegara tidak mendapat perlindungan sosial bagi risiko pendapatan di usia tua. Jurang perlindungan ini tidak selaras dengan komitmen kerajaan dalam mendukung piawaian antarabangsa bagi memenuhi prinsip kesaksamaan kepada pekerja tanpa mengira kewarganegaraan seperti yang diperincikan dalam piawaian antarabangsa seperti matlamat pembangunan mampan, *sustainable development goal* satu dan lapan dan *Global Compact for Migration 2018*, objektif 22 yang menyarankan negara anggota untuk meluaskan perlindungan sosial kepada pekerja bukan warganegara.

Selain itu, Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) juga menyarankan melalui cadangan 151 *migrant workers* agar negara anggota memberi akses perlindungan sosial kepada pekerja bukan warganegara termasuk keselamatan sosial. ILO juga menyarankan agar hak keselamatan sosial pekerja bukan warganegara dilindungi melalui perjanjian *bilateral* ataupun *multilateral*. Cadangan ILO ini juga adalah selaras dengan *ASEAN Declaration on Portability of Social Security Benefit for Migrant Workers 2022* yang bertujuan untuk meningkatkan kerjasama antara negara-negara ASEAN dalam memberi perlindungan sosial kepada pekerja migran.

Malaysia selaku Pengerusi ASEAN bagi tahun 2025 perlu mengambil langkah proaktif dalam memberi perlindungan sosial kepada pekerja bukan warganegara. Sehubungan itu, Kementerian Kewangan dan KWSP akan menjalankan kajian bagi membolehkan dengan izin, *portability of social security benefit* dalam usaha berpanjangan untuk membolehkan simpanan

KWSP pekerja bukan warganegara dipindah kepada tabung persaraan di negara asal mereka.

Oleh itu, pelaksanaan polisi ini akan dapat memastikan semua pekerja di Malaysia tanpa mengira kewarganegaraan mempunyai akses kepada perlindungan sosial sekali gus meletakkan Malaysia sebagai salah satu- negara patuh piawaian antarabangsa dalam menjaga kebajikan semua pekerja. Pengiktirafan sebagai negara yang patuh piawaian antarabangsa ini juga dapat melindungi majikan daripada risiko sekatan antarabangsa seperti yang pernah dihadapi oleh syarikat tempatan akibat tuduhan layanan terhadap pekerja yang kurang baik.

Selaras dengan perancangan Kerajaan Madani untuk mempertingkatkan serta memperkasakan industri tempatan melalui Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP 2030). Malaysia tidak boleh mengambil risiko yang boleh mengakibatkan sekatan perdagangan. Justeru itu, bagi memastikan kelangsungan akses perdagangan kepada pasaran global serta meningkatkan eksport negara, kerajaan mengambil tindakan untuk dengan izin, *future proof* industri Malaysia dengan menyelaraskan dasar negara dengan piawaian antarabangsa.

Yang Berhormat Senator Puan Noorita menyentuh keputusan Singapura yang telah menghentikan caruman CPF terhadap pekerja asing di negara mereka. Untuk makluman Dewan ini, Singapura dan Malaysia mempunyai keperluan dan kebergantungan kepada tenaga buruh asing berbeza berikutan pada faktor struktur ekonomi dan demografi yang berbeza. Polisi untuk mewajibkan pekerja bukan warganegara mencarum ke dalam sistem pencen dan persaraan kebangsaan telah dilaksanakan di lebih 70 buah negara di seluruh dunia.

Dengan konteks ASEAN, negara-negara seperti Thailand, Indonesia dan Kemboja telah melangkah ke hadapan untuk mewajibkan caruman mandatori persaraan kepada pekerja bukan warganegara di negara mereka.

■1650

Negara yang mempunyai kebergantungan tinggi kepada pekerja bukan warganegara seperti Bahrain dan Oman juga telah melaksanakan atau mengumumkan cadangan pelaksanaan untuk mewajibkan caruman pekerja bukan warganegara ke dalam skim persaraan kebangsaan mereka. Oleh itu, polisi untuk mewajibkan perlindungan sosial kepada pekerja bukan warganegara ini adalah selari dengan amalan baik antarabangsa.

Datuk Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas, Yang Berhormat Senator Puan Noorita, Yang Berhormat Senator Datin Hajah Ros Suryati, Yang Berhormat Senator Tuan Amir, Yang Berhormat Senator Datuk Rosni telah menyentuh berhubung mekanisme pelaksanaan dan penetapan kadar caruman KWSP kepada bukan warganegara.

Cadangan pelaksanaan caruman mandatori ini akan melibatkan semua pekerja bukan warganegara yang domisilnya adalah di luar Malaysia dan memegang pas atau permit kerja sah yang dikeluarkan oleh imigresen termasuklah golongan aspek trik dan jangka pendek. Pekerja-pekerja yang tidak sah atas apa-apa sebab termasuk yang tinggal lebih masa atau warga asing tanpa permit kerja yang sah tidak akan diliputi dalam skim KWSP. Pelaksanaan ini secara tidak langsung menggalakkan pendaftaran pekerja bukan warganegara dibuat secara sah.

Dengan adanya caruman KWSP, kes-kes pekerja lari dijangka akan berkurangan. Dengan mengambil kira maklum balas yang dikemukakan oleh pelbagai pemegang taruh, cadangan ini akan dilaksanakan melalui pendekatan lunak dengan penetapan kadar caruman dua peratus pada *share* majikan dan dua peratus pada *share* pekerja iaitu lebih rendah daripada kadar caruman pekerja tempatan buat masa sekarang. Pendekatan lunak ini adalah salah satu ikhtiar Kerajaan MADANI bagi merapatkan jurang kesaksamaan perlindungan sosial antara pekerja bukan warganegara dan pekerja warganegara serta mengimbangi kerisauan majikan berkenaan peningkatan kos.

Berhubungan dengan pendaftaran pekerja bukan warganegara, KWSP sedang merangka pelaksanaan pendaftaran secara integrasi dengan pangkalan data agensi kerajaan berkaitan khususnya Jabatan Imigresen Malaysia bagi proses pengesahan identiti dan pendaftaran pekerja bukan warganegara secara automatik. KWSP juga akan bekerjasama dengan pihak bank bagi mengesahkan maklumat akaun bank pekerja bukan warganegara yang tepat. KWSP juga akan meluaskan saluran pendaftaran secara talian melalui i-akuan majikan dan *self-service terminal* bagi menangani jangkaan peningkatan bilangan ahli di cawangan KWSP.

Secara keseluruhannya ikhtiar ini dijangka tidak memberi impak signifikan kepada kelancaran operasi dan kestabilan sistem KWSP. KWSP giat menambah baik ketersediaan operasi dan sistem supaya pelaksanaan kelak akan efisien dan lancar.

Ada juga pertanyaan tadi mengenai berapakah anggaran akan dapat dikutip pencaruman ini? KWSP menganggarkan sebanyak RM2.04 bilion dapat dimasukkan dalam dana KWSP melalui 2.5 juta orang ahli bukan warganegara dengan gaji minimum RM1,700. Pada masa depan, kalau ada peningkatan daripada nilai caruman dan nilai dana ini juga akan meningkat selari dengan kenaikan.

Untuk pertanyaan tentang tarikh dijangka dilaksanakan. KWSP menjangka akan melaksanakan skim ini mulai suku ke-empat tahun 2025. Ini untuk membenarkan masa untuk *registration* oleh semua yang sepatutnya masuk. Ada banyak cadangan yang diterima untuk penambahbaikan. Kita ambil maklum di mana kita ada peluang melalui peraturan-peraturan yang ada dalam KWSP untuk penambahbaikan, tapi sebagai dasarnya seperti yang kita kata

secara kesaksamaan, apa-apa yang kita ada kelonggaran untuk warganegara, skimnya terpakai untuk bukan warganegara juga.

Jadi daripada segi dasarnya, ketiga-tiga akaun yang ada dalam KWSP akan terpakai kepada bukan warganegara. Jadi Akaun 1 untuk persaraan, Akaun 2 untuk pengeluaran yang ada matlamatnya dari jangka masa pertengahan dan Akaun 3 yang akaun fleksibel, memang dia boleh mengeluarkan untuk penggunaan kecemasan.

Dengan itu Datuk Yang di-Pertua, saya berterima kasih di atas semua cadangan, teguran yang diberikan. Isu ini memang adalah satu usaha kerajaan untuk mengurangkan jurang tapi juga bukan kerana mengurangkan jurang antara warganegara dengan bukan warganegara, tapi untuk memastikan ada *catalyst* untuk majikan juga berganjak untuk *digitalization* dan automasi dan juga untuk menggaji lebih ramai warganegara tempatan kerana jurangnya berbeza sekali buat masa sekarang. Itulah kerana kita berharap dan untuk sekarang, yang pentingnya juga kita mengambil piawaian antarabangsa, jadi Malaysia menjadi antara negara yang contoh dan dapat mempertahankan proses yang kita ada untuk sentiasa dapat meningkatkan lagi perniagaan yang ada dalam negara.

Sekali lagi saya merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih atas pandangan input-input yang dikongsikan.

Datuk Edward Linggu Bukut: Datuk Speaker, boleh mohon sedikit pencerahan.

Timbalan Yang di-Pertua: YB Menteri.

Datuk Seri Amir Hamzah Azizan: Ya *sure*.

Datuk Edward Linggu Bukut: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi saya dengar Yang Berhormat Menteri ada menyatakan apa jua peraturan-peraturan yang terpakai juga terpakai kepada warga asing. Ada dua isu, mungkin saya mohon pencerahan.

Satu, *in the event of* pencarum tadi itu meninggal dunia sama ada saudara dia yang mungkin bukan ada di negara kita, di luar negara asal dia, adakah mereka juga layak untuk menuntut caruman yang ditinggalkan oleh si mati kedua- si mati tadi.

Kedua, Yang Berhormat Menteri ada cakap tadi, bila dia mahu berhenti kerja, *he can have full withdrawal of* dia punya EPF, dengan izin, tetapi misalan katalah setahun, dua tahun kemudian dia berpeluang lagi balik ke negara kita dan mendapat pekerjaan, *will that be given the same treatment* untuk menabung dalam EPF *and the same* peraturan. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Amir Hamzah Azizan: Terima kasih atas soalan tadi. Ya, seperti saya katakan tadi, apa-apa peraturan yang kita ada untuk warganegara akan terpakai untuk bukan warganegara. Jadi dalam situasi di mana ahli itu meninggal dunia, warisnya berhak untuk mendapat apa-apa yang ada dalam sistem KWSP daripada caruman yang diletakkan. Dia

akan mengikut peraturan yang ditetapkan oleh KWSP macam mana untuk membuktikan dialah waris sah.

Untuk isu yang lagi satu, memang dalam pertimbangan KWSP sekarang ialah untuk menetapkan klausa-klausa yang berpatutan untuk memastikan mereka yang menyatakan dia telah keluar daripada sistem penggajian di Malaysia adalah *permanent withdrawal*. Jadi, seorang itu bila *work permit* dia mati tiap-tiap tahun, takkan dia nak bawa keluar tiap-tiap tahun kan. Jadi, kita akan letakkan garis panduan agar tak ada situasi- itu akan *defeat the purpose* yang kenapa kita mewujudkan rang undang-undang ini. Terima kasih.

Jadi Datuk Yang di-Pertua, sekianlah sahaja daripada penggulungan saya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih YB Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 11 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Kewangan (Puan Lim Hui Ying) dan diluluskan]

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa, 25 Mac 2025.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.02 petang]